



9ft- PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUABELAS 2012**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 19 JUN 2012

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO.
5,10 HINGGA 109)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUND ANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]
Tarikh Menjawab	19Jun2012 [Selasa]
Soalan	No.5

PR-1252-L49517

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah peruntukan dan jumlah peserta di bawah skim bantuan pekebun kecil ladang sawit, getah dan lada di Sarawak semenjak bantuan ini ditubuhkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam memastikan para pekebun kecil di sektor komoditi dapat meningkatkan hasil dan produktiviti tanaman, sekaligus meningkatkan pendapatan mereka. Hasrat ini diterjemahkan melalui bantuan kewangan bagi program-program tanaman baru dan tanaman semula, serta aktiviti-aktiviti pengembangan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

Berhubung dengan bantuan-bantuan berkenaan komoditi sawit, getah dan lada yang disediakan kepada pekebun-pekebun kecil di Sarawak adalah seperti berikut:

a. Tanaman Sawit

- Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti (SBABB) telah bermula pada tahun 2006 sehingga 2010. Bantuan berbentuk input pertanian iaitu anak benih (150 pokok sehektar), baja fosfat (50 kg sehektar) dan bantuan baja sebatian (bagi tahun pertama ialah 0. 5 tan sehektar dan bantuan baja bagi tahun kedua 1 tan sehektar). Anggaran nilai bantuan adalah diantara RM3,500 - RM4.500 sehektar. Bantuan maksimum bagi skim ini adalah 5 hektar/1 pekebun kecil. Jumlah penerima skim ini di Sarawak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

dari

tahun 2006 sehingga 2010, adalah seramai 3,228 peserta dengan keluasan 6,777.5 hektaryang bernilai RM35.13 juta.

- Manakala pada tahun 2011 sehingga sekarang, bantuan kewangan sebanyak RM9.000 sehektar dalam bentuk input pertanian seperti anak benih sawit berkualiti, baja, dan racun rumpai serta kos pembersihan tanah disediakan di bawah Skim Bantuan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Sehingga Mei 2012, sejumlah RM 153.66 juta telah disalurkan kepada 6,166 orang pekebun kecil sawit di negeri Sarawak. Jumlah ini termasuk RM151.39 juta bagi TBSPK yang melibatkan 5,714 peserta, RM1.75 juta bagi TSSPK yang melibatkan 53 peserta. Senarai nama penerima bantuan ada di muat naik di dalam laman web MPOB yang dikemaskini setiap 4 bulan.
- Di bawah Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC), Kerajaan memberikan bantuan kewangan sebanyak RM1,000 bagi setiap pembelian mesin penuai buah tersebut. Sehingga Mei 2012 seramai 292 pekebun kecil di Sarawak telah diberikan diskalun ini dengan nilai peruntukan sebanyak RM292,000.
- Jumlah keseluruhan bantuan yang telah diberikan kepada negeri Sarawak adalah sebanyak RM 189.08 juta mulai 2006 sehingga Mei 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

b. Tanaman Getah

- Bantuan bagi pekebun-pekebun kecil getah di Sarawak telah bermula sejak 1991 yang meliputi Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8), Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Program kerjasama *Rubber Research Institute Malaysia* (RRIM) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) melalui penubuhan mini estet dengan sasaran seluas 8,000 hektar.
- Bantuan di dalam RMK-8 dengan peruntukan berjumlah RM2 juta yang tertumpu kepada plot pemindahan teknologi dan bekalan bahan tanaman.
- Manakala bagi RMK-9, program-program berikut dilaksanakan:
 - i. Program Ransangan Ekonomi 2 (PRE 2) bernilai RM3 juta;
 - ii. Pusat latihan di Similajau dengan jumlah bantuan sebanyak RM2.14 juta; dan
 - iii. Program Pemindahan Teknologi berjumlah 5.39 juta.
- Bagi RMK-10, peruntukan sebanyak RM73.198 juta disediakan untuk program tanam baru dan tanam semula di negeri Sarawak yang dilaksanakan oleh JPS dan RISDA. Di samping itu, Program Getah Untuk Pribumi juga dilaksanakan dengan peruntukan bantuan berjumlah RM877.000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

- Bantuan kewangan sebanyak RM 13,500 sehektar berbentuk input pertanian seperti anak benih getah berkualiti, baja, dan racun rumpai serta kos pembersihan tanah disediakan di bawah Skim Bantuan Tanam Semula dan Tanam Baru getah.
- Peruntukan sejumlah RM3.72 juta telah disalurkan kepada 6,518 orang pekebun kecil di Sarawak di bawah Skim bantuan Tanam Baru dan Tanam Semula Getah.
- Secara keseluruhannya, seluas 165,423 hektar kawasan mini estet yang telah dibangunkan dan melibatkan seramai 112,00 pekebun kecil di negeri Sarawak.
 - i. **Tanaman Lada**
 - Program bantuan tanaman lada kepada pekebun kecil lada bermula sejak tahun 1970 an dan ia dilaksanakan oleh JPS. MPB mula aktif di dalam program bantuan ini sejak RMK-9 khususnya bagi Program 5P (Program Peningkatan Pendapatan dan Produktiviti Pekebun Kecil).
 - Pada tahun 2007, bantuan sebanyak RM6.4 juta yang melibatkan 4,478 pekebun kecil dengan keluasan 631.8 hektar.
 - Bagi tahun 2008, bantuan sebanyak RM6.1 juta yang melibatkan 5,821 pekebun kecil dengan keluasan 781.8 hektar.
 - Manakala pada tahun 2009, bantuan sebanyak RM3.2 juta yang melibatkan 5,821 pekebun kecil dengan keluasan 781.8 hektar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

- Pada tahun 2010 bantuan sebanyak RM4.7 juta yang melibatkan 4,615 pekebun kecil dengan keluasan 529.5 hektar.
- Jumlah keseluruhan bagi RMK-9 bantuan sebanyak RM20.4 juta telah diberikan kepada 20,731 pekebun kecil dengan jumlah keluasan 2,724.9 hektar.
- Terdapat 3 bantuan kepada pekebun kecil yang telah disediakan:
 - Bantuan kewangan sebanyak RM 14,000 sehektar yang berbentuk input tanaman yang merangkumi keratan lada, tiang sokongan, baja, racun kulat dan alat-alat pemprosesan disediakan di bawah Program Penanaman Baru Lada.
 - Bantuan kewangan sebanyak RM8,000 sehektar yang berbentuk input tanaman yang merangkumi baja, racun kulat dan dolomite disediakan di bawah Program Baikpulih Tanaman Lada.
 - Bantuan kepada pekebun kecil dalam bentuk alat pemprosesan dan kemudahanladang lada serta infrstruktur ladang disediakan di bawah Program Pengeluaran Lada Tambah Nilai.
- Bagi ketiga-tiga program lada tersebut, bantuan berjumlah RM11.58 juta telah diberikan kepada 9,114 orang pekebun kecil di Sarawak sehingga Mei 2012. Jumlah ini termasuk RM8.97 juta bagi Program Baikpulih Tanaman Lada yang melibatkan 4,714 peserta, RM2.03 juta bagi Program Tanaman Baru Lada yang melibatkan 4,400 peserta dan RM581.8 ribu bagi Program Pengeluaran Lada Tambah Nilai yang menempatkan 343 unit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-13, 2012**

kemudahan pemprosesan lada di seluruh negeri Sarawak.

SOALAN NO:

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

JAWAB LISAN PERTANYAAN

**YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN
AB KADIR
[KETEREH]**

TARIKH **19.06.2012**

SOALAN **10**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah bantuan yang telah diberi kepada penerima di negeri Kelantan di bawah Program Bantuan Rumah dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bagi tahun 2008 hingga 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua:

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah **RM183.3 juta** telah diperuntukkan bagi Negeri Kelantan dalam tempoh 2008 hingga 2011 bagi membiayai prog ram-prog ram di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) iaitu:

- (i) Sejumlah **RM116.3 juta** telah diperuntukkan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dengan pelaksanaan 8,119 projek iaitu melibatkan 2,442 unit bina baru dan 5,677 unit baik pulih.
- (ii) Sebanyak **RM19.4 juta** diagihkan untuk pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dengan matlamat memberikan tambahan pendapatan bulanan kepada 1,967 orang peserta;
- (iii) Sejumlah **RM21.5 juta** bagi membiayai aktiviti dan

program-program modal insan SPKR yang memberikan manfaat dalam bentuk pengukuhan jati diri, peningkatan kecemerlangan pendidikan dan latihan kemahiran kepada seramai 30,345 penerima faedah;

- (iv) Sejumlah **RM21.16 juta** bagi membiayai pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) yang telah mewujudkan 7 projek penempatan golongan miskin tegar yang teratur, selesa dan selamat; dan
- (v) Sejumlah **RM4.94 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan pemberian bantuan bakul makanan yang memberi manfaat kepada seramai 1,800 keluarga miskin tegar di Kelantan.

NO. SOALAN:

11 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD[MUKAH]
TARIKH : 19JUN2012

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan untuk pembangunan jalan raya dan infrastruktur untuk kawasan SCORE dalam tahun 2012.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan wilayah SCORE ini memberi manfaat besar kepada rakyat Sarawak. Hasil pelaksanaan SCORE akan mewujudkan pembangunan wilayah di Sarawak yang lebih seimbang serta menjadi pemangkin kepada perkembangan pusat pertumbuhan baru di kawasan tengah Sarawak iaitu di Tanjung Manis, Mukah dan Samalaju, Bintulu. Berdasarkan bajet pembangunan RMKe-10 *Rolling Plan* Kedua, pada tahun 2012, sejumlah RM62.3 juta telah disalurkan untuk projek-projek SCORE seperti pembinaan jalan raya, bekalan air dan infrastruktur untuk taman industri yang telah berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan.

SOALAN 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

**Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI
BIN OTHMAN [PENDANG]**

TARIKH

19 JUN 2012

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Jumlah kedatangan pelancong asing ke dalam negara mengikut negeri khususnya ke Langkawi sepanjang 5 tahun lepas serta langkah Kementerian untuk memusatkan lagi penglibatan penduduk tempatan dalam mengaut hasil dari kebanjiran pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Pendang, kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi sepanjang 5 tahun yang lepas amat memberangsangkan dan setanding dengan pulau-pulau peranginan terkemuka lain seperti Mauritius dan Maldives.

Pada tahun 2011, kedatangan pelancong asing ke pulau ini ialah seramai **1,054,120 orang** dan ia merangkumi hampir 50% daripada jumlah keseluruhan pelancong yang melawat pulau legenda ini. Berikut ialah jumlah pelancong asing yang datang ke Pulau Langkawi dari tahun 2007 hingga 2011:-

TAHUN	JUMLAH PELANCONG ASING
2007	1,614,424
2008	1,522,628
2009	1,763,314
2010	1,053,202
2011	1,054,120

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan Langkawi terus bersaing dan menjadi pulau pelancongan antara yang terbaik di dunia, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Blueprint Pelancongan Langkawi pada 8 Disember 2011 bagi merancakkan lagi aktiviti pelancongan. Sebanyak 14 inisiatif telah dikenalpasti di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi yang akan dilaksanakan bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai 10 pulau terbaik dunia.

Pelaksanaan *Blueprint* ini dijangka akan dapat menggandakan pendapatan sektor pelancongan kepada RM3.8 bilion menerusi kedatangan tiga juta pelancong pada 2015 selain mewujudkan sebanyak 4,200 peluang pekerjaan baru.

Industri pelancongan telah menjadi sektor terpenting bagi kegiatan ekonomi Pulau Langkawi. Lebih daripada 90% sumber ekonomi dan pendapatan masyarakat tempatan Langkawi adalah bergantung kepada sektor pelancongan. Pelaksanaan 14 inisiatif di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi antaranya jaringan pengangkutan serta pertanian dan perikanan akan memberi manfaat dan limpahan yang banyak kepada penduduk.

Langkawi Development Authority (LADA) juga telah menubuhkan Unit Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan bagi membantu dalam memberi khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana mengenai peluang-peluang perniagaan di Langkawi.

Dalam hubungan ini, LADA telah mengadakan Bengkel Keusahawanan Langkawi 2012 pada 14-15 Mei 2012 untuk usahawan-usahawan kecil di Langkawi. Seramai 234 usahawan terlibat dalam bengkel tersebut. _____

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 JUN 2012 (SELASA)

**DARI PADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]**

SOALAN

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

menyatakan peruntukan bagi program landskap dan apakah perkembangan Dasar Landskap Negara sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian di peruntukan sebanyak RM 18.6juta dalam tahun 2012 untuk projek sambungan pembangunan landskap sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian tiada peruntukan untuk projek baru yang diluluskan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Dasar Lanskap Negara secara rasminya telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 30 September 2011. Pihak Kementerian dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi-agensi Kerajaan dan pihak yang berkepentingan sedang melaksanakan 74 pelan tindakan yang digariskan di bawah Dasar Lanskap Negara secara berperingkat.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PERTANYAAN : JAWABL1SAN

DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)

TARSKH : 19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN :

Pyan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta SiENTERI

PEMBAPJGUNAW WANITA DAN KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan:

(a) pelan tindakan program Kerajaan untuk mengurangkan kes keganasan rumah tangga; dan

(b) adakah Kementerian akan mengikut langkah Kerajaan Australia untuk menubuhkan satu suruhanjaya bagi menangani masalah keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius kes keganasan rumah

tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental, sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumah tangga adalah sebanyak 3,173 kes pada tahun 2010 dan 3,277 kes pada tahun 2011.

Sementara itu, berdasarkan maklumat kerja kes yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), lima (5) sebab utama berlaku kes keganasan rumah tangga ialah perselisihan fa ham (33.29%), penagihan dadah (9.33%), masalah kewangan (9.33%), mempunyai

Membuat pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Pindaan ini telah diluluskan di Parlimen pada 21 Disember 2012 dan dikuatkuasakan pada 20 Februari 2012. Antara pindaan utama adalah seperti berikut:

- a. memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga bagi meliputi penderaan emosi, mental dan psikologi serta penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa

dan mangsa kanak-kanak;

- b. menjamin mangsa mendapat perlindungan tambahan bagi melarang pelaku keganasan rumah tangga menghampiri mangsa pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau pada apa-apa jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah;
- c. memudahkan urusan mendapatkan perintah perlindungan sama ada perintah periindungan (PO) atau perintah perlindungan interim (IPO). Dalam hal ini, IPO dan PO boleh difailkan di mana-mana mahkamah dan boleh dikeluarkan oleh mana-mana pegawai mahkamah dan tidak terhad kepada Pendaftar Mahkamah sahaja;
- d. IPO boleh dibuat melalui permohonan secara *ex parte* sama ada oleh pemohon; peguam pemohon atau seorang pegawai kebajikan bagi pihak pemohon;
- e. membenarkan penyampaian IPO dan PO dibuat melalui penyampaian ganti iaitu dengan meninggalkan satu salinan perintah di alamat terakhir diketahui; menampalkan satu salinan perintah di papan notis mahkamah atau dengan cara lain yang diarahkan oleh mahkamah; dan

- f. kesalahan keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan yang boleh ditangkap (*seizable offence*).
- ii. KPWKM melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan

masyarakat khususnya wanita. Program advokasi ini dilaksanakan di peringkat kanak-kanak, pelajar institusi pengajian tinggi, keluarga dan komuniti. Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

- a. Seminar Kepekaan Gender;
- b. Kelab *Youth Orbit (YO)~ Circle of Influence*;
- c. Seminar Literasi Undang-undang;
- d. Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita;
- e. Bengkel Selamatkan Diri Anda (SeDiA);
- f. Program Pengurusan Emosi;
- g. Kursus Praperkahwinan SMARTSTART LPPKN; dan
- h. Program pengurusan kewangan keluarga

SSVtARTbelanja@LPPKN.

Program-program yang dinyatakan di atas dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Polis Diraja Malaysia, Unit One Stop Crisis Centre (OSCC) di hospital dan pertubuhan bukan Kerajaan seperti *Women's Aid*

Organisation (WAO), *Women Crisis Centre* (WCC), Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan *All Women's Action Society Malaysia* (AWAM).

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga seperti berikut:

- a. khidmat bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa keganasan rumah tangga. Sebanyak 192 kes bagi tahun 2010 dan 130 kes sepanjang tahun 2011 telah diberi perkhidmatan kaunseling oleh JKM dan JPW; dan
- b. Perkhidmatan Talian Nur 15999 diperkenalkan pada 5 Disember 2007 bagi memudahkan orang awam termasuk mangsa keganasan rumah tangga membuat aduan atau pun membuat pertanyaan yang berkaitan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 118 aduan mangsa keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Nur 15999 dan diberi intervensi oleh JKM. Bagi tahun 2011 pula sebanyak 163 aduan mangsa keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Nur 15999

dan diberi intervensi oleh JKM.

- (b) Berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu suruhanjaya ditubuhkan bagi menangani masalah keganasan rumah tangga, Kementerian tidak bercadang untuk menukuhkan suruhanjaya tersebut buat masa ini. Sebaliknya, Kementerian akan mengguna pakai mekanisme sedia ada iaitu jawatankuasa antara agensi dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGQ) bagi menangani isu-isu keganasan rumah tangga.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : ye DATUKWEE JECK SENG

KAWASAN : TANJONGPIAI

TARIKH : 19.06.2012(Selasa)

NO. SOALAN : 15

DATUK WEE JECK SENG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kuokuang Petrochemical Technology Co., syarikat Taiwan akan melabur di sekitar kawasan Tanjong Piai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Setakat ini, MITI belum menerima sebarang permohonan daripada Kuokuang Petrochemical Technology Co., untuk melabur di kawasan Tanjong Piai (Selatan Barat Semenanjung Malaysia) atau di mana-mana tempat lain di Malaysia. Mereka hanya tertumpu kepada kawasan

Pengerang dalam menjalankan kajian terperinci untuk kemungkinan penubuhan sebuah loji petrokimia. Pada dasarnya, sebelum sesuatu projek petrokimia diberikan kelulusan, Laporan Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (EIA) perlu dijalankan oleh syarikat termasuk mendapatkan pandangan daripada masyarakat (public request for information) mengenai projek tersebut dan laporan ini perlu diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI KAMARUDDIN

TARIKH: 19JUN2012

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah sistem sokongan serta program yang telah dijalankan bagi membantu memastikan golongan OKU mempunyai peluang pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta serta apakah statistik keberkesanannya.

PR-1252-L50833

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pada masa kini terdapat 1,686 bilangan penjawat awam di kalangan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Kerajaan mensasarkan pengisian OKU dalam sektor awam sebanyak 1 %.

2. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melaksanakan projek Skim Bantuan Galakan Peniagaan Orang Kelainan Upaya (SBGP-OKU) bagi menyalurkan bantuan dalam bentuk geran kepada usahawan OKU untuk **menqembangkan perniagaan** mereka dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi golongan OKU supaya penyertaan OKU dalam pasaran pekerjaan dapat dipertingkatkan. Projek ini memberikan keutamaan dengan menggalakkan OKU bagi **memulakan atau menambah baik perniagaan** dan juga menggalakkan pengajian OKU dengan budaya dan tempat kerja yang kondusif bagi membantu OKU menjana pendapatan dan digajikan.
3. SBGP-OKU telah mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia KeSembilan (RMKe-9) bagi tempoh 2007 hingga 2010 dengan peruntukan sebanyak 16 juta. Projek ini diteruskan di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10) dengan peruntukan sebanyak RM3 Juta bagi tahun 2011, RM3 juta bagi tahun 2012 dan RM4 juta bagi tahun 2013.
4. Projek ini dilaksanakan dengan menyalurkan bantuan dalam bentuk peralatan, ubahsuai premis perniagaan dan juga pemasaran. Setiap permohonan dinilai melalui siasatan oleh pasukan Penilai di setiap negeri.
5. Bagi tempoh Mac 2007 hingga Disember 2012, sebanyak 634 permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM 19,329,850.00. Kesemua usahawan yang telah menerima kelulusan ini menawarkan 1,424 peluang pekerjaan kepada OKU. Daripada jumlah tersebut, seramai 846 OKU (59%) telah diambil bekerja oleh usahawan OKU ini.
6. Bagi tahun 2012, sehingga 15 Mac 2012, seramai 36 OKU telah

diberi kelulusan dan melibatkan peruntukan sebanyak RM899,373.00.

Jadual 1: Bilangan penerima SBGP-OKU bagi tempoh 2007-2011

TAHUN	KELULUSAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM)
2007	62	2,404,000
2008	132	4,638,440
2009	134	5,510,916
2010	184	3,446,734
2011	122	3,299,850.00
JUMLAH	634	19,229,850.00

Tuan Yang Di Pertua,

7. Salah satu program sokongan yang diwujudkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membantu para pekerja termasuk golongan orang kelainan upaya (OKU) di negara ini ialah melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Majlis tersebut merupakan suatu saluran dan platform khusus untuk perbincangan tripartisme yang melibatkan pihak kerajaan, majikan dan pekerja berkenaan isu-isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja.
8. Melalui Majlis ini, masalah-masalah berkenaan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan di kalangan pekerja wanita, OKU dan golongan-golongan lain dalam masyarakat akan diutarakan dan seterusnya dibincangkan, dikaji dan disiasat melalui proses tripartisme. Cadangan-cadangan hasil daripada perbincangan tersebut akan dikemukakan kepada Menteri Sumber Manusia untuk tindakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA
DARI PADA	N
	Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH	19 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat memperuntukkan bajet untuk memindahkan SK Mandor Aris, Selalang ke tapak baru memandangkan sekolah itu berdepan dengan kilang industri kayu dan ia mengeluarkan udara berhabuk dan sebilangan besar pelajar-pelajar menghadapi masalah kesihatan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan mengemukakan cadangan gantian penuh bagi SK Mandor dalam *Third Rolling Plan* (3RP) RMKe-10. Walau bagaimanapun, kelulusan projek tersebut adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Cadangan projek dalam 3RP bagi SK Mandor ialah gantian penuh 12 bilik darjah dan lain-lain kemudahan, bangunan asrama untuk 100 orang murid (50 lelaki , 50 perempuan) dan lain-lain kemudahan serta rumah guru sebanyak 6 unit (Kelas F) dan lain-lain kemudahan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 19.06.2012

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengukur kadar inflasi dan nyatakan apakah program-program untuk membendung dari kenaikan harga barang berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur perubahan kos pembelian bagi "bakul" tetap barang dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia. "Bakul" ini merangkumi pelbagai barang dan perkhidmatan berjumlah 512 item dengan anggaran 750 spesifikasi yang diklasifikasikan kepada 12 kumpulan berdasarkan kepada piawaian antarabangsa.

2. Pemilihan barang dan penentuan wajaran bagi setiap barang berdasarkan daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada setiap 5 tahun. Sebagai contoh kategori item berwajaran besar di dalam IHP ialah makanan (30.3%), Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (22.6%) dan Pengangkutan

(14.9%) berbanding Pendidikan (1.4%), Kesihatan (1.3%) serta Restoran dan Hotel (3.2%).

3. Kadar inflasi bagi tahun 2011 telah meningkat 3.2% berbanding 2.2% pada tahun 2010 kesan daripada kenaikan harga makanan di peringkat global. Pada ketika ini, kadar inflasi dalam negara mula menunjukkan tren penurunan. Bagi tempoh empat bulan pertama 2012, inflasi yang dicatatkan adalah lebih rendah pada 2.2% berbanding 2.9% dalam tempoh yang sama tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa memantau perkembangan inflasi agar dapat menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi menangani kesan inflasi yang tinggi. Ini bagi mengelakkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah serta mudah terjejas, dibebankan dengan kos hidup yang meningkat. Justeru, semasa episod inflasi yang meningkat pada tahun 2008 dan 2010 akibat peningkatan harga komoditi global yang tinggi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti meningkatkan pengeluaran, mengawal harga dan menguatkuasakan undang-undang serta menawarkan alternatif barang kepada pengguna untuk mengawal kenaikan harga barang. Antaranya adalah seperti berikut:

Mengawal harga petrol, diesel dan gas masak serta beras (ST15), gula, susu pekat manis dan tepung gandum;

Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula dan gas masak. Bagi tahun 2011, satu peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta telah diluluskan di bawah Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga barang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia;

Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barang yang dikawal supaya para peniaga tidak

sewenang-wenangnya menaikkan harga. Kerajaan juga telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 bagi mengekang syarikat atau individu menjual barang atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau. Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Kabinet bagi menangani isu-isu bekalan dan harga.

Menguatkuasakan Akta Persaingan 2012 untuk mengurangkan amalan anti persaingan oleh sebuah atau beberapa buah entiti perniagaan bagi melindungi kepentingan pengguna.

Memantau bekalan barang keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

Mengawal harga beberapa jenis barang keperluan makanan mengikut musim perayaan;

Memperuntukkan RM230 juta sebagai intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi;

Memperuntukkan 1.1 bilion ringgit di bawah Bajet 2012 bagi pembangunan sektor pertanian serta memperbanyak lagi program ladang kontrak di bawah kendalian FAMA bagi memastikan bekalan produk makanan mencukupi;

Mewujudkan portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" bagi memudahkan rakyat mendapatkan maklumat terkini berkaitan harga barang pengguna bagi tujuan perbandingan di kedai-kedai termasuk pasar raya besar, pasar raya dan pasar basah serta mengikuti perkembangan harga terkini barang yang dikemas kini oleh pegawai pemantau harga;

Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015;

Memperkenalkan Kedai Rakyat IMalaysia (KR1M) yang menawarkan harga lebih rendah sehingga 40 peratus dan di bawah Bajet 2012, KR1M akan diperkenalkan ke seluruh negara; dan

Memperluas dan mempromosi Menu Rakyat IMalaysia dengan pakej menu makanan popular pada harga yang berpatutan.

5. Langkah-langkah bersepadu dan polisi monetari bersesuaian yang telah diambil oleh Kerajaan ini telah membantu dalam meredakan tekanan inflasi daripada kenaikan tinggi seperti yang dialami pada tahun 2008 dan 2010.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN MASIR ANAK
KUJAT**

(SRI AMAN)

TARIKH

19.06.2012 (selasa)

SOALAN

10 ,

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Parlimen Sri Aman dalam tahun 2010-2012.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada tahun 2010-2012 telah meluluskan pelaksanaan 24 projek BELB di kawasan Parlimen Sri Aman dengan kos berjumlah RM86.49 juta dan dijangka akan memberi manfaat kepada 2,950 buah rumah. Sehingga 31 Mei 2012, sejumlah 8 projek telah disiapkan dan 1,126 buah rumah telah menikmati kemudahan bekalan elektrik 24 jam.

Baki 16 projek sedang dalam pelaksanaan dan Kementerian menjangkakan bahawa semua projek ini akan berjaya disiapkan sebelum berakhir tahun 2012. Dengan pelaksanaan semua projek-projek yang telah diluluskan ini, Kementerian menjangkakan bahawa 1,824 buah rumah tambahan lagi akan menikmati kemudahan bekalan elektrik di kawasan Parlimen Sri Aman.

NO. SOALAN:

20 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

TARIKH : 19JUN2012

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) jumlah kuantiti dan nilai minyak dan gas pada setiap tahun dalam masa 10 tahun kebelakangan ini dari telaga di Sabah; dan
(b) jumlah rizab / baki minyak dan gas yang ada di perairan mahupun di darat negeri Sabah dan jangka masa ianya dapat bertahan dengan kadar pengeluaran sekarang.

JAWAPAN

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rizab/ baki minyak, kondensat dan gas berdasarkan *Annual Report on Petroleum Resources of Malaysia (ARPR)* pada setiap 1 Januari untuk 10 tahun kebelakangan ini dari telaga di Sabah adalah seperti berikut:

Sabah (ARPR)	1 Jan 2003	1 Jan 2004	1 Jan 2005	1 Jan 2006	1 Jan 2007	1 Jan 2008	1 Jan 2009	1 Jan 2010	1 Jan 2011	1 Jan 2012
Minyak Mentah (Bstb)	1.03	1.26	1.78	1.95	1.98	2.23	2.23	2.26	1.87	1.84
Kondensat (Bstb)	0.18	0.17	0.18	0.18	0.19	0.19	0.12	0.12	0.12	0.11
Gas Asli (Tscf)	9.97	9.64	10.73	10.96	11.60	12.72	12.10	12.47	11.97	13.30

b) Indeks Jangka Hayat Rizab berdasarkan ARPR pada 1 Januari 2012 adalah seperti berikut:

Sabah Overall Resources Life Index (ORLL)	ARPR 1 Jan 2012
Minyak Mentah dan Kondensat	40 tahun
Gas Asli	33 tahun

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH**
 AHMAD[KANGAR]
TARIKH **19 JUN 2012**

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Mohd. Radzi bIn Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status terkini pembangunan Sekolah Sukan di Negeri Perlis yang telah lama diluluskan dan pengambilan tanah bagi membina sekolah tersebut telah pun diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Ini telah pun menjadi satu isu pihak pembangkang di Negeri Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yakin dengan pelaksanaan dasar IMurid 1 Sukan, pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelektual akan lebih mudah dibentuk, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi tunggak penggubalan dasar pendidikan negara. Dasar ini

dilaksanakan di semua sekolah seluruh negara. Bagi memajukan sukan yang berprestasi tinggi serta menggilap potensi dan bakat ahli sukan yang masih di dalam persekolahan, penubuhan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) diharap mampu menjana dan merealisasikan hasrat ini. Sehingga kini terdapat 2 buah SSM yang sedang beroperasi iaitu SSM Bukit Jalil dan SSM Tungku Mahkota Ismail (dahulunya dikenali sebagai SSM Bandar Penawar).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek bagi membina sebuah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis telah pun mendapat kelulusan dengan peruntukan awal RMKe-10 berjumlah RM34 juta. Semua urusan pengambilan tanah untuk projek pembinaan SSM Perlis telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri Perlis. Proses jualan tender telah pun berlangsung dan ditutup pada 10 Mei 2012. Pada masa ini projek tersebut adalah di peringkat penilaian dokumen tender oleh pihak juru perunding yang telah dilantik.

Rjm 44

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2012

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta MENTERI

KEWANGAN menyatakan jumlah pendapatan negara untuk tempoh 2006-2011 dari sumber tidak halal seperti perjudian, minuman keras, pusat-pusat hiburan dan maksiat serta nyatakan ke mana hasil pendapatan tersebut dibelanjakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan hanya mengutip hasil daripada kegiatan perjudian yang dilesenkan dan minuman keras sahaja yang dianggarkan adalah RM 24.4 bilion dari tahun 2006 sehingga 2011.

Hasil daripada sumber ini akan digunakan untuk membiayai projek pembangunan seperti pembinaan jalan raya.

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH [
KALABAKAN]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan semasa

berlaku gangguan bekalan elektrik di Sabah pada bulan lalu di mana gangguan berpanjangan sehingga 12 jam, adakah Kementerian boleh memastikan ganti rugi kepada peniaga-peniaga di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kejadian gangguan bekalan elektrik di Sabah yang berlaku selama 12 jam pada 30 April 2012 telah melibatkan 453,564 pelanggan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Hasil siasatan oleh Suruhanjaya Tenaga mendapati bahawa punca gangguan bekalan tersebut adalah disebabkan oleh letupan (*flashover*) pada *Capacitive Voltage Transformer* (CVT), dengan izin, di Pencawang Masuk Utama (PMU) Penampang hingga menyebabkan keseluruhan sistem penghantaran 66kV terganggu.

Semakan terhadap rekod penyenggaraan ke atas peralatan ini oleh pihak Suruhanjaya Tenaga mendapati bahawa usaha penyelenggaraan berkala ke atas sistem tersebut telah dibuat oleh pihak SESB mengikut jadual seperti saranan daripada *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dengan izin, yang mana kali terakhir telah dibuat pada bulan April 2012. Namun, insiden berkenaan telah

berlaku juga.

Dalam hal ini tuntutan pengguna ke atas sebarang kerugian dan kesulitan akibat terputusnya bekalan sebagaimana adalah berdasarkan kepada Sub Seksyen 17(3) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang menyatakan

“Mana-mana pemegang lesen tidaklah bertanggungan bagi apa-apa kerosakan kepada mana-mana orang atau apa-apa harta atau bagi apa-apa pemberhentian bekalan elektrik yang mungkin disebabkan oleh kemalangan yang tidak dapat dielakkan, rosak rosot biasa atau beban berlebihan diakibatkan oleh sambungan kelengkapan yang tidak dibenarkan, atau disebabkan oleh kehendak munasabah sistem itu, atau disebabkan oleh kecacatan pada mana-mana pepasangan yang tidak disediakan oleh pemegang lesen, tetapi hanya akan bertanggungan apabila kerosakan atau pemberhentian itu jelas kelihatan sebagai telah diakibatkan oleh kecuaian di pihak orang-orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen, atau diakibatkan oleh pembinaan tak sempurna pepasangan itu oleh pemegang lesen.”

Justeru itu, berdasarkan penerangan Seksyen 17(3), maka SESB sebagai pemegang lesen adalah tidak bertanggungan untuk membayar sebarang bentuk

ganti rugi atau pampasan yang disebabkan oleh insiden gangguan yang berlaku di luar jangkaan SESB, sedangkan segala usaha pencegahan telah dilaksanakan oleh pihak SESB sebelum kejadian itu.

Sebagai langkah proaktif, Kementerian ini dan Suruhanjaya Tenaga telah bersetuju supaya pihak SESB melaksanakan *Condition Based Maintenance* (CBM) pada semua peralatan di seluruh Sabah selain daripada senggaraan berkala yang dilakukan pada masa ini. Kementerian ini juga akan memantau secara berterusan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi jangka pendek dan jangka sederhana bagi menangani masalah pembekalan elektrik di Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

19 JUN 2012

TARIKH

DARIPADA

Y.B. TUAN LOKE SIEW

FOOK [RASAH]

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan :**

Butiran terperinci kos-kos yang terlibat dalam penganjuran program Citrawarna IMalaysia 2012, apakah objektif dan KPI yang ingin dicapai dalam penganjuran program tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 yang diadakan pada 19 Mei 2012 adalah Karnival Pelancongan terhebat dalam kalendar acara pelancongan Malaysia. Acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 yang diadakan di Dataran Merdeka, Jalan Raja dan Jalan Raja Laut bermula dari jam 5 petang hingga jam 12 malam.

Acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 adalah penganjuran kali yang ke 14 sejak diperkenalkan pada 1999 dan merupakan ikon negara yang berjaya menarik minat pelancong antarabangsa dan domestik setanding dengan acara-acara mega antarabangsa seperti *Rose Parade* di *Pasadena*, *Carnival Rio de Janeiro* di Brazil, *Mardi Gras Carnival* di *New Orleans*, Amerika Syarikat dan lain-lain.

Acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 dimulakan dengan persembahan-persembahan nyanyian artis tempatan, kumpulan *percussion* dan *brass-band battle*, *buskers* jalanan dan lain-lain.

Perarakan Utama pula merangkumi 11 segmen iaitu Homestay, Pelancongan Eko, Pelancongan Sukan seperti F1, golf, tenis, basikal dan motosikal, Pelancongan Membeli Belah, Pelancongan Seni, Pelancongan Kebudayaan, Pelancongan Warisan seperti beca hiasan dari Melaka, 1 Malaysia Bersih dan Indah, Pelancongan Taman dan Laman, Pelancongan Makanan dan diakhiri dengan Dikir Citrawarna 2012 oleh 7000 orang peserta.

Ianya disusuli dengan persembahan oleh artis-artis terkenal tempatan

seperti Dato' Khadijah Ibrahim, Dr. Joanne Yeoh, Syafinas Selamat, Ella, Pija serta persembahan boria, dongdang sayang, kumpulan *percussion*, pancaragam sekolah dan lain-lain. Acara ini juga menampilkan konsep baru termasuk penampilan kereta-kereta berhias yang telah direka khas bertemakan produk-produk pelancongan bagi memaparkan pertunjukan yang interaktif kepada para pengunjung.

Objektif penganjuran acara pelancongan ini adalah untuk menarik lebih ramai pelancong asing berkunjung ke Malaysia bagi menyertai acara ini dan seterusnya melawat ke destinasi-destinasi lain di Malaysia termasuk menarik kedatangan pelancong-pelancong tempatan misalnya dari Pulau Pinang, Pahang, Negeri Sembilan dan lain-lain datang ke Kuala Lumpur.

Acara ini juga diadakan untuk memperkenal serta mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan terunggul dunia yang mempunyai kepelbagaiannya produk pelancongan dan masyarakat berbilang kaum seiring dengan jenama pelancongan negara Cuti-Cuti 1 Malaysia dan *Malaysia Truly Asia*.

Tuan Yang di-Pertua,

Kos penganjuran acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 adalah RM8.85 juta. Kos ini merangkumi persiapan tempat di Dataran Merdeka, Jalan Raja dan Jalan Raja Laut, pembinaan infranstruktur seperti pentas-pentas besar, kecil dan lain-lain, kos produksi perarakan termasuk props, kostum-kostum, kereta-kereta berhias, artis-artis dan lain-lain. Ini juga termasuk kos untuk melatih 7000 peserta dalam tempoh satu bulan termasuk makanan, pengangkutan dan penginapan serta kos raptai sehari sebelum acara Citrawarna IMalaysia 2012 berlangsung.

Acara Citrawarna IMalaysia 2012 mendapat sambutan sehebat tahun-tahun yang lepas di mana jumlah pengunjung daripada pukul 5 petang hingga 12 malam mencecah hampir **100,000 orang**. Dari jumlah ini, adalah dianggarkan 20% terdiri daripada pelancong asing. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Tourism Malaysia pada 2011, secara purata seorang pelancong asing berbelanja sebanyak **RM 2,360**. Dengan ini, jumlah pendapatan daripada pelancong asing yang mengunjungi acara Citrawarna IMalaysia 2012 adalah sebanyak **RM 47.2 juta**.

Daripada 80,000 pengunjung domestik tersebut, adalah dianggarkan 50% adalah pelancong domestik dari luar kawasan Kuala Lumpur dan mengikut kajian daripada Tourism Malaysia pada 2011, seorang pelancong domestik akan berbelanja sebanyak **RM260**. Ini bermakna perbelanjaan bagi 40,000 pelancong domestik adalah sebanyak **RM10.4 juta**. Oleh itu, jumlah impak ekonomi bagi acara ini secara langsung adalah sebanyak **RM 57.6 juta**.

Acara pada tahun ini juga telah menerima seramai **301 orang peserta Mega Fam** iaitu **99 pakar pengamal media pelancongan dan 202 pengusaha pelancongan antarabangsa** yang datang untuk mengalami sendiri acara Citrawarna IMalaysia 2012 serta bertujuan bagi mereka menyediakan pakej-pakej baru untuk acara Citrawarna IMalaysia 2013. Peserta-peserta Mega Fam ini adalah dari **28 buah negara** antaranya dari China, Rusia, Arab Saudi, Amerika Syarikat, Qatar, Perancis dan lain-lain. Mereka akan menyiarkan mengenai penganjuran acara ini melalui siaran televisyen, akhbar-akhbar dan majalah pelancongan di negara masing-masing serta melalui media baru seperti blog-blog pelancongan. Anggaran nilai publisiti ini adalah sebanyak **RM15 juta**. Ini tidak termasuk **579,206 peminat Facebook Cuti-Cuti 1 Malaysia** yang mengikut perkembangan acara Citrawarna 1 Malaysia 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 telah berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang sangat hebat berbanding tahun tahun yang lepas, dimana jumlah pengunjung telah mencecah seramai 100,000 orang sepermula kenyataan akhbar yang diedarkan oleh Kementerian ini. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawa terdapat beberapa laporan media yang tidak betul dimana anggaran pengunjung ke acara Citrawarna 1 Malaysia 2012 adalah hanya seramai 10,0 orang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH

19 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Ir. Haji Hamim Bln Samuri [Ledang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana kerajaan boleh merealisasikan matlamat taraf pendidikan rakyat negara Malaysia pada masa hadapan seperti kenyataan YAB PM di NEW YORK: Malaysia sedang menyediakan pembaharuan pendidikan peringkat nasional berdasarkan satu metodologi yang dipelopori di Amerika Syarikat yang berjaya meningkatkan kejayaan pelajar melalui sistem sekolah, dari peringkat awal zaman kanak-kanak sehingga tamat universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa tindakan telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam memastikan penilaian ke atas sistem pendidikan negara bagi tujuan penambahbaikan. Untuk makluman, Fasa Pertama Kajian Penilaian Pendidikan telah merumuskan bahawa sistem pendidikan yang sedang berlangsung sekarang masih relevan dari segi akses, ekuiti dan kualiti pendidikan itu sendiri. Namun, hasil diagnostik dan kajian awal penilaian mendapati masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi persediaan negara menghadapi cabaran abad ke-21. inilah sebenarnya usaha yang wajar dilaksanakan, agar ianya dapat diselaraskan dengan transformasi kerajaan yang lain, dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi.

Selain itu, hasil kajian awal juga merumuskan bahawa sembilan (9) bidang keutamaan iaitu Guru, Kepimpinan Sekolah, Kualiti Sekolah, Kurikulum dan Pentaksiran, Profisiensi Pelbagai Bahasa, Peluang Lepas Menengah, Ibu Bapa & Komuniti, Kecekapan dan Keberkesanan Sumber dan Kapasiti serta Kemampuan Penyampaian Organisasi diberi penumpuan dan penelitian yang mendalam. Justeru, dalam mengerakkan usaha-usaha berkenaan, KPM telah mengenal pasti beberapa kaedah dan pendekatan bagi mendapatkan input dan maklum balas untuk memastikan hala tuju pendidikan di masa hadapan yang lebih baik dan berkesan. Ini bertujuan untuk memastikan sistem pendidikan negara mampu melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, kreatif, inovatif, berketerampilan, mempunyai nilai murni dan jati diri yang tinggi serta menghargai keharmonian dan kemakmuran yang dinikmati selama ini.

Sebagai langkah awal dalam mengumpulkan maklumat, Dialog Pendidikan Nasional Pendidikan serta perbincangan meja bulat telah dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat. Ini bertujuan untuk menyediakan suatu wadah perkongsian maklumat dan lontaran pandangan semua lapisan masyarakat yang akan dijadikan input dan panduan kepada KPM bagi menyediakan hala tuju yang baru.

Sesungguhnya, apa yang dilaksanakan dan dirancang untuk menambah baik sistem pendidikan negara amat memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak tanpa mengira fahaman politik, latar belakang sosio ekonomi, pendidikan, agama dan bangsa. Apa yang lebih penting ialah untuk memastikan sistem ini mampu melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, tanpa membelaikan prinsip Rukun Negara.

Rjm 46

NO.

SOALAN:26 PEMBERITAHUANPERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : LI SAN
DARI PADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [PJUTARA]
TARIKH : 19JUN2012

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sebab 1MDB menambahkan pinjaman kepada 1MDB-PetroSaudi Limited sebanyak US\$500 juta (Mac 2010) dan US\$200 juta (Mei 2011); dan
- (b) kedudukan kewangan PetroSaudi International yang memberikan jaminan kepada pinjaman oleh 1MDB-PetroSaudi Limited sebanyak US\$1.9 bilion.

JAWAPAN

Perjanjian usahasama antara 1MDB dan PetroSaudi adalah berteraskan hubungan dua hala kerajaan (G-to-G). Perjanjian ini akan membuka era baru kerjasama ekonomi di antara Malaysia and Arab Saudi, dan mempunyai objektif untuk mendapatkan, meneroka dan mengambil bahagian dalam peluang ekonomi dan perniagaan yang boleh membawa kepada peningkatan kemakmuran masa depan dan pembangunan ekonomi mampan jangka panjang Malaysia dan Arab Saudi yang merupakan rakan Malaysia yang berwawasan.

1MDB, sebagai syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan, mewakili kepentingan pemegang saham. Pelaburan 1MDB dalam PSI akan membolehkan Malaysia memperolehi kelebihan dalam menarik pelaburan dari Timur Tengah. Pelaburan dalam PSI turut membawa kadar kupon sebanyak 8.67% setahun. Pelaburan ini membantu pentadbiran kos dana untuk Islamic Medium Term Notes dengan kadar 5.75%.

PetroSaudi International, sebuah syarikat yang beroperasi di Asia Barat, Asia Tengah dan Amerika Latin, mempunyai pengalaman luas dalam eksplorasi, pembangunan dan operasi lapangan/pelantar minyak, geologi dan geofizik, kejuruteraan reservoir, operasi kapal gerudi, pengurusan eksport, perdagangan dan pelan pembangunan.

Antara usahasama terkininya termasuklah perjanjian usahasama dengan Amstelco PLC untuk operasi di Indonesia, MoU dengan Ghana National Petroleum Corporation, Ogos 2011 dan projek usahasama dengan Petroleos de Venezuela SA

bernilai AS\$2.5 bilion.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN

SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]

TARIKH

19.06.2012 (SELASA)

TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang keperluan harian yang menjadi beban kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengawal kenaikan harga barang keperluan harian yang menjadi beban kepada rakyat bagi menjamin dan memastikan kesejahteraan rakyat agar terpelihara. Langkah-langkah tersebut adalah seperti:

1. Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan

secara konsisten menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatut atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjelaskan kedudukan harga barang-barang;

Mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agenzi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barang keperluan;

Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama. Skim tersebut merupakan salah satu kaedah bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memastikan pengguna memperolehi barang-barang keperluan pada harga yang berpatutan sepanjang masa. Skim ini telah dilaksanakan pada perayaan utama masyarakat negara ini iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Di bawah skim ini, harga maksimum ditentukan di peringkat pengeluaran, pemborongan dan peruncitan untuk barang keperluan musim perayaan terlibat dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menetapkan harga runcit ke atas beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan di antara pihak industri dan Kementerian. Sebarang perubahan harga ini perlu mendapat kebenaran Kementerian;

Menetapkan harga barang secara undang-undang samada di peringkat pemborongan dan peruncitan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011;

Mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993;

7. **Mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna** mengenai peniaga yang menaikkan harga barang secara melampau dan sewenang-wenangnya;

8. **Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas barang harga terkawal** di seluruh negara sama ada secara berkala, secara mengejut atau berdasarkan aduan pengguna semasa musim perayaan oleh Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga.
10. **Membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berkala** di pasar awam, kedai runcit, pasaraya dan *hypermarket* dan juga ke atas makanan sedia masak untuk mendapatkan trend perubahan harga dan mengambil tindakan untuk mengatasinya;
12. **Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia** yang merupakan initiatif oleh Kerajaan yang diharap dapat mengawal kenaikan harga barang runcit sewenang-wenangnya dan pengguna yang berpendapatan rendah masih dapat membeli barang tersebut berdasarkan pada kemampuan dan keperluan mereka;
13. **Meneruskan Program Penyeragaman Harga** yang merupakan initiatif Kerajaan untuk menyeragamkan harga barang keperluan di antara kawasan bandar dan luar bandar. Program ini terdiri daripada Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu, Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG) serta petrol dan diesel (*Community Drumming*) yang dilaksanakan mulai 2009. Program ini dilaksanakan untuk mengatasi masalah harga barang keperluan yang tinggi di kawasan pedalaman dan mengatasi masalah bekalan;
14. Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (*value for money*) dan
15. Menjalankan kempen penurunan harga dengan kedai runcit, pasaraya dan *hypermarket*.

SOALAN NO:

28 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN DARIPADA:

Y.B. TUAN LIM KIT

SIANG

TARIKH: 19JUN2012

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan justifikasi yang digunakan untuk menetapkan gaji minima di Semenanjung Malaysia pada RM900 bagi Sabah dan Sarawak apabila RMK9 menetapkan Paras Garis Kemiskinan Sabah adalah RM960 dan Sarawak RM830.

PR-1252-L49710

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambil kira beberapa kriteria dalam menetapkan gaji minimum pada tahap RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan untuk Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kriteria-kriteria yang digunakan ialah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), gaji penengah (*median*

wage) sebagai indikator keupayaan majikan untuk membayar upah,

peningkatan produktiviti buruh, indeks harga pengguna dan kadar pengangguran.

2. Penetapan kriteria-kriteria tersebut adalah berasaskan kepada data dan fakta ekonomi yang dihasilkan oleh pakar-pakar daripada universiti tempatan dalam Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara. Penetapan kriteria ini juga mengambil kira hasil kajian Bank Dunia yang menjalankan kajian khusus mengenai implikasi gaji minimum.
3. Dalam menetapkan kadar gaji minimum di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Kerajaan perlu melihat dari segi keupayaan majikan untuk membayar gaji kepada pekerja. Sekiranya gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi, kemungkinan majikan di Sabah dan Sarawak akan menghadapi kesukaran untuk beroperasi dan berkemungkinan terpaksa mengurangkan jumlah pekerja. Jika keadaan ini berlaku, ia akan merugikan pekerja kerana mereka kehilangan pekerjaan dan ini akan menimbulkan masalah pengangguran.

NO
SOAL
AN :

41(29)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sudah menjadi polisi tetap standing order di Kementerian untuk semua GLC dan/atau anak-anak syarikat seperti MAS yang berada di bawah kawalan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) apabila melantik firma konsultan atau syarikat-syarikat bagi perkhidmatan projek-projek tertentu, maka perjanjian untuk melantik firma-firma konsultan atau mana-mana syarikat wajib mengadakan klausa SULIT atau NON-DISCLOSURE terhadap fi dan/atau nama firma penasihat dan/atau mana-mana syarikat tidak boleh didedahkan kepada Parlimen (contoh fi konsultan dibayar oleh MAS kepada BinaFikir Sdn. Bhd. untuk projek WAU dengan jumlah wang sebanyak RM200 juta dan nama-nama melibatkan 12 syarikat-syarikat terlibat dengan kerugian RM3.3 bilion fuel hedging untuk MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan kerahsiaan dan *non disclosure* merupakan peruntukan standard/kebiasaan dalam sesuatu kontrak untuk melindungi kepentingan pihak-pihak terlibat dalam kontrak berkenaan. Oleh demikian, pendedahan sebarang maklumat yang diklasifikasikan sebagai

rahsia dalam sesuatu kontrak oleh mana-mana pihak tanpa persetujuan pihak-pihak lain dalam kontrak terlibat boleh memberi implikasi perundangan kepada pihak yang mendedahkan maklumat berkenaan kerana tidak mematuhi aku janji kerahsiaan. Memandangkan peruntukan berkenaan adalah standard/kebiasaan, ianya bukan hanya diguna pakai oleh syarikat GLCs tetapi juga oleh syarikat bukan GLCs.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB. TUAN WONG HO LENG
(SIBU)

TARIKH 19.06.2012 (SELASA)

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah peruntukan dan status terkini kerja pembinaan jalan raya menghubungkan Kanowit dengan Kapit.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah pelaksanaan NKRA, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM270.9 juta bagi pelaksanaan enam (6) projek jalan raya menghubungkan Kanowit dengan Kapit sepanjang 45.2km dengan status seperti berikut:

- i. 1 projek telah siap sepenuhnya;
- ii. 2 projek dalam pembinaan;
- iii. 1 projek dalam proses pengeluaran Surat setuju terima;
- iv. 1 projek dalam peringkat memuktamad rundingan harga; dan
- v. 1projek dalam permohonan kelulusan siling peruntukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]

TARIKH : 19JUN2012

SOALAN Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta

PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) pencapaian NKRA, NKEA setakat ini dan sekiranya ada apakah masalah yang dihadapi bagi mencapai matlamat sebagaimana yang telah dirancang; dan
- (b) apakah program NKRA, NKEA yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Labuan bagi semua Kementerian.

JAWAPAN (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilaksanakan di bawah Gagasan IMalaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan adalah bertujuan untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan lagi melalui program-program yang konkret untuk menghasilkan impak atau “*outcome*” yang berfaedah dan bermakna bagi semua rakyat Malaysia, dalam bentuk tujuh (7) ‘National Key Result Areas’ atau NKRA.

Dilaksanakan sejak Januari 2010, GTP telah menunjukkan hasil yang jelas dan menggalakkan, seperti yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan bagi 2010 dan 2011 masing-masing dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) dan ‘International Review Panel’ (IRP). Hasil positif ini juga turut dinikmati oleh Labuan.

Dalam tempoh dua tahun ini, pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar telah menyentuh kehidupan 3.2 juta rakyat luar Bandar melalui pembinaan jalan-jalan baru sebanyak 1780.1 km, penyambungan bekalan air bersih kepada 108,679 isi rumah dan penyampaian bekalan elektrik kepada 54,222 buah rumah.

Tambahan lagi, sebanyak 31,327 buah rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih, di

mana sebanyak 15 rumah dibina di kawasan Parlimen Labuan.

Pelaksanaan NKRA Isirumah Berpendapatan Isi Rumah Rendah, telah melihat sebanyak 58,717 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat, yang menambahkan pendapatan mereka supaya dapat keluar daripada perangkap golongan miskin. Terdapat 5 orang peserta daripada kawasan Labuan bagi program 1Azam dan 3 usahawan di bawah Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, Kerajaan telah memberi bantuan tunai sebanyak RM500 kepada anggaran 4.7 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan. Sehingga tarikh tutup permohonan iaitu 30 April 2012, seramai 13,693 orang telah memohon BR1M di Labuan, di mana seramai 11,608 orang atau 85 % telah diluluskan.

NKRA Pendidikan telah melihat hampir 77,225 kanak-kanak yang mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh Negara, di mana dua (2) kelas pra-sekolah ditambah di kawasan Labuan. NKRA Jenayah telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah dan Jenayah Jalanan sebanyak 26% dan hampir 40% pada akhir tahun 2011 berbanding dengan tahun 2009. NKRA Jenayah di Labuan telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah dan Jenayah Jalanan sebanyak 8% dan 29% pada akhir tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010. NKRA Pengangkutan Awam Bandar pula telah melihat peningkatan sebanyak 36% bagi penumpang kereta api dan LRT serta peningkatan sebanyak 22% bagi Bas Ekspres Transit (BET) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaian yang telah dicatat adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, yang membolehkan 249 kes rasuah dapat diproses sepanjang tahun lalu. Portal MyProcurement juga telah memuatnaik 5,157 kontrak tender terbuka secara atas talian.

Sebanyak 132,459 Integrity Pact telah ditandatangani antara syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek-projek swasta dan perolehan kerajaan.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 121 peratus dan 131 peratus daripada sasaran enam (6) NKRA yang ditetapkan untuk tahun 2010 dan 2011 masing-masing. Selain daripada kesan secara langsung terhadap taraf dan kualiti hidup rakyat, pelaksanaan GTP telah menghasilkan budaya kerja perkhidmatan awam yang lebih cekap dan telus lagi selaras dengan komitmen “Pencapaian Diutamakan”.

Prestasi Economic Transformation Programme (ETP) bagi tahun 2011 juga amat menggalakkan melalui pelaksanaan dengan giatnya 12 NKEA (National Key Economic Areas). Pencapaian GNI adalah sebanyak RM830 billion, berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion. Butir-butir terperinci bagi Entry Point Project (EPP) yang berada di bawah payung ETP telah diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2011 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC).

Secara khusus, melalui status Labuan sebagai “offshore island”, satu platform perkhidmatan kewangan di bawah NKEA Minyak dan Gas yang digelar ‘Global Incentives for Trading (GIFT)’ telah diwujudkan untuk Labuan yang diuruskan dan diselia oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA). Ianya merupakan satu pakej insentif untuk menggalakkan syarikat perdagangan petroleum global untuk menggunakan Malaysia sebagai pangkalan serantau mereka untuk memasuki pasaran China, India dan Asia Tenggara. Melalui program GIFT ini, syarikat yang didaftarkan sebagai “Labuan International Commodity Trading Company” (LITC) boleh berdagang dalam petroleum, produk berkaitan petroleum, komoditi terpilih, termasuk mineral dan kredit karbon. GIFT dijangka akan menjanakan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi Labuan.

Maka, adalah jelaslah bahawa GTP bersama dengan ETP telah dapat memulihkan

keyakinan para pelabur dan peniaga pada amnya yang menghasilkan pelaburan yang lebih banyak dan tahap daya saing negara yang lebih tinggi. Ini sudah pastinya akan membantu Malaysia mencapai sasaran Negara Maju yang berpendapatan tinggi untuk semua rakyat.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA	Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD (KUALA SELANGOR)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	19.06.2012

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab yang konkrit mengapa Kabinet menamatkan pembelian bersiiang saham MAS-Air Asia yang dianggap sebagai 'satu transformasi' dan berapakah jumlah 'fees' yang dibayarkan kepada pihak investment banker yang mengendalikan 'corporate exercise' ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk mempersiapkan Malaysian Airline System Bhd (MAS) dalam menghadapi dasar Langit Terbuka Asean pada tahun 2015 dan sebagai langkah mentransformasikan syarikat penerbangan negara ini kepada sebuah syarikat penerbangan yang mampan, kerjasama antara MAS dan AirAsia Bhd (AirAsia) dilihat sebagai kaedah terbaik untuk mencapai matlamat tersebut berdasarkan pelbagai faedah sinergi yang dijangkakan.

2. Lanjutan daripada itu, satu pertukaran saham dimeterai pada 9 Ogos 2011

NO SOALAN :

antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Tune Air (Tune Air) bagi

menyelaras kepentingan kedua-dua pemegang saham terbesar MAS dan AirAsia.

3. Walau bagaimanapun, sejak pelaksanaan pertukaran saham tersebut, kesatuan-kesatuan sekerja MAS tidak memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak Pengurusan MAS dan turut telah menentang usaha-usaha perubahan drastik yang dibuat bagi memulihkan MAS. Selain itu, pelbagai persepsi negatif terutamanya berhubung pakatan harga (*price collusion*) dan tanggapan amalan anti-persaingan telah mengakibatkan tanggapan negatif oleh pihak awam tentang pertukaran saham tersebut. Hal-hal ini telah memberi tekanan dan menjelaskan tumpuan pengurusan MAS dalam usaha untuk memulihkan syarikat tersebut.

4. Oleh itu, pada 2 Mei 2012, Khazanah telah bersetuju untuk membatalkan pertukaran saham tersebut atas sebab ingin memberi peluang kepada pengurusan MAS menumpukan perhatian kepada usaha pemulihan syarikat, selain meneruskan pelbagai inisiatif kolaborasi untuk mencapai faedah-faedah sinergi yang telah dikenal pasti.

5. Jumlah yuran yang dibayarkan kepada pihak *investment banker* bagi mengendalikan janji niaga pertukaran saham MAS dan AirAsia adalah sebanyak 0.21% daripada jumlah keseluruhan yuran rundingcara yang telah dibayar oleh Khazanah. Namun, bagi kerja-kerja berkaitan pembatalan pertukaran saham pula, Khazanah sedang dalam proses untuk memuktamadkan jumlah yuran yang harus dibayar kepada institusi perbankan pelaburan yang dilantik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]

TARIKH

19.06.2012 (SELASA)

SOALAN NO. .34..

TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN minta MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGUNAAN

menyatakan nilai jualan tahunan stesen-stesen minyak Petronas di Kelantan sejak tahun 2005 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Nilai jualan tahunan stesen-stesen minyak Petronas di Kelantan pada tahun 2005 adalah 152,729,850 liter dan 65,267,930 liter bagi petrol dan diesel masing- masing. Pada tahun 2011, jualan tahunan bagi petrol telah meningkat sebanyak 19.9 peratus kepada 190,630,420 liter. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sebanyak 21.6 peratus bagi jualan diesel iaitu kepada 51,187,500 liter.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA , PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)**

TARIKH 19 JUN 2012(SELASA)

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sepitang) minta PERDANA MENTERI

menyatakan sejauh mana serius perlanggaran logo dan status halal yang dikesan, dan apakah pengusaha produk makanan dibenarkan menggunakan kemudahan makmal swasta bagi mendapatkan status halal bagi pengujian asid deoksiribonukleik (DNA) untuk produk makanan keluaran mereka.

**JAWAPAN:(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' JAMIL KHIR
BAHAROM (B), MENTERI DIJABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dinafikan masih terdapat perlanggaran logo dan status halal. Walaubagaimanapun, kewujudan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) yang bertujuan untuk melindungi pengguna Islam dan orang ramai adalah usaha Kerajaan

untuk mengekang perlanggaran logo dan status halal.

I

APD 2011 juga tidak membenarkan pihak-pihak lain termasuk syarikat swasta mengeluarkan sijil halal. Tempoh sekarang iaitu sehingga 30 Jun 2012 adalah tempoh mendidik pengusaha untuk hanya memohon dan menggunakan logo Sijil Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Walau bagaimana pun, permohonan terhadap Sijil Halal Malaysia pada masa ini adalah secara sukarela.

Berhubung dengan kemudahan makmal swasta, dimaklumkan bahawa pengusaha produk makanan dibenarkan menggunakan kemudahan makmal swasta bagi mendapatkan status halal bagi pengujian asid deoksiribonukleik (DNA) untuk produk makanan keluaran mereka. Walaubagaimanapun, keputusan Jabatan Kimia Malaysia adalah keputusan yang dirujuk sebagai sumber yang diiktiraf jika terdapat pertikaian.

Sekian terima kasih.

-NO. AUP-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH 19 JUN 2012

RUJUKAN 4830

NO. AUM:33

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status penyiasatan bagi kes-kes laporan terhadap tindakan pihak-pihak tertentu yang mengancam keselamatan peribadi wakil rakyat di negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2008 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik pihak PDRM, sepanjang tahun 2008 hingga bulan Mei 2012 sebanyak lima (5) kertas siasatan telah dibuka mengenai laporan yang dibuat terhadap tindakan sesetengah pihak yang dipercayai boleh mengancam keselamatan peribadi wakil rakyat di negeri Pulau Pinang. Butiran adalah seperti berikut:

1. Pulau Tikus/Rpt/826/2009.

Timur Laut/KS/1037/2009

Seksyen 507 Kanun

Keseksaan.

Di dalam fakta kes ini, pada 19 Februari 2008, sepucuk surat yang berisi dua butir peluru telah di poskan ke rumah YB Karpal Singh yang beralamat di No 144-A,Jalan Utaman, Pulau Pinang. Kertas siasatan telah diserahkan kepada pejabat Peguam Negara untuk arahan dan nasihat perundangan.

2. Lebuh

Pantai/Rpt/2269/2009

Timor Laut/KS/6497/2009

Seksyen 27 Akta Polis

1967

Di dalam fakta kes ini, pada 30 November 2009 sekumpulan 100 orang yang di percaya terdiri daripada Gerakan Umno berkumpul di depan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk menyatakan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan negeri Pulau Pinang serta membakar gambar YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Status kes penyiasatan ke atas kes ini ialah kertas siasatan telah diedar kepada Jabatan Peguam Negara dan telah diedarkan kembali kepada Pegawai Penyiasat untuk mengambil beberapa tindakan seperti yang diarahkan oleh pejabat Jabatan Peguam Negara.

3. Jalan Patani/Rpt/2262/2011

Timor Laut/KS/1031/2011

Seksyen 506 Kanun

Keseksaan

Di dalam kes ini, satu perhimpunan telah diadakan oleh peniaga-peniaga Komtar Pulau Pinang untuk menyuarakan bantahan terhadap YB Eng Wei Aik, Adun Komtar yang dikatakan sompong dan bersikap diktator. Kumpulan tersebut juga memegang poster dengan tulisan “ bangkit melayu membela Islam” dan sebuah lori yang membawa sebuah keranda yang hendak diserahkan kepada Adun Komtar. Status penyiasatan

kes ini ialah kertas siasatan telah diserahkan kepada pejabat Peguam Negara untuk arahan dan nasihat perundangan.

4. Lebuhr Pantai/Rpt/472/2012

Timor Laut/KS/666/2012

Seksyen 506 Kanun

Keseksaan

Di dalam kes ini pula, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang sedang berucap di Dataran Pidato, Jalan Padang Kota Lama, Pulau Pinang mengenai isu LYNAS, tiba-tiba terdapat dua kumpulan berlainan yang telah menganggu ucapan beliau dan telah mencaci beliau dengan perkataan lucah dan mengaibkan. Semasa dalam perjalanan balik, kereta beliau juga telah ditendang dan di ludah. Status penyiasatan kes ini ialah kertas siasatan telah diserahkan kepada pejabat Peguam Negara untuk arahan selanjutnya dan nasihat perundangan.

5. Jelutong/Rpt/3688/2012 Timor

Laut/KS/1374/2012 Seksyen

143 Kanun Keseksaan

Di dalam kes yang bertempat di kediaman rasmi YAB Ketua Menteri Pulau Pinang yang beralamat di No 25, Jalan Pinhorn, Jelutong, Pulau Pinang sekumpulan pemuda melayu lebih kurang 30 orang telah berhimpun dan menampal poster dan bunga di rumah Ketua Menteri Pulau Pinang. Kertas siasatan terhadap kes telah lengkap dan telah dipanjangkan ke Jabatan

Peguam Negara. Kertas siasatan telah diserahkan kepada pejabat Peguam Negara untuk arahan selanjutnya dan nasihat perundangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN GWO BURNE LOH (KELANA JAYA)

TARIKH 19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan keberkesanan dan aktiviti yang dijalankan melalui Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial Kebangsaan yang digubal pada tahun 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan telah meluluskan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial Kebangsaan pada bulan November 2009. Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial Kebangsaan bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PKRS) ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, ahli akademik, ibu bapa dan golongan muda sendiri.

Bagi mencapai objektif Dasar tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka 4 strategi yang ditetapkan iaitu:

- advokasi;
- pembangunan modal insan;
- penyelidikan dan pembangunan; serta
- pemantauan dan penilaian.

Strategi-strategi ini dilaksanakan menerusi program-program berikut:

a) PKRS dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

Di bawah strategi advokasi Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan dan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk mengintegrasikan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Sejak tahun 2011 hingga bulan Mac 2012, seramai 84,376 orang pelatih PLKN di 84 buah kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan kesihatan reproduktif. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,0 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan.

LPPKN juga telah melaksanakan satu Ujian Pra dan Pasca Program PKRS@PLKN pada 16 dan 17 Jun 2011 ke atas pelatih untuk menilai tahap pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif dan sosial sebelum dan selepas pengajaran modul PKRS ini dijalankan. Ujian ini juga bertujuan untuk mengkaji keberkesanan program latihan PKRS. Hasil ujian ini menunjukkan tahap pengetahuan responden mengenai isu kesaksamaan gender telah meningkat sehingga lebih daripada 40.1% dan pengetahuan responden mengenai isu kehamilan meningkat sebanyak 29.9%. Peningkatan dalam pengetahuan

mengenai isu kesaksamaan gender dan kehamilan di kalangan para responden ini jelas menunjukkan bahawa Program PKRS@PLKN mempunyai kesan yang positif terhadap peserta program.

b) Elemen Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 dengan memasukkan elemen pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial di dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tahun 1. Pendedahan awal seperti ini perlu bagi perkembangan mental kanak-kanak agar mereka membesar dengan pengetahuan penting yang diperlukan dan seterusnya mampu menghindari mereka daripada gejala sosial dan mengamalkan gaya hidup sihat.

c) Program Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial di Sekolah (PEKERTI)

Menyedari pelajar-pelajar sekolah perlu diberi pengetahuan akan bahaya dan risiko salah laku seks luar perkahwinan, KPWKM melalui LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia akan melaksanakan Projek Rintis Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan

3 iaitu selepas PMR dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai bulan September 2012.

Program PEKERTI di sekolah akan mengguna pakai modul yang dibangunkan oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproduktif Malaysia (FRHAM) iaitu *Reproductive Health of Adolescents* untuk murid Tahun 6 dan Modul Cakna Diri yang dibangunkan oleh LPPKN untuk pelajar Tingkatan 3.

Sebagai persediaan untuk sesi pengajaran, Latihan Kejurulatihan (TOT) akan dijalankan pada bulan September 2012 kepada guru-guru terlibat di seluruh negara. Sasaran pelajar yang akan mengikuti program ini adalah dianggarkan seramai 1,360 pelajar terutamanya pelajar Tahun 6, Tingkatan 3 dan pelajar pendidikan khas.

d) Pusat Remaja Kafe@TEEN

Pusat Remaja Kafe@TEEN menyediakan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah

Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal, kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko.

Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 427,677 orang remaja melalui 5,765 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan April 2012.

e) Modul Cakna Diri

KPWKM melalui LPPKN telah bekerjasama dengan *United Nations Population Fund* (UNFPA) bagi membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja) dan Modul Cakna Diri (Edisi Ibu Bapa). Tujuan modul ini adalah untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

Hasil daripada pelaksanaan Modul Cakna Diri yang telah dilaksanakan
6
dari tahun 2009 hingga 2011, seramai 308 orang pelajar di 5 buah

sekolah di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Pahang telah menghadiri Modul tersebut.

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN MANICKAVASAGAM
A/I SUNDARAM [KAPAR]**

TARIKH

19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan hasil penemuan termasuk di Lembah Bujang serta keperluan untuk menyemak semula fakta-fakta sejarah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian arkeologi di Sungai Batu, Lembah Bujang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 hingga kini oleh Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia. Sehingga penghujung tahun 2011, sebanyak 29 daripada 97 tapak telah diekskavasi yang mendedahkan satu kompleks tamadun dalam keluasan 4 km^2 . Bukti terkini menunjukkan tamadun ini bermula sekitar 50 BCE yang mencadangkan ia adalah tamadun tertua di Asia Tenggara. Berdasarkan 29 tapak yang telah diekskavasi, kompleks ini mendedahkan bukti peleburan besi, tinggalan struktur bangunan

SOALAN NO: 37

pelabuhan tepi sungai, tinggalan struktur bangunan ritual dan artifak yang berkaitan dengan tapak.

Penemuan di tapak Sungai Batu membolehkan Sejarah Ketamadunan Asia Tenggara perlu ditulis semula. Sehubungan dengan itu, kajian lima (5) tahun berikutnya adalah sangat diperlukan untuk melengkapkan interpretasi tamadun Sungai Batu. Bagi membolehkan Sejarah Ketamadunan Asia Tenggara ditulis semula, Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara sedang dalam proses menyiapkan Galeri Sungai Batu untuk mempamerkan jumpaan terbaru dan juga maklumat sejarah Lembah Bujang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2012

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak pengumuman gaji minimum yang di umumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini ke atas peningkatan kuasa membeli, penggunaan domestik, kadar inflasi, GDP, dan GNI Per Kapita menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN :

1. Salah satu rasional utama pelaksanaan gaji minimum adalah untuk memperbaiki herotan dalam pasaran buruh (*labour market distortion*) di mana Kajian Bank Dunia menunjukkan bahawa pada amnya, kuasa rundingan (*bargaining power*) antara pihak pekerja dan majikan tidak setara dan kurang memihak kepada pekerja dalam suasana "*imperfect information*". Keadaan ini telah mengekang peningkatan paras upah sedangkan produktiviti dan kos sara hidup meningkat lebih pantas.
2. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan gaji minimum akan mewujudkan satu platform yang lebih setara dan adil di mana kriteria-kriteria yang digunakan bagi menentukan kadar gaji minimum telah mengambil kira keperluan pekerja dan majikan. Ini secara langsung akan membantu menyediakan pasaran buruh

yang lebih cekap dan berkesan serta lebih harmoni yang akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang Di-pertua,

Berhubung dengan inflasi, Bank Negara Malaysia menganggarkan kadar inflasi akan kekal dalam lingkungan dua hingga tiga peratus (2%-3%) walaupun gaji minimum dilaksanakan. Ini kerana kos buruh adalah komponen kecil dalam keseluruhan kos pengeluaran dan operasi di mana gaji minimum dijangka meningkatkan kos hanya sebanyak satu hingga lima peratus (1%-5%).

4. Dalam senario pasaran buruh yang lebih cekap, perbelanjaan penggunaan domestik yang meningkat dan kadar inflasi yang terkawal impak keseluruhan pelaksanaan gaji minimum akan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan GDP dan GNI.

Tuan Yang Di-pertua,

5. Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Padang Besar, Kerajaan sentiasa menitik berat kesejahteraan rakyat dengan memantau rapi kesan dasar yang bakal dilaksanakan terhadap ekonomi dan inflasi negara. Dasar Gaji Minimum yang akan dilaksanakan kelak dijangka akan meningkatkan kuasa beli rakyat untuk menampung perbelanjaan keperluan harian. Sekiranya berlaku tekanan inflasi, Kerajaan akan memastikan rakyat sentiasa dibantu dengan menggembung khidmat seramai 1300 pegawai pemantau harga untuk memantau dan mengemas kini harga barang semasa di portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" agar rakyat dapat mengikuti perkembangan dan membuat perbandingan harga terbaik. Kerajaan juga telah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 mulai 1 April 2011 bagi mengekang syarikat atau individu menjual harga barang atau menawarkan perkhidmatan dengan harga yang tidak munasabah.

6. Di samping itu, melalui akta yang sama Kerajaan juga menyenaraikan beberapa jenis barang keperluan pengguna sebagai barang yang dikawal

harga agar tidak berlaku kenaikan harga yang boleh menjaskan kuasa beli rakyat. Ini termasuklah Skim Kawalan Harga Barang Keperluan yang dilaksanakan seminggu sebelum dan selepas musim perayaan agar rakyat terlindung daripada aktiviti pencatutan oleh peniaga yang mengambil kesempatan daripada permintaan yang tinggi. Kerajaan juga meneruskan Akta Bekalan 1961 bagi mengawal bekalan barang-barang yang telah diisyiharkan sebagai barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung gandum. Harga barang kawalan ini adalah wajib dipatuhi oleh semua peniaga dan Kerajaan sentiasa menjalankan penguatkuasaan agar kesejahteraan rakyat tidak terjejas akibat harga yang naik.

7. Bagi menangani kesan inflasi tarikan permintaan, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah bersepada bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran makanan seperti beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan melalui Dasar Agro Makanan Negara 2011 hingga 2020. Dalam Bajet 2012, Kerajaan turut memperbanyakkan lagi bilangan Kedai Rakyat IMalaysia, Agro Bazar Kedai Rakyat dan memperluas Menu Rakyat IMalaysia khususnya agar rakyat terus dapat menikmati alternatif pilihan pembelian yang lebih murah berbanding di pasaran. Kerajaan juga daripada masa ke semasa akan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi memastikan golongan berpendapatan rendah ini tidak terjejas dan terbeban oleh kenaikan harga barang.

Tuan Yang Di-pertua,

Dengan pelaksanaan gaji minimum serta langkah-langkah bagi menangani kesan yang timbul termasuk tekanan inflasi, Kerajaan yakin ekonomi negara akan berkembang ke arah negara berpendapatan tinggi dengan tingkat pendapatan rakyat yang baik.

yo . QoAL AnJ '• ^ '

NO. AUM—h4—

NGrAyP—

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN
[BESUT]

TARIKH 19 JUN 2012

RUJUKAN 4827

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes bunuh diri yang berlaku di Malaysia dari tahun 2001 hingga 2011 dan apakah faktor utama berlakunya kes berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Besut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes bunuh diri dikategorikan sebagai kes mati mengejut (*sudden death report*). Sejak tahun 2001 hingga 2011, terdapat sebanyak 4,367 kes bunuh diri telah dilaporkan. Statistik kes bunuh diri bagi tahun 2001-2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes Bunuh Diri
2001	365
2002	462
2003	458
2004	441
2005	457
2006	427
2007	389
2008	395
2009	354
2010	370
2011	249
Jumlah	nnMRni

Bunuh diri boleh berlaku akibat beberapa penyebab dan bukan hanya mempunyai satu penyebab. Tingkah laku bunuh diri boleh disebabkan oleh faktor yang berkait rapat antara satu sama lain iaitu faktor biologi, genetik, psikologi, sosioekonomi, budaya dan persekitaran. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya bunuh diri adalah:

- (i) tekanan perasaan akibat kemiskinan, tiada pekerjaan, atau kegagalan akademik;
- (ii) akibat tragedi ataupun krisis hidup seperti kehilangan orang tersayang, masalah perhubungan ataupun putus cinta;
- (iii) terlibat dengan jenayah (bagi mengelak hukuman);
- (iv) mengalami masalah kewangan yang kritikal seperti menanggung hutang yang banyak dan terlibat dengan judi;
- (v) menghidap penyakit yang tidak dapat dirawat seperti gangguan mental ataupun psikiatri seperti kemurungan, skizofrenia; dan
- (vi) akibat penyalahgunaan dadah dan alkohol.

NO. SOALAN:^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2012)**

PERTANYAAN

LISAN

19 JUN 2012 [SELASA]

TARIKH

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

DARIPADA

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan atas dasar apakah pada 6 Disember 2011 Tabung Haji memindahkan wang sebanyak RM308.700 daripada akaunnya kepada akaun Datuk Ismee Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji.

JAWAPAN : **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menjelaskan bahawa arahan isu pembayaran wang ke dalam akaun Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH pada tahun lalu adalah sah mengikut undang-undang. Ianya adalah

pembayaran mengikut terma dan syarat yang terkandung di dalam kontrak perkhidmatan beliau seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Lembaga Tabung Haji 1995. Isu ini telah dijawab oleh YB Timbalan Menteri Kewangan II semasa sesi penggulungan Perbekalan Tambahan (2011) 2012 di Peringkat Dasar di Dewan ini pada 4 April 2012 yang lalu.

Untuk makluman Ahlii Yang Berhormat, *TH* sentiasa mendukung teguh prinsip tadbir urus korporat yang baik bagi membendung dan mengelakkan sebarang aktiviti rasuah dan salah laku anggotanya.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

:LISAN

TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]

19 JUN 2012 (SELASA)

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah penyelesaian untuk mengatasi pencemaran pembiakan lalat akibat daripada najis ayam yang telah mengganggu kehidupan penduduk yang tinggal di sekitar kawasan.

JAWAPAN OLEH :Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Beberapa kaedah penyelesaian untuk mengatasi masalah pencemaran pembiakan lalat akibat daripada najis ayam di ladang penternakan ayam telah diambil yang melibatkan pelbagai pihak iaitu di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan penternak ayam itu sendiri.

Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan insentif kepada penternak ayam yang membuat pelaburan semula bagi menukarkan sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup di bawah Jadual A, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang telah berakhir pada 31 Disember 2010. Sejak dilancarkan pada tahun 2003, jumlah pelaburan yang telah diluluskan Kementerian Kewangan terhadap pemberian insentif ini adalah sebanyak RM595 juta nilai pelaburan kepada 46 syarikat penternak ayam di seluruh negara. Hasilnya pencemaran pembiakan lalat di peringkat ladang ayam telah dapat dikurangkan dan aktiviti di persekitaran ladang penternakan ayam dapat berjalan tanpa gangguan pencemaran bau dan lalat.

SOALAN NO : 41

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terus memberikan khidmat nasihat dan menjalankan pemantauan terhadap aktiviti penternakan ayam. Masalah gangguan lalat di peringkat ladang boleh diatasi dengan kerjasama penternak di mana ladang-ladang ternakan digalakkan menjalankan Amalan Penternakan Yang Baik (*Good Animal Husbandary Practices - GAHP*) dan juga penggunaan *Effective- Microbes* (EM) yang berupaya mengurangkan pencemaran bau.

Penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diteruskan bagi mengawal aktiviti penternakan dan pencemaran di ladang-ladang. Sehingga kini, 9 buah negeri telah menguatkuasakan Enakmen Perladangan Unggas tersebut. Denda atau kompaun yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap pemilik ladang ternakan yang tercemar semakin berkurangan.

NO SOALAN : 42 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
(GUA MUSANG)**

TARIKH

19 JUN 2012

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah

susulan serta tindakan Kerajaan berikutan teguran dan pandangan Ketua Audit Negara dalam laporan terakhirnya mengenai pengurusan kewangan di jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Setiap tahun Ketua Audit Negara dikehendaki mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan, pematuhan undang-undang/peraturan kewangan dan prestasi aktiviti/projek Kerajaan mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Hasil Pengauditan tersebut mendapati terdapat isu-isu yang sama berlaku di Kementerian/Jabatan/Agensi yang berbeza.

Di antara tindakan susulan pihak Kerajaan berikutan teguran dan pandangan Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:

- i. Mengambil tindakan penambahbaikan terhadap prosedur dan

peraturan kewangan.

- ii. Mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang didapati bersalah.
- iii. Kontraktor diarah untuk memperbaiki kelemahan projek seperti kerja-kerja tidak berkualiti dan tidak mematuhi spesifikasi. Tindakan menyenaraihitamkan kontraktor dan konsultan juga diambil oleh pihak Kementerian.
- iv. Memberi latihan yang berkesan terhadap pegawai-pegawai yang lemah dalam pengurusan kewangan dan pengurusan aset serta stor.
- v. Menubuhkan *Lab* di peringkat Kementerian untuk membincangkan isu dan penemuan Audit serta mengambil tindakan penyelesaian.
- vi. Menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk menyiasat satu-satu isu-isu serta mengambil tindakan tatatertib.
- vii. Melaksanakan *integrity pact* untuk mengukuhkan usaha Kerajaan ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan

dalam perolehan Kerajaan dengan mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah. Ini juga memastikan Kerajaan tidak menanggung *unnecessary cost* dalam pelaksanaan urusan perolehan.

- viii. Meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan dan tahap indeks ketelusan, Kerajaan telah mengeluarkan beberapa peraturan yang menghendaki Kementerian/ Jabatan untuk mempamerkan keputusan muktamad tender/sebut harga di dalam laman web Kementerian/Jabatan masing-masing.
- ix. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) oleh Jabatan Audit Negara telah pun meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.
- x. Pihak Kementerian/Jabatan memberi *response* kepada *whistle blower* dan bertindak terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara. Jika ada isu-isu yang

ada unsur-unsur rasuah dan penyelewengan, tindakan siasatan dilakukan oleh SPRM.

Berikutnya pembentangan Laporan Ketua Audit Negara bagi Tahun 2010, Kerajaan mengambil perhatian serius terhadap setiap teguran atau pandangan pihak audit. Tindakan segera telah diambil dengan mengeluarkan arahan kepada setiap Pegawai Pengawal melalui Surat Edaran JPA bertarikh 22 November 2011, bertajuk **“Tanggungjawab Pegawai Pengawal Menyediakan Jawapan dan Tindakan Susulan”**

Bagi Setiap Teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)".

Surat tersebut meminta Pegawai Pengawal meneliti LKAN 2010 dan mengambil tindakan menyediakan jawapan secara berkala setiap dua (2) bulan bagi melaporkan status setiap teguran serta mengambil tindakan susulan terhadap pihak-pihak yang didapati melakukan kesalahan.

Tindakan susulan yang boleh diambil oleh Pegawai Pengawal antaranya adalah tindakan tatatertib, surcaj, mahkamah, laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tindakan secara pentadbiran. Ini termasuk mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap manual prosedur kerja serta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan teratur.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

TARIKH

19 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Mohd Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah setakat ini ancaman ajaran sesat semakin berbahaya kepada umat Islam negara ini dan nyatakan tindakan tegas yang boleh diambil bagi membendung perkembangan kumpulan ajaran sesat ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO⁵ SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sememangnya ancaman ajaran sesat membahayakan dan boleh mengancam keselamatan negara. Pergerakan kumpulan-kumpulan ajaran sesat ini jika

tidak dibendung boleh membahayakan umat Islam di negara kita dari segi akidah dan juga keselamatan serta keharmonian masyarakat.

Pada masa sekarang, terdapat 8 kumpulan ajaran sesat yang dikenalpasti aktif iaitu Kumpulan Al-Arqam/ Rufaqa'/ Global Ikhwan Sdn. Bhd.(GISB), Syiah, Pertubuhan Kerabat Raja Sakti (PKRS)- penjenamaan semula dari Ajaran Azhar Wahab (al-Mansur), Ajaran Ilmu Hakikat, Ajaran Islam Jamaah, Ajaran Qadiani Ahmadiah, Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya dan Ajaran Aurad Ismailiah.

Dalam usaha mengatasi masalah ajaran sesat dan penyelewengan akidah, pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah bekerjasama erat melalui berbagai program bagi tujuan mengekang perkembangan ajaran sesat ini. Antara tindakan yang diambil adalah;

- (i) mengadakan majlis-majlis penjelasan tentang bahaya fahaman atau ajaran menyeleweng dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri Negeri (JAIN), agensi-agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan;
- (ii) melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program sama ada berbentuk fizikal mahupun melalui media baru (laman web dan blog) yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur penyelewengan agama;

- (iii) meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi agama dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menangani dan menyekat fahaman selain ahli sunnah wal-jamaah dari tersebar kepada masyarakat;
- (iv) bekerjasama dengan Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan-Jabatan Mufti dalam mengkaji dan seterusnya mengeluarkan fatwa-fatwa yang berhubungkait amalan atau perbuatan yang diamalkan oleh orang Islam yang mengandungi fahaman yang menyeleweng; dan
- (v) bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa agama negeri dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri yang telah mewartakan kesalahan penyebaran sesebuah ajaran atau fahaman yang menyeleweng tersebut.

Di samping itu strategi-strategi lain juga telah dirancang bagi membendung gejala ajaran sesat dari terus berkembang seperti;

- (i) mengadakan Rancangan Lima Tahun Membanteras Ajaran Sesat;
- (ii) penubuhan Jawatankuasa Menangani Isu Semasa Ajaran Sesat dan *Task Force* peringkat negeri dan persekutuan bagi

memastikan gejala tersebut dapat dibendung;

- (iii) pelaksanaan undang-undang secara bersepada antara agensi-agensi kerajaan terutamanya yang melibatkan penguatkuasaan dan pendakwaan di Mahkamah Syariah;
- (iv) program pemulihan akidah bertujuan memulihkan akidah penganut-penganut ajaran sesat yang telah diputuskan oleh mahkamah atau sebagainya; dan
- (v) Kerajaan negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri juga berperanan dalam menguatkuasakan undang-undang yang ada bagi menyekat kemasukan ajaran sesat ini ke negeri mereka. Ajaran sesat ini boleh diambil tindakan mengikut peruntukan sedia ada seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah melalui Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 44
MUKA SURAT:
183**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH: 19JUN2012

SOALAN: Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan untuk menyediakan lebih banyak rumah kediaman untuk pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan Kerajaan pusat di Pekan Song, Kapit.

JAWAPAN:

Tuan Yg. Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai perancangan untuk membina Kuarters Gunasama Persekutuan di Daerah Song dalam masa terdekat. Namun demikian, perancangan pembinaan kuarters ini akan dipohon di

dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMKe) akan datang.

Sebagai persediaan jangka panjang, Kerajaan Persekutuan telah mempunyai tapak seluas 2.011 hektar di Lot 661 Block 17 Katibas Land District untuk tujuan pembinaan Kuarters Gunasama Persekutuan pada masa akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH

19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA MENTERI menyatakan atas asas apakah Kerajaan mengumumkan sistem demokrasi negara kita adalah yang terbaik di seluruh dunia.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak merdeka 55 tahun yang lalu, Malaysia telah mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (*the majority*), melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau ‘Wakil Rakyat’ di dalam Parlimen.

Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak 55 tahun yang lalu, yang berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut :-

- (a) Berasaskan kepada sistem *First Past The Post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi

yang terbanyak akan diisyiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain;

- (b) Berasaskan kepada pemilihan seorang pewakilan bagi setiap bahagian pilihan raya (*Single Member Territorial Representation*) sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN); dan
- (c) Berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya (*Multi Party Electoral System*).

Tuan Yang di-Pertua,

Di Malaysia, rakyat bebas untuk memilih sesiapa sahaja yang dirasakan layak mewakili mereka sebagai wakil rakyat tanpa desakan atau ancaman daripada mana-mana pihak. Ini terbukti melalui keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 pada Mac 2008 yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Selain itu, pihak pembangkang pada ketika itu turut menguasai pemerintahan empat buah Kerajaan Negeri yang baru selain mengekalkan pemerintahan di Kelantan.

Dalam konteks peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh tentang hak kaum-kaum yang terdapat di negara ini seperti kebebasan menggunakan bahasa ibunda dan kebebasan beragama, pada hari ini pengikut-pengikut agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao dan

sebagainya bebas mengamalkan dan mendirikan rumah ibadat masing-masing tanpa adanya sekatan asalkan ia mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan dan mengikut ajaran agama masing-masing. Walaupun Bahasa Melayu telah dijadikan Bahasa Kebangsaan di negara ini, namun tiada sekatan dikenakan kepada penggunaan bahasa-bahasa lain. Hal ini jelas dilihat apabila kaum-kaum menggunakan bahasa ibunda masing-masing seperti bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Melayu di dalam pertuturan harian di samping sebagai bahasa pengantaraan di sekolah jenis kebangsaan China SJK(C) dan Tamil SJK(T).

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri, semasa pengumuman pemansuhan ISA, telah menyatakan hasratnya untuk menjadikan Malaysia “berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan sistem demokrasi lain di dunia”. Ini bukanlah suatu perisyiharan bahawa sistem demokrasi di Malaysia adalah yang terbaik di dunia. Walau bagaimanapun ia lebih kepada menyatakan hasrat dan keprihatinan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Sekian,terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

SOALAN NO. .34..

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD

TARIKH

PARIT SULONG 19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN:

YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status terkini projek pembinaan longkang konkrit dari jambatan Batu Pahat ke Semerah kerana tebing parit tanah yang dibina yang tidak mengikut perancangan mudah pecah dan dipenuhi sampah menyebabkan aliran airnya tersekat dan menambah buruk masalah banjir sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya daripada masa ke semasa sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Jalan Persekutuan di negara ini. Ini termasuklah cadangan untuk menaik taraf sistem perparitan yang terletak dalam *right of way* (ROW) jalan, iaitu daripada sistem perparitan konvensional (pengorekan tanah) kepada sistem perparitan konkrit.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem perparitan di Jalan Persekutuan 5 (FT05) dari Batu Pahat ke Semerah sepanjang 5 kilometer itu adalah terdiri daripada jenis konvensional, dan ia kini diselenggara oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dilantik Kerajaan. Ini merupakan antara skop penyelenggaraan rutin yang perlu dilaksanakan oleh syarikat konsesi, iaitu melibatkan tempoh kekerapan penyelenggaraan sebanyak 2 kali setahun. Jika terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengeluarkan amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan atau NCR (*Non-Conformance Report*) dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan.

Namun demikian jika terdapat keperluan yang mendesak, JKR bersedia untuk mempertimbangkan keperluan menaik taraf sistem perparitan jalan berkenaan kepada sistem perparitan

konkrit menerusi kontrak berasingan untuk kerja-kerja berkala
SOALAN NO. .34..
(periodic). Sehubungan itu,
cadangan projek ini akan dipohon dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10 (2013 - 2014) untuk kelulusan Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN NGA KOR MING

TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bilangan kakitangan awam Kerajaan mengikut Kementerian masing-masing dan jumlah emolumen serta kos untuk menanggung perkhidmatan awam dalam negara kita pada tahun ini.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 8 Jun 2012, jumlah pegawai awam Persekutuan mengikut Kementerian termasuk tentera dan polis ialah seramai 1,045,456

NO.SOALAN: 47

orang. Manakala, jumlah emolumen (kod 10000 dan 29300) sehingga 31 Mei 2012 pula ialah sebanyak RM22,188,722,370.44.

Sekian, terima kasih.

NO
SOALA
N :

18 (48)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN
(IPOH BARAT)**

**TARIKH PERTANYAAN :
LISAN**

: 19.06.2012

Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) mengapa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) yakni kedua-duanya organisasi pekerja tidak digabungkan dan di letak di bawah satu Kementerian; dan
- (b) apakah situasi kewangan kedua-dua organisasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim KWSP dan Skim PERKESO adalah dua jenis perkhidmatan yang mempunyai persamaan dari sudut matlamat iaitu keselamatan sosial. Walau bagaimanapun, kedua-duanya mempunyai bidang kerja dan mekanisma pelaksanaan yang berbeza. Bidang kerja Skim KWSP adalah menyediakan pendapatan persaraan berdasarkan tabungan dan akaun individu dengan menggunakan kaedah *Defined Contribution*. Sebaliknya bidang kerja Skim PERKESO ialah memberi

NO SOALAN :

perlindungan daripada bencana kerja dan keilatan kepada pencarumnya. Skim

insurans sosial PERKESO berkonsepkan ‘*Solidarity Fund*’ iaitu ‘*Sharing of risk and pooling of resources*’ di kalangan majikan dan pekerja. Oleh itu, kedua-dua skim ini tidak boleh gabungkan menjadi satu kerana perbezaan teras (*fundamental*) tersebut. Pihak Kerajaan sentiasa menyemak dari masa ke semasa sama ada tadbir urus kedua-dua organisasi di bawah satu kementerian akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak berkepentingan. Memandangkan objektif dan tujuan kedua-dua skim ini berbeza, maka pihak Kerajaan tiada cadangan untuk penggabungan KWSP dan PERKESO pada ketika ini.

b) Berdasarkan keputusan kewangan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah diaudit setakat 31 Disember 2011, KWSP mencatat pendapatan bersih berjumlah RM25,084.43 juta iaitu pertambahan sebanyak RM2,772.00 juta atau 12% berbanding RM22,312.43 juta pada 2010. Saiz aset kasar KWSP juga menunjukkan pertumbuhan positif pada kadar 7%. Baki terkumpul aset kasar KWSP meningkat sebanyak RM31,656.98 juta daripada RM445,848.18 juta pada 2010 kepada RM477.505.16 juta pada 2011.

Baki Akaun Caruman KWSP pada 2011 adalah RM445,938.91 juta berbanding RM407,565.54 juta pada 2010. Pada tahun 2011, jumlah bayaran caruman yang diterima oleh KWSP daripada majikan serta lain-lain pelarasan caruman adalah sebanyak RM43,917.86 juta manakala jumlah pengeluaran dan pengembalian caruman yang dibayar oleh KWSP pula adalah sebanyak RM30,019.43 juta. Ini bermakna jumlah aliran tunai caruman bersih yang diterima oleh KWSP pada tahun 2011 adalah sebanyak RM13,898.43 juta. Dalam bulan Februari 2012, KWSP telahpun mengisytihar dividen bagi tahun 2011 pada kadar 6% berjumlah RM24,466.02 juta di mana amaun ini telahpun dikreditkan dalam akaun ahli pada 20 Februari 2012. Secara ringkas, walaupun keadaan pasaran global tidak menentu di sepanjang tahun 2011, KWSP telah mencatatkan prestasi kewangan yang baik dan stabil.

Sementara itu, kedudukan kewangan PERKESO semakin kukuh dan stabil dari setahun ke setahun.

Kesimpulannya, KWSP dan PERKESO telah berjaya memenuhi mandat yang

ditetapkan oleh Akta Penubuhan masing-masing dan berupaya melaksanakan pengurusan kewangan masing-masing dengan baik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI HATULIDI BIN HAJI JUSOH

(OUNQUN)

TARIKH : 19 JUW 2012 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta CENTERS PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah kerajaan bagi memastikan kebajikan setiap warga emas terbela dari segi kesihatan, tempat tinggal dan kemudahan lainnya serta adakah kerajaan bercadang mengeluarkan kad khas untuk kegunaan warga emas mendapatkan kemudahan tambang bas dan penginapan hotel lebih murah.

JAWAPAW

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta memastikan tiada kelompok rakyat termasuk warga emas tercicir daripada menikmati faedah pembangunan dan kemakmuran negara.

Bilangan warga emas di Malaysia atau mereka yang berumur lebih daripada 80 tahun pada tahun 2011 adalah seramai 2.2 juta orang atau 7.7 peratus daripada 28.55 juta penduduk Malaysia. Bilangan warga emas ini diunjurkan meningkat sejajar dengan peningkatan taraf kesihatan penduduk. Berasaskan *trend* ini, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi sosial dan komitmen Kerajaan untuk menyediakan persekitaran kondusif sebagai tanda pengiktirafan bagi membolehkan warga emas kita

menua secara **aktif**, produktif dan sihat.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk menggantikan Dasar Warga Tua Negara 1995 dengan Dasar Warga Emas Negara yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011 Penggubalan Dasar Warga Emas yang baharu ini adalah bukti komitmen Kerajaan ke atas pengiktirafan kepada sumbangan warga emas dan juga sebagai persediaan negara menghadapi cabaran penuaan masa kini dan yang mendatang bagi memastikan warga emas dapat terus hid up aktif dan bermaruah serta dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara secara inklusif. Seiring dengan penggubalan Dasar Warga Emas Negara, Pelan Tindakan Warga Emas Negara turut digubal sebagai landasan kerjasama multisektoral ke arah usaha penambahbaikan sistem penyampaian demi kepentingan dan kesejahteraan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2012 turut membawa sinar kepada golongan warga emas apabila YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam Ucapan Bajet 2012 pada 7 Oktober 2011 telah mengumumkan perkara-perkara berikut untuk manfaat golongan warga emas:

- (i) pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik IMalaysia serta pergigian milik Kerajaan mulai 1 Januari 2012;
- (ii) pelanjutan umur persaraan wajib dari 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam;
- (iii) penyelarasan pencen yang melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta dengan kenaikan 2% setahun tanpa menunggu penyelarasan gaji; dan
- (iv) penambahan bayaran bantuan sebanyak RM500 pada bulan Disember 2011 ke atas RM500 yang diterima pada bulan Ogos 2011 menjadikan keseluruhan bayaran bantuan kepada pesara Kerajaan berjumlah RM 1,000 seorang yang memanfaatkan seramai 618,000 orang pesara Kerajaan pada tahun 2011.

Bagi terus **menjamin** kesejahteraan rakyat di usia persaraan di samping mempromosi skim persaraan swasta yang dijangka dapat merancakkan pembangunan pasaran modal, Kerajaan **melalui** Bajet 2012 juga telah memberikan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) pelepasan cukai baru sehingga RMS,000 ke atas caruman dalam

Skim Persaraan Swasta dan anuiti insurans selama 10 tahun;

- (ii) potongan cukai ke atas caruman majikan bagi pekerja dalam Skim Persaraan Swasta; dan
- (iii) pengeoualian cukai ke atas pendapatan dana Skim Persaraan Swasta.

Terkini, Kerajaan juga telah mengecualikan caj pendaftaran rawatan pakar (sebanyak RMS) dan pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan ke wad berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012. Tambahan kepada itu, melalui Program KAR1SMA Warga Emas Bersama YAB Perdana Menteri pada 28 Mei 2012, Kerajaan telah mengumumkan 2 insentif kepada warga emas yang tinggal di Pusat Jagaan kendalian Pertubuhan Sukarela Kebajikan Warga Emas dan Pusat Aktiviti Warga Emas iaitu:

- (i) yuran pemasangan dan yuran langganan ASTRO percuma selama 3 hingga 5 tahun kepada 17 buah Pusat Jagaan kendalian Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 22 buah Pusat Aktiviti Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

- (ii) lawatan Pegawai Perubatan setiap bulan ke 48 Pusat Jagaan dan Pusat Aktiviti Warga Emas.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjagaan golongan warga emas adalah tanggungjawab bersama. Sebagai tanda penghargaan dan juga bagi meringankan kos perbelanjaan penjagaan ibu bapa, Kerajaan memberikan pelepasan cukai sehingga RMS,000 yang meliputi bayaran rawatan perubatan, menghantar ibu bapa ke pusat jagaan harian, bayaran menggaji pembantu khusus menjaga ibu bapa serta perbelanjaan keperluan harian yang lain.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberikan keutamaan dari segi bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang miskin. Ini terbukti di mana KAR1SMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan. Pada tahun 2011, JKM membelanjakan sebanyak RM478 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 135,217 orang warga emas di seluruh negara. Ini merupakan 35.3% daripada keseluruhan bantuan kebajikan masyarakat berbanding dengan 28.4% pada tahun 2010. Bagi tahun 2012,

**peruntukan kewangan sebanyak RM496 juta disediakan bagi member!
manfaat kepada 150,000 orang warga emas miskin.**

Golongan warga emas juga diberi pelbagai keistimewaan bagi menggunakan pengangkutan awam oleh penyedia pengangkutan awam meliputi udara dan darat. Warga emas menikmati potongan harga antara 25% hingga 50% ke atas kos tambang meliputi ketiga-tiga mod pengangkutan iaitu darat, air dan udara. Antaranya, 50% diskaun ke atas tambang komuter, kereta api, bas kendalian Rapid KL dan Rapid Penang, serta tambang kapal terbang Penerbangan Malaysia (MAS) bagi penerbangan dalam negeri. Sebagai tambahan, mulai tahun 2012, potongan 50% ini juga dipanjangkan kepada warga emas yang menggunakan monorei dan sistem transit aliran ringan (LRT).

Pada masa ini, Kementerian belum bercadang untuk mengeluarkan kad khas warga emas untuk mendapatkan kemudahan tambang bas dan penginapan hotel lebih murah. Ini ialah kerana kad pengenalan MyKad yang digunakan secara meluas adalah memadai bagi membuktikan umur seseorang untuk mendapatkan pelbagai diskaun dan pengecualian bayaran bagi sesuatu perkhidmatan untuk golongan warga emas.

Akhir kata, KPWKM komited untuk meneruskan usaha membela

Tuan Yang di=Pertua,

kesejahteraan sosial warga emas agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA **Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM)**
LISAN

PERTANYAAN **19.06.2012**

TARIKH

Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah defisit sebenar bagi tahun 2011 setelah diambil kira segala Bajet tambahan yang telah diluluskan selepas Bajet 2011 dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang dipertua,

Defisit fiskal pada tahun 2011, setelah mengambil kira bajet tambahan yang telah diluluskan, berjumlah RM42.5 bilion atau 4.8% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Ini adalah lebih rendah berbanding defisit fiskal bagi tahun 2010 yang berjumlah RM43.3 bilion atau 5.4% daripada KDNK. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal dan sasaran fiskal jangka sederhana akan diberi perhatian bagi memastikan kemapanan kedudukan fiskal. Langkah pengurangan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan akan diteruskan. Defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 4.7% daripada KDNK pada tahun 2012 dan Kerajaan akan terus komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada tahap kurang 3% daripada KDNK pada tahun 2015 seperti yang telah diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)

Bagi mencapai sasaran defisit fiskal, tumpuan akan terus diberikan kepada

pengawalan perbelanjaan dan peningkatan sumber hasil. Perbelanjaan akan dipastikan selaras dengan kemampuan hasil Kerajaan. Penyemakan peruntukan perbelanjaan akan dilakukan dengan teliti termasuk mengurangkan perbelanjaan yang bukan kritikal. Nilai setara (*value for money*), dengan izin, dalam perolehan Kerajaan akan terus diberi penekanan. Perancangan dan pelaksanaan serta penyediaan siling program dan projek di bawah Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) secara *rolling* setiap dua tahun dan pengurusan nilai dalam perbelanjaan pembangunan juga akan membantu memperkuatkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang dipertua,

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggung-jawab. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal serta mengawal jumlah hutang pada paras yang terurus. Di samping itu, asas-asas makroekonomi negara akan diperteguhkan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mapan dipacu oleh sektor swasta. Ini seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan hasil dan memperkuatkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL

[LIBARAN]

TARIKH 19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN:

SOALAN NO : 51

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah masalah pendatang tanpa izin di Sabah telah berjaya ditangani dan berapakah jumlah pendatang tanpa izin di Sabah yang telah ditangkap dan diusir sejak tahun 2008.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMEDNAZR1 ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak tahun 2008 hingga 31 Mei 2012, sejumlah 65,958 orang Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah telah diusir dan dihantar pulang ke Negara asal seperti Indonesia dan Filipina. PTI ini ditangkap dan ditahan sebelum diusir melalui beberapa operasi seperti Operasi Tanduk, Operasi Bersepadu,

Operasi Nyah 2 Bersepadu dan sebagainya yang dilaksanakan secara berterusan.

Usaha-usaha ini telah berjaya mengurangkan bilangan PTI di Sabah dan sebagai langkah penguatkuasaan berterusan untuk menghalang dari mereka yang dihantar pulang memasuki semula Negara ini, beberapa langkah telah dilaksanakan termasuk penguatkuasaan secara rutin di kawasan sempadan darat dan laut yang dilaksanakan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Bersama (ATB). Operasi Bersepadu yang disertai pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), Polis Diraja Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Jabatan Pendaftaran Negara terus dilaksanakan di peringkat dalaman bagi mengesan PTI yang berada di negeri Sabah. Operasi ini juga melibatkan Program 5P (Pendaftaran, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran) yang masih dilaksanakan pada masa ini. Sekian.Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA

	LISAN
TARIKH	RUJUKAN
	YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]
SOALAN	

SELASA, 19 JUN 2012

Dato' Abdul Manan bin 16 [PR-1252-L49352]

Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan nilai kerugian serta kerosakan harta benda dan perniagaan akibat perhimpunan Bersih 1.0, Bersih 2.0 dan Bersih 3.0 di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Paya Besar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mempunyai makluman mengenai nilai kerugian serta kerosakan harta benda persendirian dan perniagaan akibat perhimpunan Bersih 1.0, Bersih 2.0 dan Bersih 3.0. Walau bagaimanapun, DBKL sendiri menanggung kos dan kerosakan (kerugian) sebanyak **RM 351,206.45** untuk Bersih 3.0.

17

NO. SOALAN : ±'

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULUTERENGGANU]
TARIKH	19 JUN2012 [SELASA]

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menggalakkan golongan muda supaya segera berkahwin bagi mengelakkan golongan muda terjebak dalam noda dan maksiat termasuk penzinaan.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan memang sedar terhadap keperluan golongan muda berkahwin awal dan bukan berkahwin di bawah usia. Kerajaan bersetuju perkahwinan muda dapat mengurangkan golongan muda terjebak dalam pelbagai

maksiat dan seterusnya mengurangkan gejala sosial seperti hamil tanpa nikah, pembuangan bayi dan sebagainya.

Setakat ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) besama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah menjalankan kempen kesedaran supaya golongan muda berkahwin awal melalui pelbagai seminar dan kursus terutama kesedaran ini dimasukkan di dalam **Modul Kursus Pra- perkahwinan** yang diwajibkan kepada setiap pasangan yang akan berkahwin.

Sebagai usaha membantu golongan yang tidak berkemampuan, JAIN seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengadakan perkahwinan beramai-ramai bagi mengurangkan perbelanjaan majlis perkahwinan.

Selain itu, JAKIM dengan kerjasama Yayasan Patriotik Bangsa telah mengadakan **Program Selangkah Ke Alam Perkahwinan** pada 12-13 Mei di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya yang merupakan projek perintis dalam membantu generasi muda supaya berkahwin lebih awal dengan kos perkahwinan sebanyak RM 5,000 sahaja. JAKIM mendapat maklumbalas yang menggalakkan dari peserta dan permintaan dari ibu bapa dan generasi muda supaya JAKIM meneruskan program seperti ini pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAP LISAN
DEWAN RAKYAT

NO. AUF

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

TARIKH **19 JUN 2012**

RUJUKAN **4829**

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAMNEGERI** menyatakan keadaan wabak dadah di negara ini. Apakah jenis dadah, tangkapan dan tindakan termasuk kawalan air ketum (*Mitragyna speciosa*).

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, trend penyalahgunaan dadah di Malaysia bagi tempoh tahun (5) tahun bermula tahun 2007 sehingga 2011 menunjukkan peralihan penggunaan dadah yang berbentuk tradisional seperti heroin (opiat dan ganja (kanabis)) kepada pengambilan dadah sintetik seperti syabu, ketamin dan pil ecstasy (Ampetamine Type Stimulant / ATS). Di samping itu, penyalahgunaan pil-pil psikotropik seperti Yaba dan Erimin 5 turut dikesan semakin meningkat di kalangan golongan muda.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah tangkapan berkaitan pelbagai

Tuan Yang Dipertua,

kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk lima (5) tahun bermula tahun 2007 sehingga 2011 adalah sebanyak 451, 732 orang.

Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) turut mengadakan pelbagai Program Pencegahaan secara berterusan yang memberi fokus berkaitan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti melalui empat (4) strategi utama iaitu Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah.

Daun ketum atau daun pokok biak mengandungi bahan psikoaktif Mitragynine yang mana telah disenaraikan di dalam Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 (Akta 366). Di bawah akta ini, sesiapa yang mengimport, memiliki, membekal atau menggunakan bahan psikoaktif yang tersenarai di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 30, yang mana jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara tidak melebihi empat (4) tahun atau kedua-duanya sekali.

NO. SOALAN:

55 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB TUAN GOBIND SINGH DEO

NO. SOALAN: 55

TARIKH

19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status siasatan dalam kes Teoh Beng Hock.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN: 55

1. Ekoran daripada Laporan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kematian Teoh Beng Hock, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan bagi menentukan sama ada tindakan jenayah boleh diambil terhadap 3 orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dinamakan dalam Laporan tersebut.

2. Jabatan Peguam Negara telah mengkaji semua keterangan yang diperoleh daripada hasil siasatan yang dijalankan oleh PDRM. Jabatan Peguam Negara telah membuat keputusan dan mendapati siasatan PDRM tidak mendedahkan mana-mana orang yang boleh dikenakan apa-apa pendakwaan jenayah mahupun tindakan tatatertib.

3. Dalam membuat keputusan ini, Jabatan Peguam Negara juga telah membuat pertimbangan berkenaan dengan ketidakpatuhan perenggan 30(1)(a), subseksyen 30(8) dan subseksyen 31(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*]. Peruntukan-peruntukan tersebut, antara lain, menghendaki pegawai penyiasat merekodkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa secara lisan. Namun begitu, ketidakpatuhan ini telah menjadi

NO. SOALAN: 55

tabiat lazim di kalangan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)/ Badan Pencegah Rasuah (BPR) seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, sukar untuk membuktikan bahawa pegawai yang terlibat dalam kes ini mempunyai maksud untuk menyebabkan bencana kepada seseorang.

4. Jabatan Peguam Negara turut merumuskan bahawa SPRM perlu mengambil tindakan bagi memperbaiki *Standard Operating Procedure* (SOP) yang diguna pakai agar selari dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, syor Laporan Suruhanjaya Diraja dan undang-undang antarabangsa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH 19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Undang-undang (Law Commission) berikutan dengan kekalutan penarikan rang undang-undang meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan kelemahan Jawatankuasa Undang-Undang di bawah Jabatan Perdana Menteri yang tiada *statutory power* untuk membuat keputusan.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Malaysia tidak mempunyai Suruhanjaya Khas yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas pembaharuan undang-undang. Aktiviti pembaharuan undang-undang dilaksanakan oleh Bahagian

Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang (BPPUU), Jabatan Peguam Negara.

2. Di samping itu, pada tahun 2009, Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang di Malaysia bagi memastikan perkembangan undang-undang secara lebih sistematik. Pada masa ini, JPUUM akan mengemukakan apa-apa cadangan pembaharuan undang-undang daripada kajian yang dijalankan kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan tindakan susulan.

3. Kerajaan sememangnya bersedia untuk menimbulangkan penubuhan Suruhanjaya Undang-Undang. Walau bagaimanapun, kesediaan Kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Undang-Undang ini tiada berkaitan dengan penarikan rang undang meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan kelemahan Jawatankuasa Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, tetapi adalah untuk memperkasakan amalan pembaharuan undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA JAWAB LISAN

TARIKH DR MICHEAL JEYAKUMAR

SOALAN DEVARAJ 19 JUN 2012 (SELASA)

NO. 57

Dr Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah yang harus diambil sebelum sesebuah universiti diberi izin memulakan kursus perubatan (kursus melatih doktor).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua permohonan baru untuk menjalankan program Perubatan perlu melalui proses penilaian bersama oleh Majlis Perubatan Malaysia (*Malaysian Medical Council*, MMC) dan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency* MQA). Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) perlu membuat permohonan melalui MQA dan disaring di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penilaian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Garis panduan dan Standard yang ditetapkan oleh MMC.

Setiap permohonan akan dinilai oleh sekumpulan panel penilai yang ditetapkan oleh MMC. Penilaian permohonan dibuat berdasarkan dokumen *database* (9 area) yg disediakan oleh PPT berdasarkan format yang ditetapkan oleh MMC dan disusuli dengan lawatan penilaian bagi memastikan perancangan dan persediaan awal telah disediakan sebelum program boleh dijalankan. Ulasan ahli panel penilai terhadap program tersebut perlu disediakan dalam bentuk laporan bertulis.

Laporan penilaian yang disediakan oleh Pasukan Panel Penilai akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan (JTPPP). JTPPP yang dibentuk diwakili oleh wakil-wakil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), KPT, MMC, MQA dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Keputusan dan syor JTPPP akan dipanjangkan oleh MMC kepada MQA dan KPT. Kebiasaannya, tempoh proses penilaian mengambil masa kurang dari 6 bulan.

Pemantauan dari masa ke semasa juga akan dijalankan oleh MMC dan MQA. Kebiasaannya pemantauan ini dijalankan dengan mengadakan lawatan susulan ke PPT antara 2-3 kali iaitu sebelum pengambilan pertama pelajar, semasa pelajar melalui pengajian pra klinikal dan semasa pelajar menjalani latihan klinikal. Ini adalah bagi memastikan PPT membuat penambahbaikan dan telah memenuhi keperluan MMC sebelum melalui proses penilaian Akreditasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KAMALANTHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]

TARIKH : 19JUN2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci:

- (a) jumlah peruntukan untuk Parlimen Hulu Selangor dalam Rancangan Malaysia Ke-10; dan
- (b) nyatakan jumlah yang telah disalurkan dan projek yang telah siap untuk Parlimen Hulu Selangor semenjak 2008 hingga sekarang serta senarai lengkap projek yang masih dalam perancangan.

JAWAPAN

- (a) Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) sehingga 12 Jun 2012, siling peruntukan RMK-10 untuk Parlimen Hulu Selangor adalah seperti berikut:
 - Siling *Rolling Plan* Pertama (RP-1): RM 105.44 juta; dan
 - Siling *Rolling Plan* Kedua (RP-2): RM 125.10 juta.
- (b) Untuk projek RMK-9 di kawasan Parlimen Hulu Selangor, sebanyak 125 projek telah disiapkan dengan siling sebanyak RM411.26 juta.
Untuk RMK-10, di bawah RP-1 sebanyak 8 projek dengan siling peruntukan RM7.58 juta telah disiapkan dan untuk RP-2 sehingga

12 Jun 2012 sebanyak 3 projek dengan siling peruntukan RM51.98 juta telah disiapkan. Hanya terdapat 1 projek RMK-10 yang masih berstatus Dalam Perancangan (DP) iaitu projek tanam semula Kelapa Sawit negeri Selangor di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

dengan siling sebanyak RM288,900.00.

NO. SOALAN: 60

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS** _____

(2012)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA [SOALAN: ,,
TERAP]

TARIKH

19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah kategori sekolah agama rakyat dalam negara kita, berapakah bilangan sekolah, pelajar dan guru mengikut kategori serta peruntukan yang disalurkan untuk tahun 2008 - 2011.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Sekolah Agama Rakyat (SAR) ialah sekolah yang didirikan di atas tanah wakaf, tanah persendirian atau tanah milik kerajaan yang diluluskan dan disenggara oleh sekumpulan individu dari kalangan masyarakat Islam bagi

membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran agama Islam dilaksanakan. Sekolah Agama Rakyat terbahagi dua iaitu: Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR); dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR).

Pada masa ini terdapat **510 buah SAR** diseluruh negara iaitu **151 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)** dan **359 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR)**.

Bilangan guru di SAR ialah seramai 6,061 orang guru dan bilangan **murid ialah seramai 96,503 orang** diseluruh negara. Ia terdiri daripada 2,700 orang guru dan 35,540 orang murid di SMAR manakala di SRAR bilangan guru ialah seramai 3361 orang dan bilangan murid ialah seramai 60,963 orang.

Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan kepada SAR sebanyak RM95 juta pada tahun 2011 manakala pada tahun 2012 sebanyak RM 10.48 juta untuk bantuan perkapita SAR KAFA. Manakala SAR yang berdaftar sebagai SABK menerima bantuan penuh daripada Kerajaan seperti yang diterima oleh sekolah kebangsaan yang lain. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) menyediakan latihan guru SAR secara berkala dan memberi bantuan buku rujukan berbahasa Arab.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM

TARIKH

19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarat-syarat dan keperluan untuk seorang bankrap terus bekerja:-

- (a) adakah pendapatan sibankrap ini perlu diserahkan kepada Jabatan Insolvensi untuk pengagihan bayaran balik kepada pemutang; dan
- (b) adakah Amran bin Mulup No. K/P:640515-10-7639 seorang bankrap

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI
JAWAPAN JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seseorang bankrap boleh berkerja atau terus bekerja tetapi tertakluk kepada larangan atau sekatan berikut:

- (i) hilang kelayakan dalam menjawat beberapa profesion yang diperuntukkan dalam undang-undang spesifik contohnya Hakim, majistret, peguam, akauntan, arkitek, jurutera dan *surveyor*.
- (ii) tidak boleh berkerja dalam mana-mana pertubuhan dan menjadi presiden dalam mana-mana persatuan berdaftar;
- (iii) tidak boleh memasuki atau menjalankan mana-mana perniagaan sama ada sendiri atau dalam perkongsian, atau menjadi seorang pengarah mana-mana syarikat atau selainnya secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian dalam Pengurusan mana-mana syarikat kecuali dengan kebenaran dari Ketua Pengarah Insolvensi atau mahkamah; dan
- (iv) tidak boleh terlibat dalam pengurusan atau kawalan mana-mana perniagaan yang dijalankan oleh suami/isterinya, saudara-mara satu keturunan serta adik beradik atau pasangan adik beradik tersebut sama ada secara langsung atau bagi pihak kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi atau mahkamah.

Larangan khusus di perenggan (i) dan (ii) serta sekatan di perenggan (iii) dan (iv) bertujuan untuk melindungi masyarakat dan bukan merupakan satu hukuman. Penceburan orang yang diisyihar bankrap dalam sesuatu profesi atau jawatan akan melibatkan urusan kewangan dan harus dikawal selia supaya tidak mendatangkan apa-apa kesan buruk kepada pihak yang berurusan dengannya. Di samping itu bankrap juga akan dapat dihindar daripada kebankrapan kali kedua. Bagi tujuan mendapat kelulusan bagi menjawat jawatan seperti di perenggan (iii), bankrap perlu:

- (i) bekerjasama dan datang ke pejabat Mdl untuk memberikan semua maklumat mengenai keberhutangannya dengan lengkap dan telus;
- (ii) memfailkan penyataan hal ehwal;
- (iii) memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaannya setiap enam bulan;
- (iv) membayar ansuran bulanan dengan teratur; dan
- (v) mematuhi arahan serta peruntukan undang-undangkebankrapan yang lain.

Berkenaan dengan pertanyaan (a), sebagai prinsip am apabila seseorang itu diisyiharkan bankrap segala hartanya (melainkan dikecualikan) akan menjadi milik Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk tujuan diagihkan kepada semua pemutang yang telah membuktikan hutang mereka. Harta merangkumi semua bentuk pendapatan seperti wang gaji, sumbangan dan pendapatan luar jangka. Penyerahan

pendapatan bankrap kepada KPI untuk pengagihan bayaran balik kepada pemutang akan tertakluk kepada:

- (i) Seksyen 57, Akta Kebankrapan 1967 yang memperuntukkan kaedah pemungutan daripada kakitangan kerajaan dan juga pekerja swasta secara perintah pemotongan gaji (*appropriation order*) oleh Mahkamah;
- (ii) Seksyen 38 (1)(b), Akta Kebankrapan 1967 yang mewajibkan bankrap memfaillkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan setiap enam bulan kepada KPI untuk disemak perbelanjaan sara hidup mereka dan sekiranya terdapat lebihan atau perbelanjaan yang tidak dibenarkan, lebihan tersebut kena diserahkan kepada KPI; dan
- (iii) Seksyen 38(1)(ba)Akta Kebankrapan 1967 yang mana bankrap perlu melaporkan kepada KPI sekiranya menerima wang, harta atau hasil dalam apa-apa bentuk yang melebihi RM500 dan wang, harta atau hasil tersebut sekiranya bukan daripada pendapatan biasanya, hendaklah dengan segera membayar dan menyerahkan wang, harta atau hasil tersebut kepada KPI.

Amran bIn Mulup No. K/P: 640515-10-7639 merupakan seorang bankrap melalui perintah bertarikh 3 April 2003 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak .

Sekian.terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2012

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk penambahbaikan supaya kerugian MAS terbesar dalam sejarah yang mencatat RM2.52 bilion pada tahun 2011 tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) telah mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion bagi tahun 2011 dan RM171 juta bagi suku tahun pertama 2012. Punca utama kerugian berkenaan adalah kerana kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo serta peningkatan kos operasi syarikat.

Berdasarkan prestasi kewangan dalam tempoh berkenaan, MAS kini berusaha untuk mengukuhkan Kunci Kira-Kira (*Balance Sheet*) syarikat supaya MAS dapat membiayai perolehan pesawat baru, yang mana amat penting untuk menjayakan strategi pemulihan syarikat. Kini, MAS memberi fokus kepada pelan penggantian pesawat sebagai inisiatif utama untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan kos operasi. Sebagai langkah strategik untuk mengembalikan keyakinan penumpang, MAS memperkenalkan perkhidmatan

NO SOALAN :

jarak jauh dengan menggunakan pesawat A380 sebagai '*new brand*' kepada MAS mulai 1 Julai 2012. Selain itu, bagi meningkatkan tahap kepuasan penumpang dan menjadikan MAS sebagai "*The Preferred Premium Carrier*", MAS telah menambah baik perkhidmatan sedia ada seperti pemeriksaan masuk penumpang, menaik taraf *lounge* kelas pertama dan kelas perniagaan.

Bagi mengukuhkan jaringan perkhidmatan pula, MAS akan menyertai *oneworld alliance* pada akhir tahun 2012 untuk meningkatkan jenama MAS di kalangan pelanggan syarikat penerbangan lain serta meningkatkan *load factor* melalui trafik tambahan. Secara keseluruhannya, strategi-strategi perniagaan yang sedang dan akan dilaksanakan melalui pelan perniagaan MAS yang holistik, dijangka akan memberi impak positif kepada prestasi dan kedudukan kewangan MAS pada masa hadapan.

j-40- so A'AN* : ^ *2-

~~NO: AUM . 60~~

-NOT-AUP-^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH 19 JUN 2011

RUJUKAN 4832

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) berapakah jumlah pencari suaka telah dihantar ke Malaysia dari Australia mengikut kategori umur dan negara asal mereka; dan

(b) apakah manfaat kepada Kerajaan dan swasta dalam kerjasama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang mengemukakan soalan.

(a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dokumen Aturan mengenai Penghantaran dan Penempatan Pemohon Suaka / Pelarian di antara Malaysia dan Australia telah ditandatangani pada 25 Julai 2011. Antara komponen utama Aturan ini ialah Australia akan menghantar ke Malaysia sehingga 800 pemohon suaka yang ditahan di perairan negara itu kerana menggunakan bot haram untuk masuk ke negara tersebut.

Sebagai balasan, Australia pula akan menerima seramai 4,000 orang pelarian sedia ada di Malaysia yang telah berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut. Keseluruhan proses penempatan semula ini akan mengambil tempoh masa selama empat (4) tahun.

Namun begitu, susulan daripada keputusan oleh Mahkamah Tinggi Australia pada 31 Ogos 2011 yang telah mengeluarkan injunksi tetap bagi melarang penghantaran pemohon suaka ke Malaysia di bawah Aturan tersebut, cadangan penghantaran tersebut tidak dapat direalisasikan.

Walau bagaimanapun, Australia masih meneruskan komitmen untuk menerima 4,000 orang pelarian di Malaysia yang berdaftar dengan UNHCR bagi tujuan penempatan semula di negara tersebut. Setakat

31 Mei 2012, seramai 1,037 orang pelarian telah dihantar untuk penempatan semula di Australia dari Malaysia.

(b) Cadangan pertukaran ini akan meningkatkan kredibiliti dan imej negara di peringkat serantau dan antarabangsa dalam menangani jenayah rentas sempadan khususnya jenayah penyeludupan migran menerusi pergerakan secara tidak sah (*irregular movement*). Aturan kerjasama di antara Malaysia dan Australia ini menyokong dan adalah selaras dengan kerangka kerjasama serantau yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Keempat Peringkat Menteri *Bali Process* di Bali, Indonesia pada 30 Mac 2011.

Aturan ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk menangani isu pergerakan secara tidak sah (*irregular movement*) termasuk membanteras jenayah penyeludupan migran. Cadangan pertukaran ini akan memberikan implikasi besar kepada sindiket penyeludupan migran kerana dijangka akan menjelaskan model perniagaan sindiket-sindiket tersebut yang selama ini mengaut keuntungan yang besar dari aktiviti ini di rantau Asia Pasifik.

Di samping itu, Aturan ini juga akan membolehkan Malaysia menangani isu jumlah pelarian yang semakin bertambah di negara ini. Pelarian di negara ini dianggarkan dalam lingkungan 87,630 orang sehingga 31 Mei 2012. Jumlah ini adalah amat membimbangkan di mana pada tahun 2005, jumlah pelarian dianggarkan seramai 45,000 orang.

Sehubungan dengan itu, melalui Aturan ini adalah dijangkakan seramai 4,000 pelarian daripada Malaysia akan dapat dihantar ke Australia bagi tujuan penempatan semula dalam tempoh empat (4) tahun akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DR. MOHD. HATTA MD. RAMLI (KUALA KRAI)

TARIKH 19 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN 63

DR. MOHD HATTA MD. RAMLI [Beruas] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada penyenaraian FELDA GVH diteruskan walaupun beberapa buah negeri tidak akan menyerahkan hak milik tanah Felda Plantation kepada FG VH.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH : 11 JUN 2012

NO SOALAN

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan faktor-faktor yang membolehkan FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) sebagai penjana keuntungan kumpulan syarikat berstatus konglomerat global bagi menghasilkan dana apabila disenaraikan dalam Bursa Malaysia dan apakah status terkini mengenai firma global yang bakal menjadi rakan niaga strategik antarabangsa FGVH.

JAWAPAN : DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,.

Saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Paya Besar bersekali dengan Seiiu (11 Jun 2012), Kuala Krau (12 Jun 2012), Tanah Merah (14 Jun 2012), Sungai Petani (18 Jun 2012), Kuala Krai (19 Jun

2012) dan Seremban (28 Jun 2012) kerana soalan-soalan tersebut adalah saling berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenaraian FELDA Global Ventures (FGV) adalah usaha berkongsi kemakmuran FELDA kepada rakyat Malaysia di mana lebih kurang 2.19 billion saham FGV telah ditawarkan kepada pelabur tempatan dan institusi, termasuk pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta pelabur-pelabur runcit. FGV adalah syarikat ke 3 perladangan sawit terbesar di dunia dan pemilik saham pengeluar minyak sawit terbesar di dunia serta pengeluar gula terbesar di Malaysia.

Dari jumlah 2.19 billion yang ditawarkan, 19.8 % telah ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi jangka panjang (*cornerstone investors*), 12 % telah ditawarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, 11.5 % ditawarkan kepada pelabur Institusi dan Bumiputera menerusi MITI, 11 % ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi dan komersil melalui binaan bida (*bookbuilding*), 7.5 % kepada peneroka dan para pekerja FELDA serta pelabur runcit tempatan dan 2.5 % telah diperuntukan kepada Louis Dreyfus Commodities Asia, rakan kongsi strategik yang telah dicadangkan untuk meningkatkan keupayaan hiliran FGV. Dari 19.8 % yang telah ditawarkan kepada pelabur institusi jangka panjang, 4 peruntukan terbesar atau bersamaan dengan 16.1 % adalah kepada pelabur institusi tempatan seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tabung Haji , Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP).

Oleh kerana penglibatan Kerajaan-kerajaan negeri dan pelabur-pelabur institusi dalam penyenaraian FGV, secara tidak langsung faedah atau keuntungan yang diperoleh daripada FGV juga boleh dinikmati oleh orang ramai. Menurut data terkini, PNB dan Tabung Haji masing-masing mempunyai seramai 10.85 juta dan 7 juta pencarum, manakala KWSP mempunyai seramai 13.15 juta ahli dan KWAP seramai kira-kira 140 ribu ahli. Ini bermaksud berkongsi dividen kemakmuran FELDA kepada rakyat terbanyak. Tidak pernah saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dibahagikan kepada sebegitu ramai rakyat Malaysia.

Kepentingan para peneroka masih terjamin dan manfaat yang diberikan selama ini tidak akan terhakis kerana FELDA masih lagi memegang kira-kira 17% saham FGV dan pegangan saham terbesar dimiliki oleh para peneroka sebanyak 22.5 % iaitu 20 % Tabung Amanah Peneroka dan 2.5% pegangan secara runcit peneroka. Peneroka mendapat unit saham yang lebih kecil berbanding petugas FELDA kerana jumlah mereka yang ramai iaitu 112,635 orang dibanding petugas. Malahan mereka akan mendapat dividen tahunan seumur hidup daripada pegangan ekuiti 20 % Tabung Amanah tersebut. Selain itu, para peneroka mendapat ‘durian runtuh’, memiliki kebun dan tapak rumah dan lain-lain yang mana petugas FELDA tidak mendapat faedah tersebut. Sedangkan tanah yang terlibat iaitu 355,000 hektar atau 880, 000 ekar bukan diurus oleh peneroka tetapi diurus oleh petugas yang memastikan FGV akan untung kerana mereka yang menguruskan pentadbiran harian. Tambahan pula, penyenaraian ini dibuat tanpa menyentuh tanah yang dimiliki oleh para peneroka dan FELDA hanya menyewakan jangka panjang tanah itu kepada FGV untuk mengusahakannya. Bayaran sewaan tanah dari FGV juga akan disalurkan

kepada FELDA dan akhirnya untuk dinikmati oleh para peneroka. Perkongsian kemakmuran dengan seluruh rakyat Malaysia walaupun mereka tiada kaitan langsung dengan FELDA, paling untk yang dilakukan kepada rakyat Malaysia melalui penyenaraian FGV ini.

Sehingga Jun 2012, penyenaraian ini merupakan yang terbesar bagi rantau Asia pada tahun ini di mana modal pasaran FGV dianggarkan melebihi RM16 billion. Berdasarkan andaian harga runcit RM4.55 sesaham, FELDA dan FGV dijangka bakal meraih dana sebanyak RM10.5 billion. Sebahagian daripada dana IPO ini akan digunakan untuk pembelian aset-aset ladang, peluasan aktiviti hiliran, perbelanjaan modal untuk meningkatkan kecekapan serta keupayaan dan keperluan modal kerja yang lain. Di antara inisiatif strategik untuk meningkatkan kecekapan termasuk peningkatan program tanaman semula kelapa sawit bagi meningkatkan profil usia tanaman, menambah bank tanah dan meluaskan keupayaan hiliran bagi meningkatkan nilai produk-produk huluhan.

Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan hiliran, FGV bercadang untuk menujuhkan satu perkongsian usaha niaga strategik dengan syarikat gergasi komoditi, Louis Dreyfus Commodities (LDC). Pada 14 Mei 2012, FGV telah memasuki satu memorandum persefahaman dengan LDC dengan tujuan usaha sama perdagangan dan pemasaran. Ini termasuk perjanjian komersil bagi mewujudkan rangka kerja yang menjadi asas kerjasama antara FGV dan LDC untuk meneroka peluang-peluang pelaburan dalam kegiatan hiliran berhubung dengan minyak sawit dengan tumpuan ke atas Negara China dan India.

Keputusan yang dibuat untuk menawar LDC sebagai rakan kongsi strategik

dibuat setelah penyempurnaan kajian teliti, yang mengambil kira semua faktor keupayaan komersil dan sosial. Dari aspek keupayaan komersil, LDC adalah peneraju dalam pemprosesan produk pertanian dan perdagangan pelbagai jenis produk komoditi dunia termasuk benih dan produk sampingan minyak. Dari segi faktor sosial, LDC sering berurusan dengan Negara-negara yang majoriti penduduknya adalah umat Islam. Hari ini, 30 % daripada pasaran beras di Afrika dan 10 % keperluan bijiran di Asia Barat dan Afrika dibekalkan oleh LDC dan ini menunjukkan perkongsian terbuka dengan kedua-dua negara Islam dan bukan Islam.

LDC sekarang diterajui oleh Margarita Louis-Dreyfus, isteri bekas pengurus LDC yang berketurunan Rusia. Beliau adalah pengurus LDC dan merupakan pemegang saham terbesar LDC dengan kepentingan sebanyak 65 % dalam syarikat induk. Operasi harian LDC dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LDC, Serge Schoen seorang berketurunan Jerman. Entiti global ini diasaskan di Eropah dan mempunyai operasi-operasi serantau yang kukuh di Amerika Utara, Amerika Selatan, Timur Tengah, Afrika dan Asia termasuk beberapa negara anggota OIC seperti Indonesia, Mesir, Cameroon, Ivory Coast dan United Arab Emirates (UAE).

Tuan Yang di-Pertua,

Menerusi perlaksanaan inisiatif-inisiatif strategik tersebut, FGV dijangka akan menjana keuntungan yang lebih tinggi dan stabil serta mampu untuk memberi pulangan yang sewajarnya kepada semua pemegang saham FGV pada selepas penyenaraianya. Di dalam perkembangan berkaitan lain, terdapat beberapa penganalisis dari bank-bank pelaburan utama menganggarkan nilai pasaran FGV boleh mencecah sehingga RM20

billion. Ini membuktikan bahawa sentimen pasaran adalah menggalakkan dan FGV akan menjadi faktor penarik di kalangan komuniti pelabur-pelabur dalam dan luar negara apabila disenaraikan pada 28 Jun 2012.

oooooooooooooooooooo

SOALAN NO : 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]
TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan model Skim Kesihatan Nasional 1Care dan nyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menyegerakan pelaksanaan skim tersebut yang telah dibincangkan sejak dari tahun 2009 lagi untuk mengukuhkan sistem kesihatan negara dan membolehkan rakyat menikmati kesihatan yang berkualiti tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua

1Care adalah cadangan penstrukturran semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat kajian. Tujuannya apabila dilaksanakan adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan negara supaya saksama dan lestari. 1Care akan memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi serta dapat diakses oleh semua.

Bagi memenuhi keperluan di atas, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mengkaji dan meneliti model-model sistem kesihatan yang bersesuaian supaya dapat digunakan. KKM belum membuat sebarang keputusan tentang model yang sesuai untuk diadaptasi.

Pembentukan 1Care sebenarnya masih pada peringkat perbincangan, di mana dari tahun 2009 sehingga kini, KKM telah mengadakan sebanyak 82 sesi perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders* - dengan izin) untuk mengkaji cadangan ini dengan lebih terperinci.

Selain itu, KKM juga sedang mengadakan siri jelajah *public engagement*- dengan izin, bagi mendapatkan idea dan cadangan dari rakyat. Usaha ini merupakan satu proses yang dinamik dan interaktif.

Cetusan idea dan cadangan dari rakyat serta pihak-pihak yang berkepentingan ini akan dianalisa dan seterusnya, bersama dengan fakta-fakta lain, akan diambilkira oleh Jawatankuasa Teknikal di peringkat KKM bagi membangunkan *blueprint* sistem kesihatan Malaysia. Jawatankuasa Teknikal berkenaan dijangka akan melengkapkan penyediaan *blueprint* ini menjelang tahun 2014.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. DATUK HAJI BAHARUMBIN HAJIMOHAMED
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **19.06.2012**

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BINHAJIMOHAMED [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai pelaburan dan nilai aset Valuecap Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2011, Valuecap Sdn Bhd mempunyai nilai pelaburan berjumlah RM10.98 bilion dan nilai aset berjumlah RM12.22 bilion.

NO.SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KARPAL SINGH

TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan umur persaraan kakitangan awam kepada 66 tahun selaras dengan umur persaraan hakim-hakim. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan umur persaraan wajib anggota sektor awam kepada 66 tahun seperti umur persaraan wajib bagi hakim. Sebaliknya untuk memenuhi keperluan perkhidmatan-

perkhidmatan tertentu, Kerajaan akan membuat pelantikan secara kontrak bagi pegawai-pegawai yang telah bersara wajib. Dengan cara ini, Kerajaan akan dapat memastikan bahawa pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi sahaja yang akan dilantik untuk terus berkhidmat selepas umur bersara wajib mengikut keperluan perkhidmatan.

Sebagai majikan yang terbesar, Kerajaan akan sentiasa memantau situasi pasaran buruh (*labour market situation*) sebelum mempertimbangkan sebarang cadangan untuk meningkatkan umur persaraan wajib bagi anggota sektor awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH 19 JUN 2012
SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapa orang pakar kardiologi dan kardiothorasik yang sekarang berkhidmat di Hospital Kerajaan di

Tuan Yang di-Pertua

negeri Sarawak. Adakah bilangan ini mencukupi dan apakah rancangan Kerajaan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang prihatin mengenai keperluan untuk meningkatkan lagi jumlah doktor pakar di hospital Kerajaan bagi memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat, termasuklah pakar kardiologi dan kardiotorasik di Negeri Sarawak. Pada masa ini, terdapat seramai 7 orang Pakar Kardiologi dan seorang Pakar Kardiotorasik yang sedang berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri Sarawak. Bagi memastikan perkhidmatan kepakaran dapat dipertingkatkan, KKM turut mengadakan lawatan berkala Pegawai Perubatan Pakar Kardiologi dan

Kardiotorasik

dari Semenanjung ke Hospital Umum Sarawak (HUS).

I

Bilangan Pakar Kardiologi dan Kardiotorasik ini memang rendah, oleh itu berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan lagi bilangan mereka secara berfasa dalam tempoh RMK-10 menerusi pelbagai strategi, misalnya melalui:

- i. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak;
- iii. Pengambilan doktor pakar kardiologi swasta turut membantu berkhidmat secara *sessional*; dan
- iv. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun, KKM juga telah

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

menghantar Pegawai Perubatan untuk mengikuti kursus dalam bidang kepakaran Kardiologi dan menawarkan sebanyak 150 slot biasiswa untuk latihan pelbagai bidang subkepakaran termasuklah bagi bidang kardiologi dan kardioterasik. Oleh itu, KKM akan memperoleh bekalan Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang tersebut secara berperingkat dan seterusnya dapat membantu KKM menangani masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR

KAWASAN TUMPAT

TARIKH NO. 19.6.2012 (SELASA)

SOALAN 68

DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR [Tumpat] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Palestin pada tahun 2011.

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2011, jumlah perdaqanqan dua hala antara Malaysia dengan Palestin telah mencatatkan kenaikan sebanyak 51 peratus kepada RM1.1 iuta dari RM0.7 juta pada tahun 2010.

Jumlah eksport ke Palestin pada tahun 2011 bernilai RM1.05 iuta, meningkat 47.2 peratus berbanding RM0.7 iuta pada tahun 2010. Produk-produk utama yang dieksport ke Palestin pada tahun 2011 adalah makanan siap proses, produk qetah, produk kavu, kimia dan produk kimia dan pembuatan plastik.

Jumlah import dari Palestin pada tahun 2011 walaupun kecil, juga menunjukkan peningkatan sebanyak tiqa kali ganda kepada RM51 ribu berbanding RM16 ribu pada tahun 2010. Produk utama import dari Palestin adalah produk pertanian seperti minvak savur-savuran dan lain-lain produk pertanian.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun nilai daqanqan antara Malaysia dan Palestin adalah rendah, namun hasil hubungan baik antara kedua-dua negara

dapat dilihat melalui misi bantuan kemanusiaan yang disalurkan oleh Malaysia ke Palestin antaranya Bantuan Kemanusiaan Aman Palestin pada Mei 2011 dan *International Freedom Flotilla*, dengan izin pada Jun 2011.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN, MALAYSIA**

PERTANYAAN

Lisan

DARIPADA

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY
A/L R.SANTIAGO**

KAWASAN

KLANG

TARIKH

19.6.2012

NO. SOALAN

69

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status terkini perbincangan FTA di antara Malaysia dan EU termasuk TPP. Adakah pihak Kerajaan telah berbincang mengenai bab buruh dengan MTUC dan kesatuan lain termasuk NGO untuk mendapatkan pandangan pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement (FTA)*, dengan izin, antara Malaysia dengan

Kesatuan Eropah dan *Trans-Pacific Partnership* (TPP) masih berjalan. Setakat ini tujuh pusingan rundingan telah diadakan dengan Kesatuan Eropah dan rundingan ke atas teks dalam semua bidang masih diteruskan. Antara bidang yang dirundingkan adalah akses pasaran, perkhidmatan dan pelaburan, kastam dan fasilitasi perdagangan, ketelusan, perolehan kerajaan, hak harta intelek, dasar persaingan dan kelestarian pembangunan.

Rundingan TPP pula sudah melalui 12 pusingan. Secara keseluruhannya, rundingan teks dalam pusingan ke-12 telah mencapai kemajuan substantif dalam kebanyakan bab. Skop rundingan TPP adalah luas dan komprehensif, iaitu merangkumi 20 kumpulan kerja yang merundingkan pelbagai bidang termasuklah akses pasaran, perkhidmatan, pelaburan, dasar persaingan, perolehan kerajaan, hak harta intelek, buruh, alam sekitar, kastam dan fasilitasi, kerjasama dan bina upaya, remedи perdagangan serta isu-isu melintang atau *horizontal issues*, dengan izin.

Bagi bab buruh, Kementerian Sumber Manusia (KSM) merupakan Kementerian peneraju dalam rundingan FTA. KSM telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil majikan pada 27 Mac 2012 bagi memberi penerangan mengenai TPP di samping mendapatkan pandangan dan cadangan

penambahbaikan ke atas perancangan rundingan bab buruh yang dapat memberikan lebih manfaat kepada Malaysia. Perbincangan seumpamanya dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan diadakan pada 19 Jun 2012.

MITI telah mula mengadakan siri konsultasi dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO bermula dari awal tahun 2011. Ini antara lain bertujuan untuk memberi penerangan mengenai isu yang telah dibangkitkan NGO dan mendapatkan maklumat atau pandangan NGO bagi menangani isu yang dibangkitkan semasa proses rundingan FTA. Sehingga kini empat sesi konsultasi dengan NGO mengenai FTA telah diadakan.

Bagi tahun 2012, pada 22 Mac 2012, MITI telah mengadakan konsultasi dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang turut menyentuh mengenai isu buruh. MITI juga akan mengadakan konsultasi dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada 20 Jun 2012 untuk berbincang secara spesifik berhubung isu buruh ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana rundingan bagi FTA yang lain, selain dari

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI),

rundingan bagi FTA di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah dan *Trans-Pacific Partnership (TPP)* turut disertai oleh wakil dari Kementerian dan Agensi Kerajaan lain, antaranya Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi, Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguam Negara, Bank Negara Malaysia, Kementerian Perladangan, Perusahaan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Kementerian Sumber Manusia.

Semua keputusan dalam rundingan FTA ini dibuat setelah mengadakan perbincangan, konsultasi dan setelah mendapat panduan daripada sektor swasta, khususnya sektor-sektor industri dan bisnes, serta *stakeholders* yang lain mengenai isu-isu yang dibangkitkan di dalam rundingan. Input-input ini akan digunakan sebelum sebarang keputusan dibuat di dalam rundingan FTA.

Kerajaan juga sentiasa berunding untuk mendapatkan fleksibiliti dari pihak EU dan rakan runding TPP mengenai isu-isu yang sensitif bagi Malaysia untuk memastikan Malaysia mendapat manfaat dari perjanjian FTA ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DATO' RASHID BIN DIN

TARIKH

19 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah saham FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) yang diperuntukan kepada Pengerusi FELDA dan semua Ahli Lembaga Pengarah semua Syarikat FELDA apabila FGVH disenaraikan di Bursa Malaysia Kuala Lumpur. Berapa saham diperuntukan untuk setiap peneroka dan kakitangan FELDA.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGV), peneroka diperuntukkan sebanyak 800 unit seorang manakala petugas kumpulan FELDA secara puratanya adalah adalah 4,915 unit seorang. Peneroka mendapat unit saham yang lebih kecil berbanding petugas FELDA kerana jumlah mereka yang jauh lebih ramai iaitu 112,635 orang berbanding petugas seramai 22,267 orang. Peruntukan saham yang lebih kecil diberi kepada peneroka setelah mengambilkira keseluruhan manfaat yang diterima mereka daripada penyenaraian ini. Disamping itu, peneroka bakal mendapat dividen tahunan seumur hidup daripada pegangan ekuiti 20 peratus (%)

Tabung Amanah FELDA di dalam FGV tanpa perlu mengeluarkan soalan.
apa modal di samping mendapat ‘durian runtuh’ sebanyak RM15,000.

Jumlah saham FGV yang diperuntukan kepada Pengerusi FELDA dan Ketua Pegawai Eksekutif adalah 180,000 unit saham manakala setiap seorang Ahli Lembaga Pengarah adalah 150,000 unit saham. Butiran terperinci mengenai jumlah saham FGV yang diperuntukan kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah terdapat di dalam prospektus FGV.

(X) 0000000000000000

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTISALLEH
[KUANTAN]

TARIKH 19JUN 2012

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan punca peningkatan pengundi tambahan sebanyak lebih daripada 18,000 dikawasan Parlimen Pekan di dalam daftar pemilih daripada 2008 sehingga suku ke 4

SOALAN NO.71

2011.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *trend* pertambahan jumlah pengundi ini adalah satu kebiasaan dan ia bukan sahaja berlaku bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.083 Pekan, malah bagi keseluruhan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pahang. Sehingga 3 April 2012, bilangan warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas di negeri Pahang adalah seramai 855,727 orang dan daripada jumlah ini, seramai 718,994 telah pun mendaftar sebagai

SOALAN NO.71

pemilih sehingga 31 Mac 2012 lalu. Ini bermakna negeri Pahang masih mempunyai seramai 136,733 orang atau 15.97% daripada jumlah yang berkelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih tetapi masih belum berbuat demikian (sehingga 31 Mac 2012).

Faktor utama yang menyumbang kepada pertambahan ini adalah kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat tentang

akan berlangsungnya pilihan raya umum yang ke-13 yang dijangkakan akan berlaku selepas 4 tahun daripada pilihan raya umum yang lepas dan adalah penting bagi mereka untuk mendaftar

2

sebagai pemilih kerana setiap undi adalah penting dalam menentukan kerajaan yang bakal mentadbir negara. SPR juga senantiasa menggalakkan warganegara yang berkelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih dan telah menyediakan pelbagai saluran pendaftaran bagi memudahkan mereka untuk mendaftar, seperti yang berikut:

- (i) Kaunter statik di Ibu Pejabat SPR Putrajaya;
- (ii) Kaunter statik di Pejabat-pejabat Pilihan Raya Negeri;
- (iii) Kaunter pejabat pos di seluruh negara;
- (iv) Unit bergerak SPR; dan

(v) Penolong Pendaftar Pemilih yang telah dilantik oleh SPR.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.71

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT

KEDUA (2012)

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB PUAN FONG PO KUAN

TARIKH
SOALAN

[BATU GAJAH]

729 JUN 2012

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan sama ada Kementerian ada menjalankan kajian berkenaan ketidakwajaran tapak perlupusan sampah dibenarkan beroperasi berhampiran dengan tapak perlupusan sisa bahan tercemar ARE di Lahat Perak. Apakah syarat-syarat yang dikenakan, jika ada.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) telah menerima permohonan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 15 Mac 2012. Permohonan ini adalah selaras dengan syarat yang telah ditetapkan oleh AELB sebelum ini iaitu tidak membenarkan sebarang aktiviti pembangunan di sekitar zon kawalan dalam jejari 1.7 kilometer radius dari repositori Syarikat ARE tanpa sebarang kelulusan dan kebenaran daripada AELB dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

Hasil daripada Kajian Penilaian Impak Radiologi (Radiological Impact Assessment -RIA) yang telah dijalankan oleh Syarikat ARE dan diluluskan oleh AELB telah menunjukkan jumlah dos sinaran yang akan diperolehi pada jarak 200 meter daripada tapak repositori adalah kurang daripada 1 milisiever setahun yang merupakan had dos tahunan kepada orang awam. Sehubungan dengan itu, AELB beranggapan bahawa permohonan ini wajar diluluskan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh AELB ialah PBT perlu mewujudkan satu jabatan khas yang bertanggungjawab untuk melakukan pemantauan terhadap projek tapak pelupusan tersebut untuk tempoh masa 300 tahun *institutional control* sama seperti Projek Repositori Syarikat ARE. PBT juga hendaklah memastikan bahawa dalam kawasan 1.7 kilometer radius tiada orang awam yang boleh melakukan apa-apa aktiviti tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa AELB, Kerajaan Negeri Perak atau PBT selain daripada tujuan untuk kedua-dua projek tersebut.

Pihak PBT hendaklah mengambil inisiatif supaya kawasan 1.7 kilometer radius dari tapak repositori ARE akan diwartakan sebagai kawasan kawalan AELB dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa aktiviti pembangunan, contohnya perumahan, pertanian (tanaman yang boleh dimakan) dan lain-lain aktiviti seumpamanya untuk masa hadapan kecuali permohonan tersebut dibincang, dimuktamadkan dan mendapat

persetujuan bersama untuk perancangan tanah di kawasan tersebut bagi kegunaan pada masa hadapan.

AELB juga telah mensyaratkan supaya *leachate collection point* dan *leachate treatment plant* dipantau setiap masa dan diletak di luar kawasan jejari 1.7 kilometer dari tapak repositori Syarikat ARE. PBT juga hendaklah menumpuk (accumulate) serta membuang dan melupus semua sisa bahan buangan binaan dan domestik pada jarak selepas 1 kilometer radius dari tapak repositori Syarikat ARE dan perlu memastikan bahawa tiada penternak atau petani haram berada atau menjalankan aktiviti di lingkungan jejari 1.7 kilometer dari tapak repositori Syarikat ARE.

Sehubungan itu, AELB bersetuju untuk membenarkan permohonan ini secara bersyarat setelah mengambilkira faktor ciri-ciri tapak perlupusan yang ingin dibina, muka bumi, kesan sosio-ekonomi serta kesan radiologi dan alam sekitar kawasan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU]
TARIKH	19 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang merombak Jawatankuasa Penilaian Pembangunan Strategi dan Hala tuju Pendidikan Negara dengan menggantikan penama-penama seperti Tan Sri Zarina Anwar, Tan Sri Azman Mokhtar, Tan Sri Tony Fernandez, Tan Sri Jeffrey Cheah Fook Ling dengan tokoh pendidikan dan masyarakat seperti Prof. Tan Sri Arshad Ayob, Prof. Tan Sri Dr. Kamal Hassan, Tan Sri Harussani Zakaria, Prof Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, Prof. Datuk Dr. Sidek Baba, Prof. Dr. Uthman Muhammaddy, Prof. Datuk Dr. Mahmood Zohdi dan lain-lain; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengadakan Kongres Pendidikan Nasional untuk menghimpun semua tokoh-tokoh pendidikan dan kemasyarakatan negara untuk membincangkan laporan JK tersebut sebelum dimuktamadkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Panel Bebas yang telah dilantik tersebut adalah berdasarkan kriteria tertentu, antaranya mewakili kelompok tokoh-tokoh pendidikan, korporat, usahawan, ahli akademik yang berjaya dalam bidang masing-masing. KPM tidak pernah membelakangkan tokoh- tokoh seperti yang dicadangkan kerana ada dalam kalangan tokoh

berkenaan terlibat dalam beberapa jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh KPM.

KPM telah melaksanakan Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN) mulai April hingga Julai 2012. DNPN terbahagi kepada sesi *Town Hall* melibatkan masyarakat pelbagai kategori dan kaum. DNPN telah dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat. Ini bertujuan untuk menyediakan suatu wadah perkongsian maklumat dan lontaran pandangan semua lapisan masyarakat yang akan dijadikan input dan panduan kepada KPM bagi menyediakan hala tuju yang baru. Untuk makluman, sehingga kini, sebanyak lapan (9) siri dialog telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan seramai 8,941 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang pendidikan termasuk wakil daripada bidang keagamaan. Namun, masih ada ruang dan peluang bagi mereka yang masih belum dapat menyumbang menerusi dialog tersebut, masih terdapat lima (4) siri dialog yang akan berlangsung sehingga pertengahan Julai 2012. Oleh itu, KPM menyeru kepada semua pihak agar dapat memanfaatkan peluang yang masih ada ini untuk bersama-sama memberi input dan pandangan demi masa depan sistem pendidikan negara. Berdasarkan dapatan awal tersebut bolehlah dikatakan bahawa bidang profesionalisme perguruan dan aspirasi rakyat terhadap sistem pendidikan dan kemenjadian murid menjadi fokus utama yang perlu diberikan perhatian dalam transformasi pendidikan ini.

Di samping dialog pendidikan yang dilaksanakan sebagai usaha penglibatan masyarakat (*public engagement*) secara terbuka, sesi perbincangan meja bulat bersama kumpulan-kumpulan berfokus dan berkepentingan dalam sistem pendidikan juga diadakan. Dalam konteks ini, sebanyak 11 perbincangan meja bulat telah dilaksanakan mulai bulan April 2012 mengikut kumpulan tertentu seperti penggerak masyarakat, ahli akademik, tokoh dan pemimpin masyarakat termasuk dari kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU). Isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi tersebut kebanyakannya menyentuh

persoalan yang hampir sama seperti yang dibincangkan dalam siri dialog nasional seperti kualiti guru, sistem pendidikan, kurikulum dan penaksiran, kualiti sekolah,

kepimpinan sekolah, penekanan kepada nilai dan disiplin murid, penglibatan ibubapa dan pendidikan yang bebas daripada campur tangan politik.

Untuk makluman Dewan yang mulia, perkara-perkara yang menjadi topik popular dalam siri dialog dan perbincangan meja bulat yang telah dijalankan setakat ini, KPM mendapati bahawa 26 peratus responden menyentuh tentang aspek profesionalisme perguruan, kebijakan dan kemahiran pengajaran guru. Sementara itu, 14 peratus menyentuh tentang aspirasi sistem pendidikan dan pembangunan modal insan yang lebih menyeluruh; 12 peratus mengenai kualiti sekolah; 11 peratus kepimpinan sekolah; 10 peratus kurikulum dan pentaksiran; 9 peratus mengenai peranan ibubapa, komuniti dan sektor swasta; 6 peratus kapisiti dan keupayaan sistem penyampaian; 4 peratus kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber; 3 peratus profesiensi pelbagai bahasa; dan 1 peratus peluang lepasan menengah.

Setelah semua maklumat dapat dikumpul, dinilai dan dirumuskan, maka satu laporan akhir akan disediakan. Laporan ini akan menjadi input penting dalam menentukan hala tuju pendidikan yang baru atau *blueprint* pendidikan, yang seterusnya dibentangkan semula kepada rakyat pada tempoh masa yang akan dimaklumkan kelak untuk mendapat maklum balas akhir masyarakat. Seterusnya *Blueprint* pendidikan yang telah dimurnikan akan dibentangkan kepada Kabinet untuk dilulus dan dilaksanakan. Adalah diharapkan laporan hala tuju pendidikan yang komprehensif dan bersepadu yang dihasilkan ini akan dapat merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik serta memenuhi ekspektasi dan aspirasi rakyat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA
BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN MOHD. ABDUL WAHID

BIN ENDUT

(KUALA TERENGGANU)

TARIKH

19.06.2012 (KHAMIS)

SOALAN

: 7i^

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah keluasan kawasan dan jumlah kos pembangunan di Tasik Kenyir yang akan dijadikan kawasan bebas cukai pertama bagi tasik di negara ini dan bilakah ianya dijangka akan mula beroperasi?

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keluasan kawasan bebas cukai Tasik Kenyir yang diwartakan adalah seluas 65,070 hektar manakala kos bagi membangunkan infrastruktur berkaitan dianggarkan berjumlah RM201,064,985.10 dan dijangka beroperasi pada akhir 2013. Perancangan dan kerja-kerja ke arah menjayakan hasrat murni di atas sedang giat dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BINMOHAMED [PULAI]

TARIKH : 19JUN2012

SOALAN

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan kejayaan sistem eKasih dalam mengesan dan membantu golongan miskin.

JAWAPAN

Program pembasmian kemiskinan merupakan salah satu agenda utama negara, di mana sasaran Kerajaan adalah kadar miskin dikurangkan kepada 2.8% pada akhir RMK-10. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai penyelaras utama program pembasmian kemiskinan telah membangunkan eKasih untuk mewujudkan satu pangkalan data berpusat bagi menyepadukan semua sistem maklumat data kemiskinan sedia ada di pelbagai agensi yang tidak seragam berdasarkan konsep dan definisi masing-masing. Sistem eKasih adalah Bank Data Kemiskinan Nasional bertujuan mengukuhkan sistem penyampaian bantuan sosial dan memastikan golongan kurang bernasib baik tidak tercincir daripada mendapat bantuan dan sokongan yang sepatutnya daripada pihak kerajaan.

Maklumat mengenai isi rumah miskin yang dikutip melalui pendaftaran bancian yang dibuat oleh pembanci sambilan yang dilantik dan dilatih oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berdasarkan kepada penyeragaman kriteria dan pengukuran pendapatan garis kemiskinan. Data ini digunakan oleh semua agensi pelaksana sebagai pengguna untuk tujuan merancang, menyalurkan bantuan dan memantau kesan dan impak bantuan kepada setiap individu dalam isi rumah miskin yang diberikan bantuan. Dengan adanya eKasih, bantuan lebih tepat kepada sasaran, dapat elakkan

|

pertindihan, wujud mekanisme dan aliran kerja pemantauan di setiap peringkat

melalui *Focus Group* Mengenai Pembasmian Kemiskinan.

Di peringkat permulaan eKasih diperkenalkan pada tahun 2008, tumpuan pengguna adalah agensi Kerajaan, walau bagaimanapun sejak tahun 2010, penggunanya telah meluas kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta yang turut menggunakan data dan maklumat dalam eKasih untuk menyalurkan bantuan. Pada 31 Mei 2012, daripada sejumlah 400,675 isi rumah yang berdaftar, lebih 90% telah menerima sekurang-kurangnya satu bantuan sama ada oleh ketua isi rumah ataupun ahli isi rumah. Selain daripada lebih tepat kepada sasaran, eKasih juga lebih telus dan mencakupi lebih luas terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, eKasih juga merupakan sumber maklumat untuk tujuan kajian sama ada oleh institusi luar negara mahu pun IPT tempatan. Tambahan pula Kerajaan melalui Majlis Ekonomi (EC) juga telah memutuskan supaya sistem maklumat ala eKasih dibangunkan bagi kumpulan berpendapatan rendah (*bottom 40%*) untuk memudahkan perancangan dan pemantauan program bagi kumpulan tersebut.

Dengan adanya eKasih kadar insiden kemiskinan lebih bertepatan berbanding dengan kajian yang dibuat melalui sampel bagi kawasan tertentu. Ini adalah kerana data yang digunakan adalah data sebenar berdasarkan kepada senarai isi rumah yang telah berdaftar.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN LIM GUANENG

(BAGAN)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

19 JUN 2012

Tuan Lim Guan Eng (BAGAN) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah suntikan, pinjaman dan peruntukan yang diberikan kepada setiap negeri, GLC dan pihak Kerajaan tempatan dari 2000 hingga 2012. Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah hutang yang berjaya dikurangkan atau penambahan hutang bagi setiap negeri bagi tempoh sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menyediakan pinjaman kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membiayaiprojek-projek kemudahan awam untuk faedah rakyat seperti projekbekalan air,pembetungan, perumahan awam kos rendah, industri dan lain-lain. Projek-projek ini merupakan usaha berterusan Kerajaan bagi memastikan rakyat

menikmati kehidupan yang selesa di samping dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

Dalam tempoh dari tahun 2000 hingga 2011, jumlah pinjaman yang diberikan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah RM29.64 bilion dan jumlah hutang yang belum diselesaikan pula ialah RM16.65 bilion. Hutang yang belum diselesaikan oleh setiap Kerajaan Negeri telah meningkat dari tahun 2006 hingga 2009. Walau bagaimanapun, dalam tahun 2010 dan 2011, jumlah hutang tersebut telah berkurangan berikutan pengambilalihan hutang bagi projek bekalan air oleh syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Setakat ini, sebanyak lima buah negeri terlibat dalam pengambilalihan ini iaitu Kerajaan Negeri Sembilan, Melaka, Perlis, Johor dan Pulau Pinang.

Terdapat beberapa buah Kerajaan Negeri yang mencatatkan penurunan jumlah hutang dalam tahun 2011 iaitu Negeri Johor, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Selangor dan Terengganu. Manakala Kerajaan-Kerajaan Negeri yang mengalami penambahan hutang pula adalah Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan jumlah hutang boleh diimbangi dengan bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh setiap Kerajaan Negeri. Bayaran balik yang telah dibuat oleh kesemua Kerajaan Negeri dari tahun 2002 sehingga 2011 adalah RM4.32 bilion. Daripada jumlah itu, Kerajaan Negeri Sarawak merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak RM976.80 juta dan

dikuti oleh

Kedah RM765.19 juta, Kelantan RM657.07 juta dan Sabah RM536.80 juta. Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod bayaran balik yang sederhana baik pula adalah Terengganu RM234.14 juta, diikuti oleh Johor RM231.35 juta dan Perak RM214.38 juta. Jumlah bayaran balik yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka adalah RM172.40 juta, Negeri Sembilan RM151.94 juta, Selangor RM129.09 juta, Pulau Pinang RM128.63 juta, Pahang RM109.78 juta dan Perlis RM14.64 juta.

Manakala jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2001 hingga 2011 adalah seperti di berikut:-

Tahun	Jumlah Pemberian (RM bilion)
2001	1.96
2002	2.22
2003	2.39
2004	2.26
2005	2.58
2006	2.75
2007	3.75
2008	4.07
2009	4.40
2010	4.70
2011	5.20

Pemberian kepada Kerajaan Negeri antaranya merangkumi Pemberian Mengikut Bilangan Orang, Pemberian Penyelenggaraan

Jalan Raya Negeri, Pemberian Tahunan Kepada PBT, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup.

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, dalam tempoh tahun 2001 hingga 2011, jumlah pinjaman yang telah disalurkan adalah RM649.17 juta manakala jumlah hutang PBT yang belum selesai adalah RM693.76 juta. Manakala, jumlah bayaran balik pinjaman yang telah dibuat oleh semua PBT adalah sebanyak RM117.49 juta.

Mengenai jumlah suntikan ekuiti, amaun ekuiti yang telah diberikan kepada 56 buah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sejak ditubuhkan sehingga 13 Jun 2012 adalah sebanyak RM30.70 bilion.

SOALAN NO : 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]
TARIKH	19 JUN 2012
SOALAN	

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Klinik Putatan di Sabah boleh dinaiktaraf menjadi Hospital Daerah, dan mengapa seorang pengarah yang telah bersara di Jabatan Kesihatan masih boleh dilantik semula dengan gaji yang tinggi tetapi hanya perlu berkhidmat merawat beberapa pesakit di klinik itu.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat peka terhadap keperluan perkhidmatan kesihatan negeri Sabah termasuk daerah Putatan dan bandaraya Kota Kinabalu. Sehubungan itu, kepentingan Klinik Putatan bukan sahaja untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk Putatan tetapi klinik ini juga saling melengkapi hospital-hospital di Kota Kinabalu melalui perkhidmatan awalan seperti saringan dan pemantauan risiko

penyakit.

SOALAN NO : 78

Klinik Kesihatan Putatan adalah Klinik Kesihatan Jenis 3 dan telah berfungsi semenjak tahun 2004. Hospital terdekat adalah Hospital Queen Elizabeth I dengan jumlah katil 589 yang terletak hanya 7 km, Hospital Queen Elizabeth II jumlah katil 386 terletak 12km dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas dengan jumlah katil 504, terletak 20km daripada Klinik Kesihatan Putatan.

Purata tempoh untuk perjalanan darat adalah 20-35 minit bagi kenderaan biasa dan 15-25 minit jika menggunakan ambulan. Buat masa ini Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah menempatkan 2 buah ambulan di Klinik Kesihatan Putatan untuk menghantar kes-kes kecemasan ke hospital yang berhampiran.

Walau pun demikian, Jabatan Kesihatan memutuskan buat masa ini, belum ada keperluan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Putatan sebagai sebuah hospital memandangkan peranan Klinik Kesihatan Putatan masih lagi penting untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan primer dan sebagai *gate keeper* kepada masalah-masalah kesihatan melalui aktiviti-aktiviti seperti saringan kesihatan, rawatan awal dan pemantauan risiko-risiko penyakit

Pada masa ini, perkhidmatan kesihatan primer di Klinik Kesihatan Putatan mampu mengurangkan beban kemasukan pesakit ke hospital. Perkhidmatan kesihatan primer yang ditawarkan di Klinik Kesihatan Putatan untuk mengetuai perubatan keluarga dan pakar perubatan kesihatan awam berpengalaman telah ditempatkan di Klinik Kesihatan Putatan untuk mengetuai perkhidmatan kesihatan primer. Perkhidmatan kesihatan keluarga dan perkhidmatan sokongan seperti unit Xray, farmasi, makram dan

Kualiti perkhidmatan telah dipertingkatkan sejak Januari 2012 dengan mewujudkan polisi, di mana **semua pesakit** yang datang semasa ke klinik kesihatan semasa waktu pejabat telah dirawat 100% oleh Pegawai Perubatan. Pada masa ini Klinik Kesihatan Putatan mempunyai seramai 10 orang pegawai perubatan. Purata kehadiran pesakit sehari adalah seramai 750 orang. Masa menunggu di Klinik Kesihatan Putatan adalah sekitar 30-45 minit pada waktu puncak.

Selain dari itu, terdapat cadangan untuk menaik taraf perkhidmatan yang sedia ada iaitu memanjangkan perkhidmatan rawatan kecemasan dan kemalangan kepada 24 jam sehari, mengaktifkan pusat bersalin risiko rendah 24 jam sehari dan menyediakan rawatan pesakit dalam tetapi tempoh rawatan pesakit dalam tidak melebihi 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua

KKM mengakui bahawa pada masa ini mantan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Pakar Perubatan (Kesihatan Awam), telah dilantik semula secara kontrak dan ditempatkan di Klinik Kesihatan Putatan atas jawatan Pegawai Perubatan Gred UD53 iaitu dengan gred yang lebih rendah berbanding gred semasa pegawai bersara. Penempatan pegawai adalah bagi menjalankan tugas klinikal iaitu memberikan rawatan kepada pesakit di klinik kesihatan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Pakar Perubatan (Kesihatan Awam) di klinik kesihatan tidak lagi menjadi amalan pada masa ini. Pegawai ini akan tamat kontrak pada tahun 2013 dan sekiranya kontrak

pegawai diperbaharui, penempatan yang bersesuaian dengan kepakaran kesihatan awam akan dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
 [LIPIS]**

TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan strategi bagi mengatasi masalah tempat letak kereta di hospital dan klinik Kerajaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan masalah kekurangan tempat letak kereta di hospital dan klinik Kerajaan seluruh negara. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini adalah dengan pembinaan tempat letak kereta (TLK) tambahan di dalam kawasan hospital/klinik serta di kawasan berhampiran di luar kawasan hospital/klinik, sekiranya ada. Selain itu, TLK bertingkat juga telah dibina di beberapa hospital bagi mengatasi masalah kekurangan TLK ini.

Selain itu, KKM sentiasa menggalakkan orang ramai yang ingin berkunjung ke hospital/klinik Kerajaan agar menggunakan kenderaan awam. Bagi

menyokong saranan ini, beberapa buah hospital/klinik juga telah memulakan perkhidmatan *shuttle service*, di mana kenderaan/bas khas disediakan bagi mengangkut pesakit pergi-balik dari stesen bas berhampiran ke hospital/klinik.

Selain KKM (Kerajaan) sendiri menampung kos pembinaan TLK tambahan, KKM juga sedang mengkaji kaedah pembinaan TLK bertingkat menggunakan kaedah pembiayaan swasta (PFI), di mana pihak swasta akan membiayai pembinaan TLK bertingkat di hospital-hospital Kerajaan serta menanggung kos pengurusan dan penyelenggaraannya. Sebagai balasan, pihak swasta tersebut dibenar mengutip bayaran dari pengunjung hospital yang hendak menggunakan TLK tersebut. Kadar yang dikenakan adalah nominal dan tertakluk pada persetujuan KKM agar tidak membebankan orang awam. Tempoh konsesi pemungutan bayaran TLK akan ditetapkan secara rundingan antara Kerajaan dan pemegang konsesi yang kebiasaannya sehingga pihak swasta tersebut memperolehi semula pelaburan yang dibuat.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YBTUAN TENG BOON SOON
KAWASAN	TEBRAU
TARIKH	19.6.2012
NO. SOALAN	79

TUAN TENG BOON SOON minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan ‘Jalan Sempit’ atau ‘Bottle-Neck’ yang dialami oleh Industri Kecil dan Sederhana di Negara kita. Sejauh mana Kerajaan telah berjaya membantu pengusaha-pengusaha IKS menghadapi kelemahan dan kekangan yang dihadapi.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menyedari kepentingan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang membentuk 99.2% daripada jumlah keseluruhan entiti perniagaan di negara ini sebagai salah satu sektor utama terhadap pertumbuhan ekonomi yang mapan. Oleh yang demikian, pelbagai dasar, strateqi dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui penglibatan kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan dalam mengatasi

pelbagai Jalan Sempit atau Bottle-Neck dengan izin supaya aktiviti perniagaan mereka sentiasa berkembang maju.

Di antara cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha PKS yang dikenal pasti adalah akses kepada pembiavaan, akses kepada pasaran, teknologi, perundangan, kapasiti dan keupavaaan, dan infrastruktur sokongan. Antara langkah-langkah utama yang diambil menangani untuk cabaran-cabaran tersebut adalah:

- i) mewujudkan Pelan Induk PKS (2011-2020) yang bertujuan untuk melonjakkan peranan dan sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi yang seimbang selari dengan matlamat Model Baru Ekonomi. Pelan Induk ini telah menetapkan 32 pelan tindakan dengan fokus ke arah memperkuuhkan inovasi, teknologi, peluang pembiavaan, sokongan infrastruktur dan rangka undanq- undang;
- ii) memperkenalkan program SME Competitiveness Rating Enhancement (SCORE) yang merupakan sistem diagnostik untuk mengukur kelemahan dan kekuatan PKS melalui *star rating*. PKS yang mendapat *star rating* tiga (3) ke atas, adalah dikategorikan sebagai layak eksport dan akan dipadankan dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

- untuk mengenalpasti pasaran luar negara yang berpotensi serta dipadankan dengan Svarikat-svarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
- iii) memperkenalkan Dasar Laluan Hiiau yang memberikan pelbagai keistimewaan kepada PKS yang berinovatif dan berpotensi tinggi. Antara keistimewaan yang diberikan adalah kemudahan piniaman kewangan dengan kadar faedah yang lebih rendah dan kelebihan menyertai Perolehan Kerajaan;
- iv) memperkenalkan program Pembangunan Jenama PKS untuk meningkatkan penampilan produk PKS tempatan supaya produk PKS mendapat tempat di pasaran luar negara. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah melalui Program National Mark of Malaysian Brand yang mengiktiraf produk PKS bagi membolehkan mereka meluaskan pasaran ke luar negara. Melalui program ini, syarikat yang mendapat persijilan National Mark of Malaysian Brand akan diberi insentif yang meliputi kemudahan untuk menyertai promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa;
- v) memperkenalkan dua program baru iaitu *Business Accelerator Programme (BAP)* dan *Enrichment &*

Enhancement Programme (Ef) dengan izin yang merupakan program bersepadu yang komprehensif bertujuan untuk meningkatkan pembangunan PKS secara meneluruh. Melalui program BAP dan E?, syarikat akan dibantu serta dibimbing secara bersepadu meliputi pengukuhan perniagaan, pembinaan kapasiti dan keupayaan serta kemudahan akses kepada pembiayaan;

- vi) menyediakan bantuan kewangan melalui Geran Pembangunan Pasaran oleh MATRADE yang merupakan skim bantuan kewangan untuk membantu PKS memperluaskan pasaran ke luar negara dan meringankan perbelanjaan syarikat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pembangunan pasaran eksport. Usahawan-usahawan PKS diberikan 50% geran secara bavar balik atas perbelanjaan yang diluluskan bagi aktiviti-aktiviti yang layak melalui penyertaan syarikat dalam pameran perdagangan antarabangsa di luar negara, misi perdagangan dan pelaburan, misi iualan khusus dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan;
- vii) mewujudkan Program Internship PKS-Universiti yang membantu PKS meningkatkan keupayaan dalam perniagaan dari aspek pengurusan pengeluaran, pemasaran, perakaunan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

dengan khidmat nasihat daripada
tenaga pengajar universiti dan juga bakal graduan.
Sehingga April 2012, SME Corp. Malaysia telah
bekerjasama dengan 15 pusat pengajian tinggi tempatan
bagi membantu 114 PKS melibatkan penyertaan 556 orang
pelajar; dan

- viii) melaksanakan pendekatan kolaboratif di antara SME Corp. Malaysia selaku Agensi Penvelaras Pusat pembangunan PKS di negara ini dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam memastikan PKS tempatan berpeluang mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan mega, antaranya dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan juga seperti projek Mass Rapid Transit (MRT) dengan izin. Ia bukan hanya akan meningkatkan pendapatan PKS tetapi juga mengukuhkan pembangunan modal insan, pemindahan teknologi dan track record dengan izin untuk merebut peluang-peluang perniagaan pada masa akan datang.

Melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif, ia telah membawa kejayaan yang membanggakan antaranya dibuktikan melalui sumbangan PKS sebanyak 32% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, 59% kepada peluang pekerjaan dan 19 % kepada nilai eksport negara. Selain itu, kaii selidik

yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia serta data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati bahawa PKS mempunyai dava tahan yang lebih tinggi berbanding syarikat besar semasa kemelesetan ekonomi. Contohnya, pada tahun 2009 apabila KDNK benar negara menguncup sebanyak 1.7%. PKS masih mencatatkan kadar pertumbuhan positif, iaitu 0.4%.

Kerajaan akan meneruskan program-program pembangunan PKS dan akan menambahbaikna mengikut keperluan dan cabaran semasa selari dengan matlamat dalam Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe- 10) yang telah menetapkan PKS sebagai salah satu sumber strategik pertumbuhan ekonomi negara.

NO SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS

TARIKH

19 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) Kesan dividen kepada Koperasi Permodalan FELDA (KPF) apabila lebih daripada 343,000 hektar ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh FELDA Plantations dipajakkan kepada FELDA Global Venture Holdings; dan
- b) Rasional nilai pajakan ladang RM700 per hektar setahun oleh FELDA berbanding dengan kadar tawaran syarikat perladangan yang lain.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN

MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA Plantations sebelum ini tidak memberi keuntungan yang besar kepada Kumpulan kerana sebahagian besar pendapatannya adalah berasaskan kepada yuran pengurusan ladang milik FELDA. Maka, berdasarkan pegangan saham efektif Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF) di dalam FELDA Plantations yang hanya sebanyak 26 peratus (%), kehilangan dividen KPF daripada FELDA Plantations adalah kecil.

Sebaliknya, keuntungan yang diperoleh daripada FELDA Global Ventures Holdings (FGV) daripada sewaan ladang kelapa sawit tersebut akan diagihkan kepada semua pemegang saham FGV termasuk kepada peneroka menerusi Tabung Amanah Peneroka yang memegang 20 % saham. Ini menepati matlamat kerajaan untuk menyalurkan manfaat daripada penyenaraian FGV secara langsung kepada peneroka.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pajakan tanah yang dibayar kepada FELDA adalah lebih kurang RM250 juta setahun secara tetap ditambah 15% daripada keuntungan ladang-ladang yang diuruskan. Formula kadar pajakan ini telah diputuskan setelah dikaji dengan teliti dan mengambil kira nilai premium tanah bagi setiap negeri serta perbandingan purata pulangan yang telah diterima oleh FELDA daripada hasil ladang-ladang semasa tanah-tanah ini diuruskan oleh FELDA Plantations sebelum perjanjian pajakan ini dibuat. Kadar

pajakan tanah ini adalah lebih baik daripada kadar lazim pajakan tanah perladangan pasaran.

000)ooooooooooooooo

NO. SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]

TARIKH : 19JUN2012

SOALAN : Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap pencapaian Program Transformasi Kerajaan, Ekonomi Dan Politik sehingga kini. Apakah manfaat yang diperolehi rakyat sehingga kini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilaksanakan di bawah Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan adalah bertujuan untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan lagi untuk menghasilkan impak atau “*outcome*” yang berfaedah dan bermakna bagi semua rakyat Malaysia, dalam bentuk tujuh (7) ‘National Key Result Areas’ atau NKRA melalui program-program yang konkret. Dilaksanakan sejak Januari 2010, GTP telah menunjukkan hasil yang jelas dan menggalakkan, seperti yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan bagi 2010 dan 2011 masing-masing dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) dan ‘International Review Panel’ (IRP).

Dalam tempoh dua tahun ini, pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar telah menyentuh kehidupan 3.2 juta rakyat luar Bandar melalui pembinaan jalan-jalan

baru sebanyak 1780.1 km, penyambungan bekalan air bersih kepada 108,679 isi rumah dan penyampaian bekalan elektrik kepada 54,222 buah rumah. Tambahan lagi, sebanyak 31,327 buah rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih.

Pelaksanaan NKRA Isirumah Berpendapatan Isi Rumah Rendah, telah melihat sebanyak 58,717 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat, yang menambahkan pendapatan mereka supaya dapat keluar daripada perangkap golongan miskin. Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, Kerajaan telah memberi bantuan tunai sebanyak RM500 kepada anggaran 4.7 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan.

NKRA Pendidikan telah melihat hampir 77,225 kanak-kanak yang mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh Negara. NKRA Jenayah telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah dan Jenayah Jalanan sebanyak 26% dan hampir 40% pada akhir tahun 2011 berbanding dengan tahun 2009. NKRA Pengangkutan Awam Bandar pula telah melihat peningkatan sebanyak 36% bagi penumpang kereta api dan LRT serta peningkatan sebanyak 22% bagi Bas Ekspres Transit (BET) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaian yang telah dicatat adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, yang membolehkan 249 kes rasuah dapat diproses sepanjang tahun lalu. Portal MyProcurement juga telah memuatnaik 5,157 kontrak tender terbuka secara atas talian.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 121 peratus dan 131 peratus daripada sasaran enam (6) NKRA yang ditetapkan untuk tahun 2010 dan 2011 masing-masing. Selain daripada kesan secara langsung terhadap taraf dan kualiti hidup rakyat,

pelaksanaan GTP telah menghasilkan budaya kerja perkhidmatan awam yang lebih cekap dan telus lagi selaras dengan komitmen “Pencapaian Diutamakan”.

Prestasi Economic Transformation Programme (ETP) bagi tahun 2011 juga amat menggalakkan melalui pelaksanaan dengan giatnya 12 NKEA (National Key Economic Areas). Pencapaian GNI adalah sebanyak RM830 billion, berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion. Butir-butir terperinci bagi Entry Point Project (EPP) yang berada di bawah payung ETP telah diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2011 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC).

Hasilnya, ekonomi Malaysia telah bertumbuh dengan pesat. Pelaburan Langsung Asing (FDI) adalah sebanyak RM 7.5 bilion bagi suku pertama tahun ini, iaitu peningkatan 16.4% berbanding dengan suku pertama tahun lepas, dan nilai perdangangan sebanyak RM317.6 billion iaitu peningkatan 5.6 peratus.

Kedudukan ekonomi Malaysia yang kian bertambah baik juga dibuktikan oleh ukuran antarabangsa. Mengikut FDI Confidence Index 2012 oleh organisasi bebas antarabangsa, A.T. Kearney, kedudukan Malaysia telah meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 dari nombor 21 pada tahun 2010. Mengikut laporan tahunan ‘World Competitiveness Yearbook 2012’ oleh Institute for Management Development, kedudukan daya saing Malaysia telah meningkat ke kedudukan 14 bagi tahun 2011 berbanding dengan kedudukan 16 pada tahun 2010.

Program Transformasi Politik (PTP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa memberi ucapan sempena Hari Malaysia 2011 merupakan satu program untuk membawa Malaysia ke arah menjadi sebuah demokrasi yang utuh dan matang menjelang tahun 2020. Program ini merangkumi pemansuhan proklamasi dan Ordinan

Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri serta pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Di samping itu, satu Jawatankuasa

Pilihan Khas Parlimen telah menghasilkan 22 perakuan untuk menambahbaikan sistem pilihanraya umum untuk dilaksanakan tahap demi tahap supaya memantapkan lagi sistem demokrasi berparlimen Negara kita.

Maka, adalah jelaslah bahawa GTP , ETP dan PTP telah dapat memulihkan keyakinan para pelabur dan peniaga pada amnya yang menghasilkan pelaburan yang lebih banyak dan tahap daya saing negara yang lebih tinggi. Ini sudah pastinya akan membantu Malaysia mencapai sasaran Negara Maju yang berpendapatan tinggi untuk manfaat semua rakyat.

NO. SOALAN : 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATUK DR. MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH JAWAPAN DI 19 JUN 2012 (SELASA) DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) sebab utama bekalan elektrik di negeri Sabah selalu terputus serta jenis penyelesaian yang dirangka oleh Kementerian; dan
- (b) jenis kekangan yang dihadapi dalam membangunkan Stesen Jana Kuasa Kubota di Tawau, Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Secara umumnya, kejadian gangguan bekalan elektrik di Sabah adalah disebabkan oleh 3 punca utama berikut:

- (i) *Reserve margin*, dengan izin, yang tipis disebabkan perancangan projek penjanaan yang telah dibuat sebelum ini tidak dapat diteruskan akibat bantahan daripada sesetengah pihak. Langkah mitigasi bagi menggantikan kapasiti penjanaan tersebut memerlukan *lead time* yang agak lama. Sehubungan dengan itu, *demand side management*, dengan izin, terpaksa dilakukan ke atas pengguna- pengguna kuasa besar sekiranya terdapat masalah teknikal pada stesen-stesen jana kuasa utama;
- (ii) Jaringan penghantaran dan pembahagian elektrik yang masih belum kukuh menyebabkan lucutan beban (*emergency load shedding*) kadangkala terpaksa dilakukan. Dalam kes di Semenanjung, pembangunan infrastruktur penghantaran dan pembahagian dilaksanakan dengan menggunakan dana Tenaga Nasional Bhd. (TNB). Namun, perkara ini tidak dapat dilaksanakan di Sabah oleh Sabah Electricity Sdn.Bhd. (SESB) memandangkan kerugian

berterusan yang dialaminya. Walaupun tarif SESB telah distrukturkan pada 15 Julai 2011 yang lalu, SESB masih terpaksa menanggung kerugian sebanyak 2.5 sen bagi setiap unit yang dijual. Sekiranya Kerajaan tidak membantu SESB dari segi pemberian subsidi diesel sebanyak 12.9 sen/kWj, kerugian yang akan ditanggungnya adalah lebih tinggi iaitu 15.4 sen bagi setiap unit yang dijual. Hal ini menyebabkan pihak SESB masih terpaksa bergantung kepada dana peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja menaiktarafkan sistemnya; dan

- (iii) Kes kecurian elektrik oleh pihak ketiga juga kerap menyumbang kepada insiden gangguan bekalan elektrik di Sabah, khususnya di kawasan Tawau dan Sandakan.
- 2. Bagi mengatasi punca-punca di atas, Kerajaan telah mengemukakan pelan pemulihan bekalan elektrik Sabah yang terbahagi kepada 3 peringkat, iaitu pelan jangka masa pendek yang dijangka mengambil masa di antara 1 hingga 2 bulan, pelan jangka masa sederhana iaitu 3 hingga 6 bulan dan pelan jangka masa panjang iaitu bagi tahun 2013 hingga tahun 2020.
- 3. Pelan jangka masa pendek antaranya akan melibatkan kerja-kerja penukaran konfigurasi talian 66kV daripada keadaan selari/jaringan

(parallel/mesh) kepada berbentuk jejari (*radial*) bagi tujuan meningkatkan sistem perlindungan (*protection*) pada pepasangan-pepasangan SESB. Selain dari itu, pihak SESB juga akan mempercepatkan operasi sistem perlindungan bagi meminimumkan kesan gangguan bekalan terhadap pengguna di samping melindungi pepasangan-pepasangan dan sistem penjanaan.

4. Bagi pelan jangka masa sederhana, sistem pengurusan *reactive power* dan kawalan voltan akan diperkuuhkan. Selain dari itu, penyelenggaraan secara *condition based monitoring*, dengan izin, pada talian atas 33kV dan 11kV akan dilakukan dengan lebih kerap bagi mengenal pasti keadaan talian tersebut dan melakukan pembaikan sekiranya perlu. Bagi menangani isu kekurangan kapasiti penjanaan pula, penyiapan kerja-kerja pemindahan set-set jana kuasa mudah alih 8MW dari Kota Kinabalu ke Batu Sapi pada bulan Julai 2012 dan Stesen Jana Kuasa Kubota 64MW di Tawau pada bulan Ogos 2012 dijangka akan memberikan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 72MW kepada grid di kawasan pantai timur Sabah.

5. Bagi pelan jangka masa panjang, pelaksanaan projek-projek penjanaan seperti yang diluluskan sebelum ini seperti Stesen Jana Kuasa

SPR Energy, Kimanis Power dan Eastern Sabah Power Consortium (ESPC) akan diteruskan yang dijangka akan dapat memberikan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 700MW kepada sistem grid di Sabah. Selain dari itu, projek penjanaan berdasarkan tenaga boleh baharu (TBB) dengan jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 73.2 MW juga sedang giat dibangunkan. Bagi mengimbangi kebergantungan terhadap sumber bahan api gas serta mengurangkan kos penjanaan, projek-projek penjanaan hidroelektrik juga akan dibangunkan. Antara projek-projek yang telah dikenal pasti adalah seperti Projek Hidroelektrik Ulu Padas 150MW serta projek penyaluran tenaga daripada Sarawak. Di samping itu, pelaksanaan projek talian penghantaran *Southern Link* 275kV akan dapat memperkuatkan lagi sistem grid secara keseluruhan di Sabah.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

6. Berhubung pelaksanaan Projek Stesen Jana Kuasa Kubota di Tawau, kekangan utama yang dihadapi pada masa ini ialah kelewatan projek disebabkan isu rampasan baj yang membawa muatan set turbin gas pertama dan bantahan berterusan yang diterima daripada Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (SEPA).

SOALAN NO: 83

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]
TARIKH	19 JUN 2012 (SELASA)
SOALAN	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan secara terperinci tentang skim insurans yang bakal ditawarkan kepada komuniti nelayan di seluruh negara. Syarikat insurans manakah yang menawarkan skim perkhidmatan ini, serta apakah manfaat yang akan diperolehi oleh para nelayan jika menyertai insurans ini.
JAWAPAN OLEH	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Skim Perlindungan Insurans Nelayan telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mulai 15 Mei 2012. Skim ini menawarkan perlindungan insurans kemalangan kepada nelayan semasa bekerja di laut dan darat, perbelanjaan perubatan, khairat kematian, alat ganti palsu/ kerusi roda dan lain-lain. Perlaksanaan skim insurans ini adalah berlandaskan konsep syariah.

Nelayan yang layak menyertai skim ini adalah seperti berikut:

- (i) pemilik dan pekerja vesel di atas vesel yang dilesenkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia;
- (ii) berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di bawah Skim Elaun Sara Hidup nelayan; dan
- (iii) berumur 18 tahun ke atas tetapi tidak melebihi 71 tahun pada tarikh diinsuranskan.

Syarikat insurans yang melaksanakan Skim Perlindungan Insurans Nelayan ini adalah Syarikat MAA Takaful Berhad yang telah dipilih secara tender terbuka. Yuran yang dikenakan untuk menyertai skim perlindungan

insurans ini adalah sebanyak RM100.00 seorang setahun yang dipotong daripada Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN).

Sehingga 15 Mei 2012 seramai 47,635 orang nelayan telah diinsuranskan dengan jumlah premium bernilai 4.763 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah**

[Igan]

TARIKH **19 Jun 2012 (Selasa)**

SOALAN : ^ <2^

Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah Kementerian berikut tindakan pihak Syarikat Penerbangan Nasional MAS mengurang / membatal banyak laluan-laluan luar negara yang sebelum ini begitu popular.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara termasuk MAS untuk mengekal dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan bagi

laluan-laluan luar negara yang begitu popular.

Pihak Kementerian juga telah menetapkan supaya sebarang cadangan pembatalan laluan oleh mana-mana syarikat penerbangan perlu dikemukakan kepada Kementerian sebelum pembatalan tersebut dilaksanakan.

Untuk makluman, pembatalan laluan oleh syarikat penerbangan MAS adalah disebabkan kerugian yang dicatatkan bagi laluan-laluan tersebut. Tindakan pembatalan tersebut adalah merupakan keputusan komersil (*commercial decision*) syarikat penerbangan MAS yang ditentukan berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Sungguhpun demikian, keputusan ini bukanlah merupakan keputusan yang kekal kerana pihak MAS boleh menimbang untuk menyambung semula perkhidmatan penerbangan di laluan yang telah dibatalkan setelah usaha dan tindakan memulihkan MAS dicapai.

SiO

-Norffoir--tt-

NOrAUF f

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO* HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

[KOTA BELUD]

TARIKH 19 JUN 2012

RUJUKAN 4980

SOALAN:

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Akta Pekerja Asing akan diwujudkan dan apakah inti pati akta tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal Akta Pekerja Asing memandangkan semua hak-hak pekerja termasuk pekerja asing adalah dilindungi dibawah Akta Pekerjaan 1955.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	: Y.B. DR. MUJAHID YUSOF	RAWA
	(PARIT BUNTAR)	
PERTANYAAN	: LISAN	
TARIKH	: 19.06.2012	

Y.B. DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah jenis-jenis cukai yang dikenakan dalam sistem percukaian negara hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 2 kategori ~~utama cukai~~^{NO SOALAN} yang dikenakan dalam sistem perckaian negara. Kategori pertama adalah Cukai Langsung iaitu cukai yang dikenakan secara langsung ke atas pendapatan pihak yang menanggung cukai. Antara cukai langsung utama adalah cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem.

2. Kategori kedua adalah Cukai Tidak Langsung iaitu cukai yang dikenakan secara tidak langsung ke atas pembeli atau pengguna sebagai pihak yang menanggung cukai. Antara cukai tidak langsung adalah duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan di mana cukai/duti tersebut dibayar oleh penjual kepada pihak berkuasa perckaian. Cukai/duti tersebut dipindahkan kepada pembeli sebagai sebahagian daripada harga jualan barang dan perkhidmatan.

PERTANYAAN
PEMBERITAHUAN JAWAPAN SANTAI DAN RAKYAT
DARIPADA **KUONG HUNG 19 JUN**
TARIKH **2012 (SELASA) NO. 87**
SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan rancangan Kerajaan menu buhkan sebuah pusat pengajian tinggi di Sarikei.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tiada peruntukan bagi menu buhkan pusat pengajian tinggi di Sarikei. Sebenarnya negeri Sarawak telah mempunyai sembilan (9) IPT di bawah KPT iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kota Samarahan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Politeknik Kuching, Politeknik Mukah, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Miri, Kolej Komuniti Cawangan Santubong dan Kolej Komuniti Cawangan Betong.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH 19 JUN 2012

RUJUKAN 4833

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kadar residivis atau kemasukan semula banduan untuk kemasukan berulang negara dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelan pemulihan sedia ada. Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kemasukan semula banduan ke penjara atau kadar residivis semasa negara ialah di bawah 20% iaitu jauh lebih rendah dengan negara luar yang dikatakan lebih canggih program pemulihannya. Kadar residivis semasa negara adalah jauh lebih rendah berbanding dengan kadar residivis bagi United Kingdom iaitu 59%,

Jawapan:

Kanada 44%, New Zealand 42% dan Australia 34.1%.

Jabatan Penjara sentiasa mengambil inisitif untuk meningkatkan lagi keberkesanan program pemulihan bagi penghuni penjara bagi mengurangkan lagi kadar residivis dan seterusnya melahirkan penghuni yang pulih, insaf, berkemahiran, berpengetahuan dan berguna kepada masyarakat serta tidak mengulangi perbuatan jenayah setelah dibebaskan. Antara inisittif yang telah diambil oleh Jabatan Penjara adalah seperti berikut:

- (i) Mengkaji semula modul-modul yang digunakan untuk program pemulihan penghuni penjara iaitu Program Pembangunan Insan dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan. Ia bertujuan menyediakan modul yang lebih sesuai bagi setiap penghuni mengikut kategori kesalahan dan latar belakangnya.

Kajian dan penambahbaikan tersebut dilakukan dengan bantuan pakar dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam membentuk modul-modul pemulihan serta membuat kajian berhubung keberkesanan program pemulihan di kalangan penghuni penjara.;

- (ii) Melaksanakan pengkategorian penjara bagi memastikan sesebuah penjara dikhkususkan untuk penempatan mengikut kategori penghuni dan seterusnya membolehkan modul-modul pemulihan yang sesuai diguna dan diberikan penekanan. Sebagai contoh penjara telah dikategorikan untuk penghuni berdasarkan jenayah kekerasan, jenayah harta benda, jenayah seksual, dadah tegar dan kurang tegar, jenayah kolar putih, dan lain-lain. Pengkategorian ini juga dapat mengelakkan percampuran dan pengaruh negatif di kalangan banduan;
- (iii) Memperluaskan pelaksanaan program pemulihan di luar tembok penjara bersama komuniti agar berlaku pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat dengan lebih berkesan. Pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib, Pusat Pemulihan Pemasyarakatan dan Rumah Perantaraan oleh Jabatan Penjara menunjukkan kejayaan yang amat membanggakan. Setakat ini didapati tiada kemasukan berulang atau residivis di kalangan bekas penghuni yang terlibat dengan program Perintah Kehadiran Wajib, Pusat

Pemulihan Pemasyarakatan dan Rumah Perantaraan. Manakala hanya 0.9% dari kalangan penghuni yang terlibat dengan pelaksanaan sistem parol kembali melakukan kesalahan.

- (iv) Menggalakkan penyertaan agensi kerajaan yang lain, pihak swasta dan NGO untuk melaksanakan latihan dan program pemulihan bagi penghuni penjara. Begitu juga Jabatan Penjara amat menggalakkan orang perseorangan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang boleh disumbangkan bagi pemulihan penghuni untuk menyertai Sukarelawan Koreksional.
- (v) Meningkatkan kepakaran pegawai penjara dan memperbaiki standard program pemulihan selaras dengan perkembangan semasa dan praktis universal, ia dilaksanakan dengan kerjasama pakar-pakar dari universiti tempatan dalam melatih kakitangan. Contohnya kerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Utara Malaysia untuk meningkatkan tahap profesionalisma kakitangan penjara melalui peluang pendidikan di peringkat diploma, ijazah dan sarjana dalam bidang koreksional;
- (vi) Berasaskan pencapaian program pemulihan di luar tembok penjara bersama komuniti tersebut Jabatan Penjara juga meneliti berbagai alternatif lain yang dapat membuka peluang berlakunya integrasi semula penghuni ke dalam keluarga dan masyarakat secara lebih berkesan

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATUK SIRING AN BIN

GUBAT

(RANAU)

TARIKH

: 19.6.2012 (SELASA)

SOALAN

:

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan setakat mana tahap tindakan telah dilaksanakan atas cadangan projek untuk menaiktaraf jalan raya ke Kg. Lipasu Baru, Kg. Lipasu Lama dan Kg. Paka yang sudah begitu lama dinantikan oleh penduduk beberapa buah kampung dan kawasan sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', projek menaiktaraf jalan Kibbas-Lipasu, Ranau Sabah sedang dalam proses penyediaan rekabentuk dan pembinaan dijangka akan dimulakan pada tahun 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ SERI ONG KA CHUAN
(TANJONG MALIM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2012

Y.B. DATO¹ SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkemaskan prosedur penilaian ke atas usaha untuk melepaskan kepentingan dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan (Government Link Companies) kepada syarikat swasta. Adakah keputusan membatalkan cadangan mengambil alih syarikat penerbangan MAS oleh Air Asia bercanggah dengan penilaian awal oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, dalam mempertimbangkan cadangan atau bidaan syarikat swasta untuk mengambil alih syarikat milik Kerajaan, pembida-pembida yang berpotensi tersebut perlu memenuhi kriteria minimum termasuk dari segi kedudukan kewangan, rekod di dalam pengembangan perniagaan dan kecemerlangan pengurusan serta tawaran syarikat untuk membantu pembangunan Bumiputera dan menjayakan gagasan IMalaysia. Pembida-pembida tersebut hendaklah menunjukkan penyampaian yang melebihi tanda aras inovasi dan penciptaan nilai, serta menyokong matlamat Model Ekonomi Baru iaitu berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan.

2. Merujuk kepada transaksi MAS - AirAsia, konteks pembatalan transaksi tersebut sepatutnya merujuk kepada pembatalan pertukaran saham MAS dan AirAsia di antara Khazanah dan Tune Air. Keputusan untuk membatalkan pertukaran saham itu diambil bukan disebabkan percanggahan ke atas penilaian asal berhubung daya maju janji niaga tersebut, tetapi sebenarnya adalah untuk membolehkan pihak pengurusan MAS menumpukan perhatian sepenuhnya kepada usaha-usaha untuk memulihkan syarikat penerbangan tersebut, tanpa dibebankan oleh tentangan daripada pihak-pihak tertentu terutamanya kesatuan-kesatuan sekerja yang tidak bersetuju dengan pertukaran saham berkenaan.
3. Walaupun pertukaran saham tersebut telah dibatalkan, namun faedah berkaitan jalinan kolaborasi antara MAS dan AirAsia tetap relevan dan kedua-dua syarikat penerbangan tersebut akan berusaha untuk merealisasikannya, tertakluk kepada undang-undang anti persaingan.

NO. SOALAN:

91 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :
LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 19 JUN 2012 (SELASA)
SOALAN : YB Tuan Fong Kui Lun minta PERDANA MENTERI Perancangan Kementerian untuk mewujudkan masyarakat kita yang bertegur sapa dan bercampur gaul dengan jiran memandangkan tahap perhubungan sesama jiran terlalu rendah.

JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Sememangnya, perhubungan sesama jiran dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti proses pembangunan ekonomi yang pesat yang membawa perubahan sosial dari segi struktur masyarakat, sistem nilai, proses pembandaran (urbanisasi) dan mobiliti manusia, pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan sebagainya.

Dalam konteks Malaysia, pertumbuhan ekonomi yang pesat dan rancak telah mengakibatkan mobiliti, khasnya orang muda, untuk berhijrah jauh dari tempat asal atau kampung halaman mereka untuk menuntut di institusi pengajian dan mencari pekerjaan di kawasan-kawasan bandar. Proses ini telah membawa perubahan sosial di mana institusi kekeluargaan telah beralih dari keluarga besar (*extended family*) ke keluarga nukleus (*nuclear family*).

Proses penghijrahan ini telah menyebabkan lebih daripada 60 peratus populasi Malaysia di mana dari pelbagai negeri atau wilayah, pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan, yang dahulunya tidak kenal-mengenal di antara satu sama lain, telah dibawa bermastautin atau bekerja di tempat-tempat yang sama. Keadaan ini adalah berbeza daripada keadaan di luar bandar di mana ramai di antara penduduknya mempunyai perhubungan saudara-mara dan

kenal-mengenal di antara satu sama lain.

Tambahan pula, berbanding dengan keadaan kampong di mana jarang ada pagar yang memisah, tembok pemisahan adalah lebih nyata dalam kawasan bandar. Yang paling serius ialah kawasan perumahan yang berbentuk banglo atau kondominium dengan kawalan keselamatan yang ketat. Kesemuanya ini tidak menggalakkan anggota-anggota jiran bertegur sapa dan bercampur gaul secara kerap dan rapat, walaupun keadaan adalah kurang serius di kawasan perumahan teres atau rumah pangsa kos rendah atau sederhana dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Di samping itu, perkembangan pesat ICT telah membawa kepada kecenderungan untuk kebanyakan orang suka menikmati hiburan dalam rumah (home entertainment) melalui pelbagai program dari televisyen dan internet. Tambahan pula, orang sekarang lebih cenderung berkomunikasi melalui media sosial dengan kawan-kawan atau saudara-mara di tempat jauh. Kecenderungan sedemikian juga tidak menggalakkan pergaulan dengan jiran.

Kerajaan memang peka terhadap keadaan sosial yang baru ini dan menganggap usaha untuk mempertingkatkan pergaulan dan perhubungan jiran adalah penting untuk tiga tujuan seperti berikut:-

- (1) Memupuk persefahaman untuk keharmonian sosial.
- (2) Menggalakkan semangat bantu-membantu, khasnya semasa kecemasan.
- (3) Bekerjasama menjaga keselamatan dan keamanan setempat.

Oleh itu, kerajaan telah dan akan terus menggalakkan penubuhan institusi dan aktiviti seperti berikut yang berdasarkan kepada skim perumahan untuk

menggalakkan semangat dan perhubungan kejiranan:-

- (a) Kawasan Rukun Tetangga (KRT)
- (b) Persatuan Penduduk (PP).
- (c) Joint Management Body (JMB) bagi rumah pangsa dan kondominium.

Sambutan penduduk terhadap inisiatif-inisiatif tersebut memang agak menggalakkan yang mencerminkan kesedaran mereka menghargai perhubungan jiran. Misalnya, penubuhan KRT telah meningkat dari 3,995 buah KRT pada awal tahun 2009 ke 5,828 buah KRT pada 31 Mei 2012, iaitu peningkatan sebanyak 1,833 buah KRT atau 46 peratus dalam tempoh tidak sampai tiga setengah tahun. Begitu juga dengan peningkatan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dari 1,284 ke 3,172, peningkatan sebanyak 1,888 atau 147 peratus dalam tempoh yang sama.

Di samping itu, apa yang menggalakkan ialah inisiatif KRT atau PP untuk menggunakan teknologi terbaru ICT supaya meningkatkan lagi keberkesanan pergaulan di antara mereka. Setakat ini, mengikut laporan yang diterima oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), hampir 500 KRT telah mewujudkan laman web, Facebook atau jalinan emel di kalangan ahli-ahli mereka.

Di samping itu, ICT juga sedang digunakan oleh komuniti tempatan dalam usaha menjaga keselamatan tempatan. Misalnya, Subang Jaya, komuniti menggunakan Sistem Pemantauan Jenayah dan Keselamatan di kawasan mereka melalui Web-based GIS (*geographical information system*) atas inisiatif, kepakaran dan komitmen komuniti tersebut. Sistem ini didapati berkesan bukan

sahaja untuk menjaga keselamatan tetapi juga untuk memupuk perhubungan sosial yang lebih rapat di kalangan ahli-ahli komuniti itu.

Oleh itu, adalah jelas bahawa dengan kesedaran dan komitmen anggota masyarakat bersama dengan sokongan kerajaan serta penggunaan ICT, perhubungan sesama jiran memang dapat dipertingkatkan dengan berkesannya. Para pemimpin politik dan masyarakat juga dapat memainkan peranan secara efektif sekiranya mempunyai sikap yang positif dan inklusif.

SOALAN NO: 92

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
TARIKH PANJANG]
SOALAN : 19 JUN 2012 (SELASA)
: Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI
menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memajukan
sektor pertanian seluruh negara dan menjadikan sektor
pertanian sebagai sektor utama ke seluruh negara di
samping meningkatkan pendapatan para petani.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai usaha bagi menjadikan sektor pertanian sebagai sektor utama ke seluruh negara di samping meningkatkan pendapatan petani. Menerusi Dasar Agromakanan Negara (DAN), Kementerian ini telah menggariskan tiga objektif utama iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan; menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan; serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan:

- (i) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembakai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;
- (ii) perkhidmatan pengembangan tanaman, ternakan dan perikanan dalam pengeluaran bahan makanan yang berkualiti seperti khidmat nasihat dan

SOALAN NO: 93

penyampaian teknologi yang digunakan, latihan motivasi, keusahawanan, pengetahuan teknikal dan pengurusan dalam bidang pengeluaran produk segar dan produk yang diproses;

- (iii) membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) penglibatan pihak swasta sebagai peneraju agar aktiviti pertanian dapat dilakukan sebagai satu perniagaan yang berupaya membuaikan hasil yang lumayan;
- (v) penggunaan mekanisasi dan teknologi yang moden dan ekonomik yang sentiasa diperkenalkan kepada para petani, penternak dan nelayan agar hasil pengeluaran yang lebih tinggi dapat diperoleh bagi memenuhi permintaan bekalan makanan tempatan;
- (vi) Menumpukan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi dan bioproses, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (vii) memperkenalkan sistem amalan pertanian, ternakan dan perikanan yang terbaik, program pembasmian penyakit, program peningkatan kualiti pertanian dan beberapa program lagi yang dapat membantu petani, penternak dan nelayan menjadi lebih berjaya; dan
- (viii) memperkenalkan program - program untuk meningkatkan pendapatan petani seperti Program Azam Tani dan Program Pembangunan Industri Asas Tani.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	PE RT AN YA AN	LISAN
TARIKH		YB. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA]
RUJUKAN		SELASA, 19 JUN 2012
SOALAN		17 [PR-1252-L49417]

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan tahap pelaksanaan projek-projek pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di kawasan Parlimen Setiawangsa ketika ini secara terperinci; dan apakah strategi Kementerian di dalam memastikan projek-projek kritikal berkepentingan rakyat terbabit akan dapat disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Setiawangsa, buat masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telahpun menyiapkan beberapa projek yang antaranya ialah Dewan Masyarakat PPR Sungai Bonus dan Taman Awam Kejiranan Air Panas. Dalam masa yang sama juga, terdapat sembilan (9) lagi projek di dalam Parlimen Setiawangsa yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dan perancangan. Tiga (3) projek peringkat pelaksanaan adalah terdiri daripada

- i. Projek Pusat Penjaja Jalan Rejang;
- ii. Cadangan Kemudahan Awam di PPR Semarak di atas Lot 4248 Jalan Air Keroh; dan
- iii. Projek Dewan dan Pusat Penjaja di Air Panas Setapak.

Perincian bagi projek-projek berkenaan adalah seperti berikut

- a) Untuk Projek Pusat Penjaja Jalan Rejang, ia melibatkan komponen gerai makanan 59 unit, ruang makan untuk 800 orang, 4 kiosk, tandas, bilik solat, pejabat pengurusan dan rumah sampah. Projek ini dijangka dapat disiapkan pada pertengahan bulan Jun 2012 dan kemasukan penjaja dirancang pada bulan Julai 2012;
- b) Projek Cadangan Kemudahan Awam Di PPR Semarak di atas Lot 4248 Jalan Air Keroh pula, terdiri daripada sebuah surau dan pusat komuniti. Projek surau ini dijangka siap pada bulan Oktober 2012.

Manakala untuk komponen Pusat Komuniti, dijangka kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada awal tahun 2013; dan

- c) Projek Dewan dan Pusat Penjaja di Air Panas pula, ia melibatkan komponen pembangunan satu ruang pejabat, 30 unit gerai, tadika, tempat letak kenderaan, taman permainan kanak-kanak, tandas dan Dewan Serbaguna yang memuatkan 3 gelanggang badminton. Kemajuan kerja di tapak sehingga kini adalah 40% dan dijangka siap Mac 2013.

Manakala enam (6) projek dalam peringkat perancangan adalah terdiri

- i. Projek Rawatan Air Buangan di Pasar Air Panas;
- ii. Projek Taman Kejiranan di Bukit Setiawangsa;
- iii. Projek menaik taraf landskap di Taman Tasek Sri Rampai;
- iv. Projek menaik taraf landskap di Taman Kejiranan Air Panas;
- v. Projek menaik taraf sistem perparitan di sekitar Air Panas / Jalan Air Madu Setapak; dan
- vi. Projek menaik taraf padang bola di Taman Setiawangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi memastikan projek-projek yang kritikal dapat disiapkan, DBKL akan membuat pemantauan secara berterusan bersama dengan perunding dan kontraktor yang telah dilantik oleh DBKL. Ianya dilaksanakan melalui mesyuarat koordinasi di tapak iaitu mesyuarat pasukan bangunan dan mesyuarat pengurusan sama ada di peringkat DBKL mahupun Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

SOALAN

NO:94 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

DARIPADA N : PERTANYAA
LISAN
TARIKH DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL [MACHANG]
19 JUN 2012

SOALAN

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA

MENTERI menyatakan jumlah kes rasuah yang melibatkan penjawat awam dalam bidang penguatkuasaan pemerdagangan manusia dalam tempoh 2005 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2005 hingga kini, terdapat sebanyak 243 kes rasuah yang melibatkan penjawat awam dalam bidang penguatkuasaan pemerdagangan manusia. Manakala, pada tahun 2011 mencatatkan jumlah kes rasuah tertinggi iaitu sebanyak 78 kes rasuah. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TEMPOH 2005 HINGGA KINI (8/6/2012) (PENJAWAT AWAM)

TAHUN	KES RASUAH
2005	13
2006	35
2007	29
2008	32
2009	16
2010	40
2011	78
2012	0
JUMLAH	243

NO SOALAN:95

PEMBERITAHU

<u>AN</u>	<u>LISA</u>
<u>DARIPADA</u>	<u>N</u>
<u>PERMINTA</u>	
<u>NYAAN</u>	
<u>DEWAN</u>	<u>TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB</u>
<u>RAKYAT</u>	
<u>TARIKH</u>	<u>19 JUN 2012</u>

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa rizab tunai FELDA merudum kepada RM1.35 bilion sahaja dan berhutang pula sehingga RM6.5 bilion dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak beliau mengambil alih penyeliaan badan itu sedangkan dalam tahun 2001, rizab tunai FELDA berjumlah sehingga RM4.5 bilion dan tiada hutang.

JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
 MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kedudukan tunai FELDA pada 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM2.11 bilion berbanding RM4.09 bilion pada tahun 2004. Penurunan adalah disebabkan oleh

perbelanjaan-

NO SOALAN:95

perbelanjaan ~~PEMBERITAHUAN~~ terkumpul dari tahun 2004 hingga 2011 seperti berikut:- AN

PERTANYAAN

- i) Perbelanjaan berkaitan peneroka iaitu aktiviti sosio-ekonomi, bantuan aktiviti luar bandar, Bonus Insentif Produktiviti Peneroka, pinjaman saham Koperasi Permodalan FELDA, sumbangan Hari Raya, tuntutan insurans dan perbelanjaan perumahan berjumlah **RM4.75 bilion**;
- ii) Perbelanjaan pembangunan tanam semula termasuk pinjaman sara hidup peneroka serta pendahuluan hasil berjumlah **RM4.03 bilion**;
- iii) Pinjaman tanpa riba kepada 19,305 peneroka bagi Program Pinjaman Pembesaran Rumah dan pemberian rumah peneroka berjumlah **RM619.18 juta**;
- iv) Perbelanjaan Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Sabah dan Terengganu berjumlah **RM374.97 juta**.

Walaupun tunai FELDA berkurangan namun jumlah aset yang dimiliki oleh FELDA berjumlah RM21.28 bilion berbanding RM19.18 bilion pada tahun 2010. Jumlah liabiliti FELDA pula adalah sebanyak RM5.81 bilion berbanding RM4.89 bilion pada tahun 2010.

Keputusan yang diambil pada tahun 2009 untuk mendapatkan pembiayaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibuat setelah

FELDA meneliti rasional keperluan pembiayaan FELDA dan FELDA Global Ventures Holdings Bhd. (FGV).

Sehingga 31 Mei 2012, sebanyak RM3,550 juta pinjaman telah dikeluarkan daripada KWSP iaitu sebanyak 54.62 peratus (%) daripada jumlah keseluruhan pinjaman bernilai RM6.500 juta. Pada tahun 2011, bayaran kembali sebanyak RM269.44 juta telah dilunaskan oleh FELDA kepada KWSP. Dalam tahun 2012, dianggarkan bayaran kembali sebanyak RM336.66 juta akan dibayar. Sehingga kini, FELDA belum pernah gagal dalam menjelaskan bayaran kembali pinjaman KWSP.

Selain itu, daripada aspek pengurusan aset (*asset allocation*) adalah tidak wajar jika FELDA mencairkan keseluruhan aset yang dimiliki sedangkan FELDA masih mempunyai pilihan untuk mendapatkan pembiayaan dengan kos kewangan yang lebih rendah seperti yang ditawarkan oleh bank-bank komersil. FELDA juga diberi kemudahan untuk mengeluarkan keseluruhan pinjaman yang diluluskan oleh KWSP berdasarkan kepada keperluan semasa FELDA dalam tempoh 10 tahun selepas pengeluaran pertama dibuat. Dengan kemudahan yang diberikan oleh KWSP ini akan dapat membantu FELDA dalam merancang keperluan pembiayaan serta bayaran kembali tahunan.

NO.SOALAN: 96

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN

TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sepanjang tempoh lima tahun iaitumulai 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2011, berapakah jumlah tindakan tatatertib yang diambil kepada penjawat awam gred 44 dan ke atas dan daripada jumlah itu berapa ramaikah yang telah dikenakan tindakan ditamatkan perkhidmatan mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Dari tahun 2007 hingga 2011, jumlah penjawat awam gred 44 dan ke atas yang dikenakan tindakan tatatertib adalah sebanyak 174 orang. Daripada jumlah tersebut, 19 orang telah dikenakan tindakan ditamatkan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH

[LEDANG]

SOALAN

19 JUN 2012 97

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Cybersecurity Malaysia dalam mengawal dan mengekang aktiviti penggodam untuk memastikan keselamatan alam siber negara terjamin terutamanya kepada agensi-agensi Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

CyberSecurity Malaysia adalah sebuah agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diberi mandat untuk membekalkan perkhidmatan kepakaran keselamatan ICT dan mengenai pasti secara berterusan bidang-bidang tersebut yang membahayakan keselamatan negara.

Sebagai sebuah badan nasional yang memantau aspek e-Keselamatan Nasional, CyberSecurity Malaysia menawarkan pelbagai perkhidmatan kepakaran keselamatan siber kepada masyarakat termasuk sektor awam dan swasta.

Selain itu, bagi memperkasakan ruang siber negara, Kerajaan melalui CyberSecurity Malaysia telah membangunkan Dasar Keselamatan Siber Nasional yang memberi tumpuan keselamatan siber kepada Prasarana Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure - CNN). Sokongan teknikal juga turut diberikan dalam penyiasatan terhadap kes-kes siber yang dikendalikan oleh agensi penguatkuasa undang-undang dan badan regulatori seperti:

- (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (ii) Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (iii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (iv) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (v) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Pihak CyberSecurity Malaysia juga telah menjalankan kerjasama menyeluruh dengan agensi-agensi penguatkuasa dalam memperkuatkuahkan keupayaan pegawai-pegawai penguatkuasa agensi-agensi tersebut melalui pelbagai program Perkhidmatan Pembangunan Profesional yang memberi penekanan terhadap kepakaran teknikal.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dua perkhidmatan utama CyberSecurity Malaysia yang ditawarkan dalam penyiasatan kes siber adalah Pemantauan Rangkaian Komputer (MyCERT) dan forensik digital. Perkhidmatan forensik digital agensi ini diiktiraf sebagai saksi pakar di mahkamah melalui Seksyen 399 (2)(f) Kanun Tatacara Jenayah. CyberSecurity Malaysia menawarkan kidmat *CyberSecurity Proactive Services* seperti Cyber999 dan *Malware Research Centre* serta *CyberSecurity Responsive Services* yang berupaya menangani ancaman-ancaman siber.

CyberSecurity Malaysia juga telah melaksanakan aktiviti kesedaran siber di peringkat nasional menerusi seminar, persidangan, bengkel keselamatan siber dan laman web seperti CyberSAFE (www.cvbersafe.mv). Ini bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari aspek perundangan, bagi memastikan undang-undang negara sentiasa relevan dalam mengatasi kes siber, CyberSecurity Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah melaksanakan satu kajian bagi mengenalpasti kelompongan dalam undang-undang sedia ada. Ini bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasa.

Pada 7 September 2009, hasil Kajian Kelompongan Undang-undang

yang dijalankan oleh MOSTI telah dibentangkan di Majlis Teknologi Maklumat

Negara (NITC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Kajian ini dilaksanakan bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku penguatkuasa undang-undang dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang turut bertindak selaku regulatori dan penguatkuasa undang-undang. Hasil kajian ini telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara dan kini jabatan terbabit sedang mengkaji serta melaksanakan cadangan-cadangan yang diberikan bagi melakukan perubahan yang perlu terhadap undang-undang sedia ada.

Kerajaan telah lama menyedari bahawa jenayah siber tidak terikat kepada persempadan fizikal negara. Oleh itu, kerjasama di peringkat antarabangsa amat diperlukan. Bagi tujuan tersebut, CyberSecurity Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama keselamatan siber di peringkat antarabangsa melalui pelbagai penglibatan dalam kerjasama antarabangsa.

<

No. Soalan : 98
PR-1252-
L50674

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [Subang]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan alasan kenapa Kerajaan tidak
menyokong usul berkenaan Sri Lanka yang
di bincang dan diluluskan pada 22 Mac
2012 di Majlis Hak Asasi Bangsa-Bangsa
Bersatu di Geneva dan memilih untuk
mengambil pendirian berkecuali.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, berkenaan dengan izin, *country specific resolutions* di Majlis Hak Asasi Manusia (UNHRC) Malaysia berpendirian adalah tidak wajar isu-isu domestik sesebuah negara dibincangkan dan diteliti di peringkat antarabangsa tanpa persetujuan negara berkenaan. Ini terpakai untuk negara-negara membangun dan negara maju. Malaysia tidak mahu Majlis Hak Asasi Manusia dipolitikkan dan diperalatkan oleh negara-negara tertentu bagi kepentingan masing-masing melalui *country specific resolutions*.
3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah mengambil pendirian berkecuali terhadap resolusi berkenaan Sri Lanka di Majlis Hak Asasi Manusia bukan sahaja berdasarkan kepada prinsip yang dinyatakan sebentar tadi, tetapi juga kepada penilaian-penilaian berikut:
 - 3.1 Proses *reconciliation*, kebangsaan Sri Lanka merupakan satu isu domestik;
 - 3.2 Kerajaan Sri Lanka telah menubuhkan dengan izin, *Lessons*

Learnt and Reconciliation Commission (LLRC). Ini menunjukkan akauntabiliti Kerajaan Sri Lanka terhadap proses reconciliation dan kesungguhannya untuk memperbaiki situasi hak asasi manusia di Sri Lanka.;

- 3.3 Dengan mengambil kira kerumitan yang perlu diatasi oleh Kerajaan Sri Lanka yang baru sahaja pulih daripada Perang Saudara selama tiga dekad, dan juga Laporan LLRC telah diterima oleh Parlimen Sri Lanka pada 16 Disember 2011, adalah tidak adil untuk resolusi Majlis Hak Asasi Manusia tersebut mengenakan kewajipan terhadap Kerajaan Sri Lanka untuk melapor kepada pihak Majlis tiga bulan selepas pembentangan laporan LLRC;
 - 3.4 Kerajaan Sri Lanka juga telah secara konsisten melaksanakan pendekatan yang telus dan terbuka dalam bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa termasuk di Majlis Hak Asasi Manusia; dan
 - 3.5 Penyelesaian terbaik adalah melalui proses dialog dan kerjasama konstruktif di antara komuniti-komuniti di Sri Lanka.
4. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa dengan izin, *country specific resolutions* tidak membantu sesebuah negara dalam usaha untuk mempromosikan dan memelihara hak asasi manusia. Adalah

lebih wajar sekiranya usaha-usaha sesebuah negara seperti Sri Lanka untuk memperbaiki situasi hak asasi disokong oleh majlis hak asasi manusia dan masyarakat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Dato' Haji Wan Abdul Rahim Bin Wan

Abdullah [Kota Bharu]

TARIKH

19 Jun 2011 (Selasa)

SOALAIM

: 40^^^

DATO' HAJI WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH [Kota Bharu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah lesen telah dikeluarkan kepada pihak yang akan membina pelabuhan di Negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Pengangkutan tidak mengeluarkan apa-apa lesen kepada syarikat yang bercadang untuk membina sebuah pelabuhan termasuk di Kelantan. Mana-mana syarikat

yang bercadang membina pelabuhan, perlu mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Laut Malaysia.

Bagi maksud operasi, syarikat perlu turut juga mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan sekiranya mereka bercadang menjadikan pelabuhan mereka sebagai *offshore supply base*.

Kementerian Pengangkutan akan hanya memberikan kelulusan dari segi pewartaan sesuatu kawasan sebagai had pelabuhan sekiranya kawasan pelabuhan tersebut belum diwartakan. Keputusan mengenai ini adalah berdasarkan penelitian lokasi dan ulasan daripada agensi-agensi Kerajaan berkaitan.

NO. SOALAN:

100 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD [BALIK PULAU]

TARIKH : 19JUN2012

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pegangan harta tanah oleh Jawatankuasa Pemandu (JKP) dan PERDA di Pulau Pinang amnya dan di dalam Parlimen Balik Pulau khususnya yang telah dibangunkan dan yang belum dibangunkan.

JAWAPAN

Jumlah tanah yang dimiliki oleh PERDA dan Jawatankuasa Pemandu (JKP) di seluruh Pulau Pinang adalah sebanyak 5,965.69 ekar iaitu 4,446.95 ekar tanah milik PERDA manakala bakinya berjumlah 1,518.74 ekar adalah milik JKP. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4,217.52 ekar telah dibangunkan oleh PERDA dan JKP. Sehingga kini, baki tanah milik PERDA dan JKP di Pulau Pinang yang belum dibangunkan adalah berjumlah 1,747.15 ekar.

Bagi kawasan Parlimen Balik Pulau, sehingga 1 Jun 2012, PERDA dan JKP memiliki sebanyak 547.35 ekar tanah, iaitu 456.52 ekar adalah tanah milik PERDA dan bakinya berjumlah 90.83 ekar tanah adalah milik JKP. Sehingga kini, PERDA dan JKP telah membangunkan tanah seluas 536.10 ekar bagi projek-projek perumahan dan komersil, penyediaan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas yang lain untuk kesejahteraan penduduk di kawasan terlibat. Daripada jumlah tersebut juga, baki tanah yang masih belum dibangunkan adalah kira-kira 11.25 ekar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATUK ABD.RAHMAN BIN BAKRI 19 JUN 2012 (SELASA)
TARIKH NO. 101
SOALAN

Datuk Abd.Rahman bin Bakri (Sabak Bernam) minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk milik Kerajaan Negeri tidak mengenakan bayaran bagi menyemak status permohonan kemasukan ke IPT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak mengenakan apa-apa bayaran bagi menyemak status permohonan kemasukan pelajar ke IPTA. Namun, bagi memperluas dan memperbanyakkan kemudahan saluran semakan, Kementerian turut melantik syarikat komunikasi yang mengenakan caj sebanyak 20 sen bagi semakan melalui sms.

Walau bagaimanapun, KPT dimaklumkan bahawa pihak KUIN telah mensyaratkan pembayaran wang proses bagi permohonan baru bagi kemasukan ke KUIN dengan kadar sebanyak RM25 bagi pelajar tempatan

dan RM150 bagi pelajar antarabangsa. Pembayaran wang proses mula dilaksanakan bagi kemasukan Jun 2012. Jika pemohon tidak menjelaskan wang proses, pemohon tidak dapat menyemak status permohonan kemasukan ke KUIN. Pengenaan wang proses bagi permohonan kemasukan ke IPT adalah tidak menyalahi peraturan yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]

TARIKH 19 JUN 2012 (SELASA)

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang memiliki lebih dari sebuah kereta atau kenderaan. Apakah galakan atau insentif khas yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat menambah pemilikan harta seperti kenderaan untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sehingga 30 April 2012, seramai **4,947,272** rakyat Malaysia memiliki lebih daripada sebuah kenderaan.

Kerajaan bersetuju dengan pandangan Y.B. Bukit Katil bahawa penambahan pemilikan harta seperti kenderaan akan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara khususnya bagi sektor industri automotif. Walau bagaimanapun, sepetimana sedia maklum, harga kenderaan sentiasa mengalami susut nilai. Dengan demikian, pemilikan kenderaan bukan merupakan pelaburan terbaik untuk menambah pemilikan harta berbanding dengan harta-harta lain seperti hartanah yang sentiasa meningkat nilainya. Selain itu, pertambahan kenderaan di jalan raya akan memberi kesan sampingan seperti pencemaran alam, kesesakan lalu lintas yang sekaligus akan meningkatkan kos pengangkutan serta kos untuk mengendalikan perniagaan, selain daripada meningkatkan kebarangkalian berlakunya kemalangan jalan raya.

Bagi mengimbangkan perkara ini, Kerajaan telah menjadikan peningkatan penggunaan pengangkutan awam di bandar sebagai salah satu inisiatif *National Key Result Area (NKRA)*. Matlamat NKRA -*Urban Public Transport* adalah untuk menaikkan peratusan penggunaan pengangkutan awam. Selain itu, Kerajaan juga telah menambahbaik perkhidmatan pengangkutan

NO. SOALAN:

**103 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
PERTANYAAN:**

DARIPADA: RAKYAT
LISAN

TARIKH: YB DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

SOALAN: 19 JUN 2012

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah faedah-faedah persaraan yang diberikan kepada Ahli Parlimen, Senator, Menteri-Menteri, Timbalan Menteri yang bersara. Bayaran Pencen yang diberikan masing-masing itu merupakan berapa peratusan daripada eluan bulanan atas mereka yang telah berkhidmat selama satu atau lebih daripada satu penggal; dan

- (b) adakah Kerajaan mempunyai sebarang

Jawapan: pelan untuk mengkaji semula faedah-faedah persaraan.

(a) Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat faedah pemberhentian yang diberikan kepada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen ialah sepetimana diperuntukkan di bawah Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan)1980 [Akta 237] seperti berikut:

(i) Ganiaran sekaliqus

$1/48 \times \text{gaji} \times 12 \times \text{tempoh Perkhidmatan yang boleh dimasukkira (bulan)}$

(ii) Pencen bulanan seumur hidup

$1/144 \times \text{Tempoh Perkhidmatan yang boleh dimasukkira(bulan)} \times \text{gaji}$

Tetapi terhad kepada maksimum 3/5 dari gaji

Pencen bulanan diberi kepada Ahli yang berhenti selepas berkhidmat sekurang-kurangnya 36 bulan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkira. Selain daripada itu, bekas Ahli dan suami/isterinya juga diberi rawatan perubatan percuma seumur hidup di hospital Kerajaan.

(b) Kerajaan berpendapat faedah persaraan yang terkandung dalam *Akta 237* buat masa ini adalah memadai. Walau

Jawapanaimanapun, Kerajaan bersedia mengkaji semula faedah-faedah tersebut tertakluk kepada kedudukan semasa ekonomi negara.

108
104

NO
SOA
LAN
:j&f
Q&

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN
ENG (BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2012

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada beliau bercadang untuk memulangkan balik status pelabuhan bebas kepada Pelabuhan Pulau Pinang dan bila. Apakah manfaat status pelabuhan bebas, dan nyatakan bilangannya di Malaysia serta faedah dari segi kewangan yang diperoleh sejak ia dianugerahkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status Pulau Pinang sebagai Pelabuhan Bebas tidak lagi wujud selepas pulau tersebut dimasukkan ke dalam Kawasan Utama Kastam (Principal Customs Area) Semenanjung Malaysia berperingkat-peringkat sejak tahun 1965 sehingga tahun 1969.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 1971, lima (5) Zon Bebas (Free Zones) telah diwujudkan berperingkat-peringkat di Negeri Pulau Pinang, iaitu, dua (2) Zon Perindustrian Bebas di Bayan Lepas dan Perai serta tiga (3) Zon Perdagangan Bebas di Pelabuhan Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB)

Bayan Lepas dan Kompleks Kargo Udara Batu Maung.

Dalam tempoh lebih daripada 40 tahun kebelakangan ini, lima (5) zon bebas tersebut telah berjaya menjana pembangunan sektor perindustrian dan perdagangan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang dan bagi Malaysia pada amnya.

Walaupun konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud dan diamalkan setakat ini, Kerajaan Persekutuan memang sedar bahawa hasrat Barisan NasionalNegeri Pulau Pinang baru-baru ini yang mengemukakan cadangan untuk konsep baru bagi menjana dengan lebih giat lagi pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang, khasnya sektor perkhidmatan yang merangkumi pelancongan dan perdagangan.

Berdasarkan kepada maklumbalas dan sokongan dari rakyat, serta cadangan langkah-langkah konkret yang inovatif, Kerajaan Persekutuan bersedia untuk memberi pertimbangan dengan sikap positif dan terbuka .

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH 19 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah nombor telefon yang telah dibatalkan bagi iklan haram oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan pihak penyedia talian telefon.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Mei 2012, pemberi perkhidmatan selular (PPS) telah menamatkan 228 talian telefon yang diserahkan oleh sembilan (9) Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya; Majlis Bandaraya Petaling Jaya; Majlis Perbandaran Kajang; Majlis Bandaraya Melaka; Majlis Perbandaran Pasir Gudang; Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah; Majlis Daerah Kampar; Majlis Perbandaran Kangar; dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan.

NO. SOALAN: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH JAWAPAN : 19 JUN 2012 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) langkah konkrit dan bersepadu dalam menambah baik serta menaik taraf sistem tenaga elektrik di negeri Sabah; dan
- (b) tindakan positif dan konkrit dalam memastikan kekerapan atau sifar gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Secara umumnya, kejadian gangguan bekalan elektrik di Sabah adalah disebabkan oleh 3 punca utama berikut:
 - (i) *Reserve margin* yang tipis disebabkan perancangan projek penjanaan yang telah dibuat sebelum ini tidak dapat diteruskan akibat bantahan daripada sesetengah pihak. Langkah mitigasi bagi menggantikan kapasiti penjanaan tersebut memerlukan *lead time* yang agak lama. Sehubungan dengan itu, *demand side management*, dengan izin, terpaksa dilakukan ke atas pengguna-pengguna kuasa besar sekiranya terdapat masalah teknikal pada stesen-stesen jana kuasa utama;
 - (ii) Jaringan penghantaran dan pembahagian elektrik yang masih belum kukuh menyebabkan lucutan beban (*emergency load shedding*) kadangkala terpaksa dilakukan. Dalam kes di Semenanjung, pembangunan infrastruktur penghantaran dan pembahagian dilaksanakan dengan menggunakan dana TNB. Namun, perkara ini tidak dapat dilaksanakan di Sabah oleh SESB memandangkan kerugian berterusan yang dialaminya. Walaupun tarif SESB telah distrukturkan pada 15 Julai 2011 yang lalu, SESB masih terpaksa menanggung kerugian sebanyak 2.5 sen bagi setiap unit yang dijual. Hal ini menyebabkan pihak SESB masih terpaksa bergantung kepada dana peruntukan daripada Kerajaan untuk kerja-kerja menaiktarafkan sistemnya; dan

Kes kecurian elektrik oleh pihak ketiga juga kerap menyumbang kepada insiden gangguan bekalan elektrik di Sabah khususnya di kawasan Tawau dan Sandakan.

Bagi mengatasi punca-punca di atas Kerajaan telah mengemukakan pelan pemulihan bekalan elektrik Sabah yang terbahagi kepada 3 peringkat iaitu pelan jangka masa pendek yang dijangka mengambil masa di antara 1 hingga 2 bulan, pelan jangka masa sederhana iaitu

3 hingga 6 bulan dan pelan jangka masa panjang iaitu bagi tahun 2013 hingga tahun 2020.

Pelan jangka masa pendek antaranya akan melibatkan kerja-kerja penukaran konfigurasi talian 66kV daripada keadaan selari/jaringan (*parallel/mesh*) kepada berbentuk jejari (*radial*) bagi tujuan meningkatkan sistem perlindungan (*protection*) pada pepasangan- pepasangan SESB. Selain dari itu, pihak SESB juga akan mempercepatkan operasi sistem perlindungan bagi meminimumkan kesan gangguan bekalan terhadap pengguna di samping melindungi pepasangan-pepasangan dan sistem penjanaan.

Bagi pelan jangka masa sederhana, sistem pengurusan *reactive power* dan kawalan voltan akan diperkuuhkan. Selain dari itu, penyelenggaraan secara *condition based monitoring*, dengan izin, pada talian atas 33kV dan 11kV akan dilakukan dengan lebih kerap bagi mengenal pasti keadaan talian tersebut dan

melakukan pembaikan sekiranya perlu. Bagi menangani isu kekurangan kapasiti penjanaan pula, penyiapan kerja-kerja pemindahan set-set jana kuasa mudah alih 8MW dari Kota Kinabalu ke Batu Sapi pada bulan Julai 2012 dan Stesen Jana Kuasa Kubota 64MW di Tawau pada bulan Ogos 2012 dijangka akan memberikan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 72MW kepada grid di kawasan pantai timur Sabah.

Bagi pelan jangka masa panjang, pelaksanaan projek-projek penjanaan seperti yang diputuskan sebelum ini seperti Stesen Jana Kuasa SPR Energy, Kimanis Power dan Eastern Sabah Power Consortium (ESPC) akan diteruskan yang dijangka akan dapat memberikan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 700MW kepada sistem grid di Sabah. Selain dari itu, projek penjanaan berdasarkan tenaga boleh baharu (TBB) dengan jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 73.2 MW juga sedang giat dibangunkan. Bagi mengimbangi kebergantungan terhadap sumber bahan api gas serta mengurangkan kos penjanaan, projek-projek penjanaan secara hidroelektrik juga akan dibangunkan. Antara projek-projek yang telah dikenal pasti adalah seperti Projek Hidroelektrik Ulu Padas 150MW serta projek penyaluran tenaga daripada Sarawak. Di samping itu, pelaksanaan projek talian penghantaran *Southern Link* 275kV akan dapat memperkuuhkan lagi sistem grid secara keseluruhan di Sabah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH 19 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

- (a) berapa jumlah graduan lepasan Sarjana Muda Pendidikan Islam (SMPI) ditawarkan penempatan di sekolah bagi sesi 2012; dan
 - (b) mengapakah Kementerian mengambil masa agak lama untuk penempatan graduan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Pelantikan guru baru dilaksanakan berdasarkan kekosongan perjawatan pada satu-satu tahun. Sebagai contoh pada tahun 2011 sejumlah 8425 calon telah ditempatkan dan pada tahun 2010 sejumlah 9501 guru baru dilantik berkhidmat di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Bagi sesi tahun 2012, sejumlah 439 graduan opsyen Pendidikan Islam telah ditawarkan pelantikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara sebab penempatan graduan ini tidak dapat diuruskan pada tahun 2011 kerana tiada kekosongan jawatan baru. Namun, graduan pendidikan yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2011 telah menjalani temuduga SPP pada bulan Januari hingga Mac 2012 dan calon yang telah berjaya dalam temuduga SPP telah pun ditempatkan di sekolah pada 23 Mei 2012 .Rim48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH 19 . JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Slk] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan Penilaian Berdasar Sekolah (PBS) bagi pelajar Tingkatan 1 bermula awal tahun 2012 ini. Bagi Sekolah-Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat sehingga sekarang (Mei 2012) kod untuk key-in markah (score pelajar) belum lagi diterima oleh pihak sekolah. Apakah masalah sebenar yang menyebabkan perkara ini berlaku

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendedahan dan latihan penggunaan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) telah diadakan pada tahun 2011 bagi semua Jurulatih Utama (JU) yang akan membantu guru-guru menggunakan SPPBS. Jurulatih Utama kemudiannya melatih guru-guru mata pelajaran di sekolah-sekolah menggunakan SPPBS melalui *server* latihan. Sehubungan dengan itu semua guru dijangka telah bersedia untuk merekodkan pencapaian murid dan menjana pelaporan dalam SPPBS menjelang Jun 2012.

Bagi memastikan semua sekolah dapat melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sepenuhnya maka Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggandakan usaha untuk mendaftarkan sekolah-sekolah swasta yang belum berdaftar bagi membolehkan semua pihak mengakses SPPBS yang dibangunkan khusus bagi tujuan mengurangkan beban tugas guru dalam merekodkan pencapaian murid dan menyediakan pelaporan sepanjang enam

tahun di sekolah rendah dan tiga tahun di sekolah menengah. Justeru, semua guru di sekolah rendah dan sekolah menengah Kerajaan serta sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia boleh mengakses SPPBS untuk merekod pencapaian murid menjelang Jun 2012.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) memerlukan nombor pendaftaran sekolah yang berdaftar secara rasmi di bawah KPM bagi membolehkan sekolah-sekolah tersebut mendapatkan kod masing-masing untuk memasukkan markah. Bagi membolehkan PBS dilaksanakan di Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR), KPM menasihatkan supaya sekolah-sekolah tersebut berdaftar dengan KPM sama ada sebagai SABK atau Sekolah Swasta.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 19.06.2012

Y.B. TUAN JEFF 001 CHUAN AUN [JELUTONG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah konkrit, termasuk penjadualan dan mekanisme pelaksanaan, bagi gagasan penubuhan 'Financial Hub' di Seberang Prai, Pulau Pinang seperti mana yang diumumkan oleh Barisan Nasional pada bulan Mei, 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan masih dalam peringkat kajian dan perbincangan mengenai perkara tersebut. Pada ketika ini, Kerajaan belum memuktamadkan mengenai pelaksanaan cadangan tersebut.

NO SOALAN :j&f Q&A